



Nestlé

Creating Shared Value

Nutrition | Water | Rural Development



LAPORAN 2010

Kejayaan jangka panjang sesuatu perniagaan boleh dikecapi hanya dengan menjana nilai untuk Pemegang-pemegang Saham *dan* Masyarakat.

Menjana Nilai Bersama (CSV) diterapkan dalam segala yang kami lakukan. Ia *menjangkau* Kemampanan.

Paul Bulcke, Ketua Pegawai Eksekutif, Nestlé S.A.

Muka depan:

Program “Nestlé Healthy Kids” bertujuan untuk mendidik kanak-kanak supaya memahami nilai pemakanan dan aktiviti fizikal dengan lebih mendalam.

kandungan



20

RASA HORMAT DAN KEPRIHATINAN
KAMI TERHADAP MASYARAKAT



52

WARGA KERJA DAN
PERSEKITARAN KERJA KAMI



36

KOMITMEN KAMI
TERHADAP ALAM SEKITAR



64

PARA PENGGUNA
DAN PASARAN KAMI

- 2 Pesanan kepada Pihak Berkepentingan
- 4 Maklumat Ringkas
- 6 Struktur Organisasi
- 7 Sarang Burung & GOOD FOOD, GOOD LIFE
- 8 Strategi Global Menjana Nilai Bersama Nestlé
- 10 Nestlé Malaysia dan Menjana Nilai Bersama
- 12 Penglibatan Pemegang-pemegang Berkepentingan
- 16 Tadbir Urus Korporat
- 18 Data Prestasi
- 20 Rasa Hormat dan Keprihatinan Kami terhadap Masyarakat
- 36 Komitmen Kami Terhadap Alam Sekitar
- 52 Warga Kerja dan Persekitaran Kerja Kami
- 64 Para Pengguna dan Pasaran Kami
- 80 Anugerah & Pencapaian
- 82 Jadual GRI
- 90 Laporan Jaminan Bebas
- 92 Butir-butir Hubungan Nestlé

Tanggungjawab Sosial Korporat boleh ditafsirkan dalam pelbagai bentuk. Di Nestlé – ia bermaksud Menjana Nilai Bersama (CSV). Ia menjangkau pematuhan dan kemampanan, kerana kami mempercayai bahawa sesuatu perniagaan yang mengambil kira manfaat jangka panjang dan menuruti prinsip-prinsip perniagaan yang baik dapat menjana nilai untuk pemegang-pemegang saham serta masyarakat melalui aktiviti-aktivitinya.

Di Nestlé, kami telah menganalisa rangkaian nilai syarikat dan telah memutuskan bahawa bidang-bidang yang mempunyai potensi terbesar untuk pengoptimuman nilai bersama dengan masyarakat adalah Pemakanan, Air dan Pembangunan Luar Bandar. Bidang-bidang ini adalah teras kepada strategi perniagaan kami dan penting kepada kebajikan setiap ahli dalam masyarakat di mana kami beroperasi, baik di Malaysia ataupun di luarnya, kerana Pemakanan merupakan elemen yang penting untuk kesihatan; Air adalah penting untuk pengeluaran makanan dan mengekalkan kehidupan; dan Pembangunan Luar Bandar membantu mempertingkatkan tahap sosial dan ekonomi masyarakat.

Dengan menyemai CSV dalam perniagaan, kami boleh menjalankan inisiatif-inisiatif yang membawa keputusan

yang mempunyai kesan jangka panjang kepada masyarakat. Kami berhasrat untuk mewujudkan masyarakat yang berkembang dan mampan dengan menangani isu-isu yang berkaitan dengan kesihatan termasuk kekurangan zat pemakanan dan obesiti, gaya hidup yang kurang aktif, populasi penduduk yang bertambah tua dan kos perubatan yang semakin meningkat; serta amalan-amalan pertanian, kemiskinan luar bandar dan isu alam sekitar.

Dalam pada kita menghampiri 100 tahun penubuhan syarikat kami di Malaysia, kami dapat mengenalpasti dengan jelas kemajuan yang telah kami lakukan dalam menjana nilai untuk masyarakat serta pemegang saham kami. Kami telah banyak melabur dari segi tenaga kerja mahupun kewangan, dalam bidang-bidang yang memerlukan bantuan serta yang akan menghasilkan prospek yang tinggi untuk penjanaan nilai bersama. Kami telah bekerjasama dan melibatkan diri dengan rakan kerja yang sesuai untuk memastikan hasil yang baik dan mampan.

Laporan Menjana Nilai Bersama yang kelima ini bertujuan untuk menggambarkan cara kami menerapkan CSV dalam perniagaan harian dan bagaimana kita menangani masalah-masalah alam sekitar dan kemasyarakatan yang semakin membesar yang dihadapi negara ini.

Dalam pada kami menetapkan tanda aras baru bagi hasil-hasil yang dicapai, kami turut mengambil langkah untuk memperbaiki proses pelaporan. Laporan tahun ini lebih sejajar dengan piawaian-piawaian Global Reporting Initiative (GRI) dan kami telah bekerjasama dengan PricewaterhouseCoopers (PwC) untuk menyediakan jaminan pihak ketiga bagi data dan maklumat terpilih dalam Laporan CSV 2010 kita. Jaminan ini diusahakan selaras dengan pengiktirafan piawaian antarabangsa ISAE3000 yang dikeluarkan oleh International Auditing and Assurance Standards Board ("IAASB"). ISAE3000 diterima secara meluas oleh pembekal-pembekal jaminan bebas untuk menyediakan bimbingan bagi prestasi jaminan ke atas pelaporan kemampanan yang memberi tujuan dan unsur-unsur kepada semua urusan-urusan jaminan. Kami berhasrat untuk terus memperbaiki tahap jaminan dalam laporan-laporan masa hadapan dan sedia menerima maklumbalas anda mengenai laporan ini.

**Tan Sri Dato' Seri Syed Zainol
Anwar Jamalullail**

Pengerusi Lembaga Pengarah
Nestlé (Malaysia) Berhad

Peter Vogt

Pengarah Urusan
Nestlé (Malaysia) Berhad

Pesanan kepada Pihak Berkepentingan



Pengerusi dan Pengarah Urusan mengamalkan gaya hidup sihat yang disarankan Nestlé.

Dengan menyemai CSV dalam perniagaan, kami boleh menjalankan inisiatif-inisiatif yang membawa keputusan yang mempunyai kesan jangka panjang kepada masyarakat.

Maklumat Ringkas

Kumpulan Nestlé

- Diasaskan pada tahun 1866 oleh Henri Nestlé
- Pengeluar makanan terbesar di dunia, beribu pejabat di Switzerland
- Beroperasi di hampir setiap negara di dunia
- Mempunyai 280,000 warga kerja di seluruh dunia
- 449 buah kilang di 83 buah negara
- Lebih daripada 10,000 produk yang berbeza
- Lebih kurang 1 bilion produk dijual setiap hari
- Pusat penyelidikan pemakanan swasta yang terbesar di dunia, bertempat di Switzerland
- 29 buah Pusat Penyelidikan & Pembangunan di seluruh dunia
- Pelaburan tahunan sebanyak RM6 bilion untuk Penyelidikan & Pembangunan

Ditubuhkan di
Malaysia pada
tahun 1912

Pengeluar makanan
Halal terbesar
di Nestlé dan
merupakan Pusat
Kecemerlangan Halal
bagi Kumpulan Nestlé

Mempunyai 5,000
orang warga kerja

Menghasilkan lebih
daripada 300 produk
Halal

Mencatat perolehan
sebanyak RM4.0
bilion bagi tahun 2010

Disenaraikan di
Bursa Malaysia
sejak tahun 1989

Beribu pejabat di
Mutiara Damansara,
Selangor

7 kilang


1 Pusat Pengedaran
Kebangsaan

Nestlé Malaysia

Kategori Produk di Malaysia

- Kopi dan Minuman • Bantuan Masakan / Makanan Siap Dimasak • Susu
- Minuman • Makanan Kanak-Kanak • Bijirin Sarapan • Tenusu Dingin
- Ais Krim • Coklat dan Konfeksi • Pemakanan Penjagaan Kesihatan
- Pemakanan Prestasi • Nestlé Professional

Struktur Organisasi



□ Jawatankuasa Eksekutif

■ Perniagaan Diurus Secara Tempatan

■ Perniagaan Diurus Secara Rantau/Global

■ Khidmat Berkongsi

■ Usahasama

DITUBUHKAN ATAS DASAR NILAI BERSAMA

Nestlé telah ditubuhkan oleh Henri Nestlé – seorang ahli farmasi berbangsa Swiss yang telah menghasilkan susu tepung untuk menyelamatkan nyawa anak jirannya yang tidak dapat menerima susu ibunya. Pada tahun 1867 – tujuan beliau adalah untuk menangani masalah kematian bayi akibat kekurangan zat pemakanan. Berita mengenai produk ini telah tersebar di serata benua Eropah dan permintaan bagi produk tersebut meningkat secara mendadak. Dari situlah bermulanya legasi menjana nilai yang diterap dalam nilai-nilai dan prinsip-prinsip perniagaan korporat kami yang masih berdiri teguh sejak 140 tahun yang lalu. Hari ini, Nestlé tetap komited untuk memperkembang perniagaan kami sebagai syarikat Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan yang terkemuka di dunia, berdasarkan nilai-nilai kemanusiaan dan prinsip-prinsip yang bernas.

SARANG BURUNG – KEBANGGAAN NESTLÉ

Henri Nestlé telah menggunakan lambang keluarganya sebagai tanda perniagaan pada tahun 1867 dan perkataan 'Nestlé' yang bermaksud "sarang kecil" dalam bahasa ibundanya hari ini difahami di serata dunia sebagai lambang kemesraan, keselamatan, khasiat, kekeluargaan, pemupukan nilai-nilai murni dan keprihatinan.



ERTI GOOD FOOD, GOOD LIFE BAGI KAMI


Nestlé mempercayai bahawa makanan yang baik merupakan asas kepada kehidupan yang baik, kerana kekurangan akses kepada makanan dari segi mutu serta kuantiti boleh menyebabkan kekurangan zat pemakanan serta isu-isu kompleks yang lain, manakala pemakanan yang tidak seimbang dan keterlaluan boleh membawa kepada obesiti. Nestlé berazam menjadi syarikat Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan yang terulung serta menjadi rujukan untuk prestasi kewangan. Kami juga ingin memastikan bahawa kami dipercayai oleh semua pemegang berkepentingan.



Good Food, Good Life

...memberi gambaran menyeluruh mengenai Nestlé dan komitmen kami terhadap janji kami setiap hari, tidak kira di mana jua, sebagai syarikat Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan yang terunggul.

Sarang Burung & GOOD FOOD, GOOD LIFE



Menjana Nilai Bersama merupakan sebahagian daripada etos perniagaan Nestlé; yang menyatakan bahawa demi menjana nilai jangka panjang bagi para pemegang saham, kami juga harus menjana nilai untuk masyarakat. Selain daripada menjalankan perniagaan dalam persekitaran yang mampan dan menjana nilai bersama untuk pemegang-pemegang saham mahupun masyarakat, kami juga perlu mematuhi Prinsip-prinsip Perniagaan Korporat kami.

BIDANG FOKUS KAMI

Nestlé komited untuk melaporkan prestasi secara terbuka; yang menggambarkan bidang-bidang yang mempunyai impak semasa yang signifikan mahupun yang berpotensi mempunyai impak terhadap Syarikat. Ini termasuk bidang yang menimbulkan kebimbangan bagi para pemegang berkepentingan kami, yang mana di bawah kawalan kami.

Di Nestlé, kami telah menganalisa rangkaian nilai syarikat dan telah mengenalpasti bahawa bidang-bidang yang mempunyai potensi terbesar untuk pengoptimuman nilai bersama dengan masyarakat adalah Pemakanan, Air dan Pembangunan Luar Bandar. Aktiviti-aktiviti ini adalah teras kepada strategi dan operasi perniagaan kami, dan kami mempunyai program-program bersama dengan lebih daripada 100 buah organisasi di seluruh dunia dalam ketiga-tiga bidang ini:

- **Pemakanan:** kerana makanan dan pemakanan adalah asas kepada kesihatan dan perniagaan kami – ia merupakan asas kewujudan kami.
- **Air:** kerana kualiti dan kewujudan berterusannya adalah penting untuk kehidupan, pengeluaran makanan serta operasi kami.
- **Pembangunan luar bandar:** kerana kesejahteraan keseluruhan para petani dan masyarakat luar bandar adalah asas kepada keupayaan syarikat untuk terus menjalankan perniagaan pada masa akan datang.

Ketiga-tiga bidang ini merupakan asas kepada matlamat perniagaan keseluruhan kami, iaitu “Untuk menjadi peneraju bidang Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan yang diperakui dan dipercayai oleh semua pemegang berkepentingan”.



Nestlé

Creating Shared Value

Nutrition | Water | Rural Development

Strategi Global Menjana Nilai Bersama Nestlé

Pemakanan, Air dan Pembangunan Luar Bandar

CABARAN-CABARAN

Cabaran-cabaran kami adalah pelbagai dan merangkumi isu-isu ekonomi, alam sekitar dan sosial, serta di skala tempatan dan global. Ini termasuk:

Memenuhi keperluan pemakanan pengguna-pengguna berpendapatan rendah: Untuk menyediakan para pengguna dengan pilihan yang paling sedap dan berkhasiat dalam pelbagai kategori makanan dan minuman serta pengalaman makan pada bila-bila sahaja, sejajar dengan misi "GOOD FOOD, GOOD LIFE" kami.

Krisis global air: Pada tahun kebelakangan ini, isu air semakin diperbincangkan, bersamaan isu perubahan iklim sebagai satu isu alam sekitar yang penting. Dengan kira-kira dua pertiga air telah digunakan untuk tujuan pertanian, masa depan pertanian dan keselamatan makanan akan terjejas jika kita tidak dapat menyelesaikan

kekrisis air dunia. Kami telah mengamalkan piawaian-piawaian yang ketat untuk mengurangkan penggunaan air di kilang-kilang dan kemudahan-kemudahan kita, dan turut membantu para petani menjadi pengguna air yang lebih baik, di samping menyokong kesedaran sumber air dan program-program pendidikan.

Pembungkusan: Nestlé telah mengurangkan jumlah bahan bungkusan yang digunakan untuk setiap tan produk secara signifikan. Selain daripada pengurangan berat, peningkatan-peningkatan dalam prestasi persekitaran juga berkaitan, dan peralatan rekaan-eko pembungkusan kami boleh membantu dalam pemilihan pembungkusan paling sesuai untuk banyak produk-produk kami.

Minyak sawit mampan: Kami juga turut berkongsi kebimbangan mengenai ancaman alam sekitar terhadap hutan hujan dan paya gambut yang serius yang disebabkan oleh ladang-ladang minyak sawit dan menyertai penyelesaian yang melibatkan pelbagai pemegang berkepentingan bagi masalah rumit ini. Kami hanya membeli minyak sawit yang diproses dan campuran minyak diproses, kami tidak menggunakan minyak sawit mentah dan kami tiada hubungan secara langsung dengan ladang-ladang. Kami turut menjalankan satu kajian semula yang mendalam terhadap rangkaian bekalan kami dan komited untuk menggunakan hanya Certified Sustainable Palm Oil (CSPO) sebelum tahun 2015.

Menjana Nilai Bersama merupakan sebahagian daripada etos perniagaan Nestlé; yang menyatakan bahawa demi menjana nilai jangka panjang bagi para pemegang saham, kami juga harus menjana nilai untuk masyarakat.



Model Menjana Nilai Bersama Nestlé

Nestlé Malaysia dan Menjana Nilai Bersama

Kami sedar bahawa usahasama strategik merupakan kunci kejayaan inisiatif-inisiatif kami.

Usaha-usaha Menjana Nilai Bersama (CSV) kami di Malaysia telah berkembang sejak bertahun lamanya dan kini kami berada dalam kedudukan yang lebih baik untuk menilai keberkesanan inisiatif-inisiatif yang telah kami mulakan. Pendekatan kami lebih diperkemas dan kami lebih bersedia untuk mengukur hasil-hasil inisiatif-inisiatif tersebut.

Meskipun fokus global CSV adalah Pemakanan, Air dan Pembangunan Luar Bandar, setiap pasaran diberi kebebasan untuk menentukan skop, sifat dan pelaburan setiap inisiatifnya. Maka, adalah penting bagi setiap pasaran untuk menilai setiap inisiatif demi memastikan bahawa ia mampan dan menghasilkan keputusan-keputusan yang diingini.

Sejajar dengan definisi pembangunan mampan Suruhanjaya Brundtland – “pembangunan yang memenuhi keperluan masa kini tanpa menjejaskan kebolehan generasi akan datang untuk memenuhi keperluan mereka sendiri” – kami berusaha untuk memastikan kemampuan dalam usaha-usaha kita di seluruh rangkaian nilai.

Salah satu contoh usahasama ialah projek di Setiu yang telah dimulakan oleh Nestlé pada tahun 2007 bersama dengan WWF-Malaysia, yang bertujuan untuk memperkasa masyarakat tempatan, khususnya kaum wanita, dengan kemahiran dan pengetahuan untuk menyertai aktiviti-aktiviti pembangunan mampan yang akan mempertingkatkan pendapatan mereka. Wanita-wanita ini juga digalakkan untuk menerajui aktiviti-aktiviti kesedaran pemuliharaan dan seterusnya menjadi penjaga-penjaga alam sekitar kawasan Tanah Bencah Setiu.

Setiu telah dipilih kerana ia merupakan habitat kepada populasi terbesar tuntut (painted terrapin) yang kian pupus serta sarang untuk penyu hijau yang terancam. Ia juga merupakan kawasan yang kaya dengan flora dan fauna serta tempat pembiakan yang penting untuk ikan laut dan air tawar.

Hari ini, Tanah Bencah Setiu menjadi tempat aktiviti-aktiviti seperti penanaman semula bakau di mana lebih daripada 3,000* anak benih telah ditanam sejak projek itu bermula, sementara tahap kesedaran terhadap penjagaan penyu dan alam sekitar berada di tahap yang paling tinggi di kalangan masyarakat tempatan.

Didorong oleh keyakinan baru, kaum wanita di Tanah Bencah Setiu kini kian maju, dengan menggunakan kemahiran keusahawanan asas, kesedaran persekitaran serta kemahiran komunikasi masing-masing yang membolehkan mereka terlibat dalam aktiviti-aktiviti ekonomi secara kecil-kecilan dan memainkan peranan yang lebih besar dalam memajukan industri eko-pelancongan tempatan.

Begitu juga, memastikan kesejahteraan komuniti di mana kami mendapatkan sumber bahan-bahan mentah untuk produk-produk kami adalah kunci kejayaan berterusan kami dan pembangunan negara. Dengan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dan sumber-sumber pendapatan baru, atau dengan memperkasakan masyarakat yang miskin melalui pendidikan, dan menggalakkan amalan-amalan pengeluaran mampan serta membeli secara langsung dari pembekal-pembekal skala kecil, kami akan memberi kesan kepada ekonomi tempatan dan cara hidup masyarakat.

Kami sedar bahawa usahasama strategik merupakan kunci kejayaan inisiatif-inisiatif kami. Kami tidak bercadang untuk memulakan sesuatu yang baru. Sebaliknya, kami ingin menjana nilai bersama melalui kerjasama dengan rakan-rakan kongsi terbaik, sama ada Badan-Badan Bukan

* Rujuk kepada laporan jaminan PWC di mukasurat 90 hingga 91

Pengarah Urusan, En. Peter Vogt dan Ketua Pegawai Eksekutif WWF-Malaysia, Dato' Dionysius Sharma menanam semula pokok bakau bersama wanita-wanita PEWANIS.

Projek beras merah Nestlé Malaysia membantu menjana nilai bersama bagi para petani di Sarawak.

Para pengguna mencuba inovasi minuman terbaru kami di Pameran NESTLÉ NOURISHING MALAYSIA.

Kerajaan, Kerajaan mahupun mana-mana organisasi lain yang boleh membantu kami menyampaikan keputusan jangka panjang.

Kami banyak mempunyai contoh bagaimana kami menjana nilai untuk masyarakat di Malaysia dan laporan ini bertujuan untuk menunjukkan bagaimana Nestlé Menjana Nilai Bersama. Bagi mematuhi syarat-syarat Bursa Malaysia, kami telah membahagikan inisiatif-inisiatif kami kepada empat bahagian:

1. Rasa Hormat dan Keprihatinan Kami terhadap Masyarakat
2. Komitmen Kami terhadap Alam Sekitar
3. Warga Kerja dan Persekitaran Kerja Kami
4. Para Pengguna dan Pasaran Kami

HAD & SKOP LAPORAN

Maklumat yang terkandung dalam Laporan CSV tahunan ini (laporan terdahulu bertarikh 31 Disember 2009) merangkumi operasi-operasi Nestlé Malaysia bagi tahun berakhir 31 Disember 2010 melainkan dinyatakan sebaliknya. Data disediakan unit-unit perniagaan Nestlé, tidak termasuk usahasama dan pembekal-pembekal, melainkan dinyatakan dengan khususnya. Data persekitaran merujuk kepada tujuh kilang Nestlé Malaysia sahaja, sementara maklumat-maklumat kesihatan dan keselamatan meliputi kesemua 5,004 warga kerja Nestlé Malaysia.

Kami terus mengutamakan isu-isu penting tersebut, yang mempunyai impak semasa yang signifikan mahupun yang berpotensi mempunyai impak terhadap Syarikat, yang menimbulkan kebimbangan bagi para pihak berkepentingan dan yang mana di bawah kawalan kami.



Penglibatan Pemegang-pemegang Berkepentingan

Dua sesi penglibatan telah diadakan pada bulan Jun dan Disember 2010, dan telah dihadiri oleh pakar-pakar dalam tiga bidang tumpuan CSV kami – Pemakanan, Air dan Pembangunan Luar Bandar.

PENGLIBATAN PIHAK BERKEPENTINGAN

Berikutan sesi penglibatan pihak berkepentingan yang pertamanya pada Oktober 2007, Nestlé Malaysia telah menganjurkan sesi-sesi seumpamanya secara tahunan. Dua sesi penglibatan telah diadakan pada bulan Jun dan Disember 2010, dan telah dihadiri oleh pakar-pakar dalam tiga bidang tumpuan CSV kami – Pemakanan, Air dan Pembangunan Luar Bandar. Pakar-pakar ini mewakili pelbagai sektor termasuk Tadbir Urus Korporat, Masyarakat, Alam Sekitar, Pembangunan Mampan, Pemakanan & Kesihatan, Pengguna dan Isu-isu Wanita, serta Hak Asasi Manusia antara lainnya.

Matlamat perbincangan berkenaan adalah untuk:

- Memberi maklumat dan perkembangan terkini kepada pihak berkepentingan
- Membincangkan pendekatan Menjana Nilai Bersama Nestlé
- Mendapatkan maklumbalas mengenai:
 - Inisiatif-inisiatif Menjana Nilai Bersama
 - Isu-isu Utama
 - Tindakan dan Penilaian
 - Komunikasi dan Pelaporan

Para pemegang berkepentingan berkongsi pendapat dan cadangan masing-masing di kedua-dua sesi penglibatan yang diadakan pada tahun 2010.



Berikut adalah ringkasan mengenai apa yang telah diperbincangkan dalam dua sesi Penglibatan Pihak Berkepentingan yang diadakan pada bulan Jun dan Disember 2010:

Topik	Isu-isu yang Diketengahkan	Saranan Pihak Berkepentingan	Pelan Tindakan Nestlé
Pemakanan & Kesihatan	Kurang komunikasi/kesedaran mengenai produk-produk yang diperbaharui	Untuk memperluas lagi komunikasi mengenai inovasi-inovasi produk kepada pakar pemakanan	<ul style="list-style-type: none"> • Terus memperbaiki pendidikan kepada orang awam dan komunikasi mengenai pemakanan. • Pengenalan GDA (Guideline Daily Amounts), untuk menyertakan maklumat mengenai khasiat pemakanan, kalori dsb.
	Mempromosi gaya hidup yang sihat dan makanan yang sihat	Tiada	<ul style="list-style-type: none"> • Mempromosi tabiat makanan yang sihat di kalangan kanak-kanak Malaysia melalui program Nestlé Healthy Kids, usahasama dengan Persatuan Pemakanan Malaysia. • Inisiatif World Walking Day untuk mempromosi senaman dan gaya hidup sihat. • Pelancaran kempen "How Am I" untuk membantu rakyat Malaysia memantau tahap kesihatan mereka. • Secara dalaman – menggalakkan kesejahteraan di kalangan warga kerja setiap hari spt. Staircase Mondays; mengedarkan buah-buahan pada setiap hari Selasa dan Khamis; Exercise Wednesdays; Lunch N' Learn Thursdays.
	Kebimbangan terhadap kandungan gula dan MSG yang tinggi di dalam produk	Berkomunikasi dengan jelas mengenai produk-produk yang dikurangkan kandungan gula, lemak atau garam	<ul style="list-style-type: none"> • Menggunakan bahan alternatif untuk menggantikan gula • Inovasi dan renovasi produk yang berterusan spt. mempercepatkan di mana mungkin, pengurangan lemak, gula dan garam di dalam produk-produk. • Pengenalan MAGGI TASTYLITE Atta Noodles; MILO Kurang Manis; KIT KAT Singles; penggunaan pelbagai jenis bijirin dalam bijirin CHEERIOS; penggunaan pewarna asli untuk konfeksi SMARTIES, konfeksi ais MAT KOOL dan rangkaian Produk Tenusu Dingin NESTLÉ.

Penglibatan Pemegang-pemegang Berkepentingan

Topik	Isu-isu yang Diketengahkan	Saranan Pihak Berkepentingan	Pelan Tindakan Nestlé
	Bolehkah Nestlé menawarkan lebih banyak aktiviti-aktiviti NHW kepada kumpulan-kumpulan lain?	<ul style="list-style-type: none"> • Kanak-kanak tadika • Penghidap penyakit kencing manis • Persatuan Kedai Kopi 	<ul style="list-style-type: none"> • Untuk mempertimbangkan aktiviti-aktiviti yang lebih mudah atau penggunaan bahan-bahan yang lebih mudah untuk mendidik kanak-kanak di bawah umur tujuh tahun. • Untuk mempertimbangkan kemungkinan untuk memberi tumpuan kepada kumpulan sasaran tertentu spt. pesakit-pesakit jantung, darah tinggi, diabetes dsb. • Untuk meneruskan Pameran tahunan NHW dan menganjurkannya di kawasan lain untuk memperluaskan lagi capaiannya. • Kempen-kempen untuk menggalakkan minuman MILO tanpa gula di saluran Di Luar Rumah / dengan susu, penggunaan krim bukan tenusu / susu segar dan susu sejat dalam masakan dan sebagai krim minuman.
Air dan Alam Sekitar	<p>Kurang pengetahuan mengenai inisiatif-inisiatif Nestlé yang berkaitan dengan isu-isu alam sekitar dan air.</p> <p>Tiada kesinambungan antara perniagaan Nestlé dengan isu-isu alam sekitar</p>	Memperbaiki komunikasi mengenai inisiatif-inisiatif Syarikat dalam pemuliharaan air dan komitmen terhadap alam sekitar	<ul style="list-style-type: none"> • Mempertingkatkan kesedaran mengenai pemuliharaan air melalui kerjasama dengan pihak media. • Secara dalaman – mengurangkan tekanan air dari paip air dan mengoptimalkan penggunaan air dalam proses pengilangan. • Penyaliran air hujan dan pengitaran semula air yang telah dirawat di ladang-ladang kontrak. • Meneruskan kontrak selama tiga tahun dengan WWF-Malaysia untuk projek kemampunan Tanah Bencah Setiu.
Pembangunan Luar Bandar	Usaha-usaha dalam membantu membangun komuniti/kawasan luar bandar	Tiada	<p>Meneruskan dengan usaha-usaha sedia ada untuk membina kehidupan yang mampan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Skim perladangan kontrak spt. perladangan cili and beras merah. • Projek Pembangunan Mampan Setiu. • Usahasama dengan Raleigh untuk membina tadika di kawasan-kawasan pedalaman Sabah.

Topik	Isu-isu yang Diketengahkan	Saranan Pihak Berkepentingan	Pelan Tindakan Nestlé
	Dengan cara apa sumbangan Nestlé terhadap pengurangan penggunaan bahan pembungkusan dan kitar semula?	<p>Mempertingkatkan kesedaran terhadap kepentingan inovasi pembungkusan dan kitar semula.</p> <p>Mendidik pengguna mengenai manfaat inovasi untuk mengurangkan penggunaan bahan pembungkusan.</p>	<p>Meneruskan pengurangan bahan pembungkusan.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengurangkan ketebalan tin aluminium minuman sedia diminum MILO dan NESCAFÉ. • Menggunakan cawan plastik berdinding nipis untuk MAGGI Hot Cup. • Cawan minuman yogurt YOCO yang mempunyai ketebalan yang kurang sebanyak 60%. • Mengurangkan ketinggian pek spt. susu tepung NESPRAY <p>Aktiviti kitar semula dengan Tetra Pak dan Tesco Stores – pemuliharaan hutan hujan Belum-Temengor.</p>
Lain-lain	Peningkatan harga produk-produk pengguna berikutan peningkatan harga bahan mentah, bahan pembungkusan, penghantaran/ pengedaran dll.	Mengekalkan atau mengurangkan peningkatan harga produk	<p>Mengekalkan harga sedia ada atau mengurangkan peningkatan harga melalui:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pembaikan proses pengilangan dan kecekapan operasi • Pengurangan bahan pembungkusan • Pembaikan amalan-amalan pertanian • Peningkatan kecekapan di sumber bekalan untuk memperbaiki pengedaran

Tadbir Urus Korporat

Nestlé komited terhadap piawaian yang tinggi dalam tadbir urus korporatnya. Lembaga Pengarah dan setiap individu bertanggungjawab secara langsung kepada pemegang-pemegang saham dan pihak berkepentingan untuk memastikan yang tadbir urus korporat yang baik dilaksanakan di setiap peringkat operasi Syarikat termasuk perhubungan dengan pihak ketiga. Dokumen-dokumen yang menjadi panduan termasuk, antara lain, "Prinsip-prinsip Perniagaan Korporat Nestlé" dan "Kod Pembekal Nestlé". Syarikat telah menggunakan "Prinsip-prinsip Tadbir Urus Korporat Nestlé" syarikat induknya, Nestlé S.A. di Vevey, Switzerland, sebagai amalan terbaiknya dalam tadbir urus korporat. Prinsip-prinsip tadbir urus korporat meliputi empat bahagian berikut:

- Hak-hak dan tanggungjawab pemegang-pemegang saham;
- Layanan saksama pemegang-pemegang saham;
- Tugas-tugas dan tanggungjawab pengarah-pengarah; dan
- Pendedahan dan ketelusan.

En. Peter Vogt menerima anugerah ACCA MaSRA daripada Datuk Mohd. Nasir Ahmad, Presiden Jawatankuasa Penasihat ACCA Malaysia.



En. Marc Seiler menerima anugerah CSR Terbaik di Anugerah Indeks Tadbir Urus Korporat 2010 yang dianjurkan oleh MSWG (The Minority Shareholder Watchdog Group).



Pengarah-pengarah kami dimaklumkan tentang mengenalpasti tadbir urus korporat yang baik serta peranan peribadi, tanggungjawab dan liabiliti pada Siri Pembangunan Pengarah-pengarah Bukan Eksekutif.



Prinsip-prinsip ini adalah sejajar dengan Kod Malaysia mengenai Tadbir Urus Korporat [Semakan 2007] perenggan-perenggan 15.26 dan 15.27 Syarat-syarat Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad.

Nota: Kenyataan penuh mengenai Tadbir Urus Korporat terdapat dalam Laporan Korporat Nestlé 2010.

LATIHAN UNTUK PENGARAH-PENGARAH BUKAN EKSEKUTIF

Siri Pembangunan Pengarah-pengarah Bukan Eksekutif (NEDDS) – sebuah program latihan satu hari yang dikendalikan oleh Securities Industry Development Corporation (SIDC) dan PricewaterhouseCoopers Advisory Services Sdn. Bhd. (PwC) pada November 2010 menyediakan satu gambaran keseluruhan prinsip utama Tadbir Urus Korporat.

Pada akhir program, peserta-peserta mampu:

- Menganalisa asas-asas Tadbir Urus Korporat serta amalan-amalan terbaik;

- Menilai bagaimana rangka kerja perundangan dan rangka kerja statutori akan memberi kesan terhadap Tadbir Urus Korporat;
- Menilai pentingnya badan korporat dan komposisinya, tugas-tugas fidusiari lembaga, pengarah-pengarah urusan dan pengarah-pengarah bukan eksekutif;
- Menilai pengurusan risiko ketidakpatuhan tadbir urus korporat oleh organisasi-organisasi.

Peserta-peserta adalah: Tan Sri Dato' Seri Syed Anwar Jamalullail (Pengerusi Lembaga Pengarah), Tengku Tan Sri Dato' Dr Mahaleel Tengku Ariff (Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif), Datuk Rafik bin Shah Mohamad (Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif) dan Datuk Rafiah Salim (Pengarah Bebas, Bukan Eksekutif). Dari Nestlé: Peter Vogt (Pengarah Urusan), Marc Seiler (Pengarah Eksekutif, Kewangan & Kawalan), Chew Soi Ping (Pengarah Eksekutif, Ais Krim), Zainun Nur Abdul Rauf (Pengarah Sumber Manusia Designate & Hal Ehwal Korporat) dan Abdul Wahab Abu Bakar (bekas Pengarah Sumber Manusia).

MENJANA NILAI BERSAMA

Menjana Nilai Bersama ialah sebahagian etos perniagaan Nestlé dan diterap dalam kegiatan-kegiatan perniagaan Syarikat.

Kita mematuhi piawaian-piawaian ISO dan peraturan-peraturan tempatan serta Piawaian & Panduan Dalam Nestlé dan amalan-amalan kita disahkan oleh juruaudit-juruaudit pihak ketiga SGS semasa audit tahunan ISO 14001.

Aktiviti-aktiviti CSV Nestlé diawasi secara dalaman oleh Jabatan Hal Ehwal Korporat, di mana sasaran-sasaran dan pencapaian-pencapaian dikumpul dan dilaporkan sejajar dengan garis-garis panduan Global Reporting Initiative (GRI).

Dalam tahun 2011, Majlis CSV yang mengandungi wakil-wakil dari Unit-unit Perniagaan dan Hal Ehwal Korporat akan ditubuhkan dengan objektif untuk memperkemas aktiviti-aktiviti CSV merentasi semua jenama dan memastikan bahawa ia sejajar dengan dasar-dasar Syarikat mengenai kemampanan.

Nestlé di Malaysia mengikuti strategi pelaksanaan yang terbaik bagi tadbir urus korporat. Kami percaya bahawa reputasi Syarikat boleh dilindungi dengan mematuhi undang-undang dan peraturan dalaman, serta ini juga melengkapi asas untuk penjanaan nilai bersama yang mampan.

Data Prestasi

MENJANA NILAI BERSAMA - RUMUSAN PRESTASI

Sejajar dengan Inisiatif Pelaporan Global (GRI), kami telah menyertakan set penanda ekonomi di dalam Laporan CSV tahun ini:

	Rujukan GRI	2008	2009	2010
Ekonomi				
Jumlah jualan MY (RM)	EC1			RM4,026,319,000
Untung bersih	EC1			RM391,398,000
Pasaran				
PEMAKANAN				
Produk yang mencapai atau menjangkau kriteria profil Asas Pemakanan (sebagai % jualan)	Tiada			74%
Produk yang mencapai atau menjangkau pilihan citarasa pengguna (sebagai % jualan)				81%
Produk dengan tambahan khasiat berbanding pesaing (sebagai % jualan)				54%
Produk dengan kenyataan khasiat di bahagian hadapan bungkusannya				64%
Produk yang disertakan dengan Kompas Pemakanan Nestlé (sebagai % jualan)				100%
Produk dengan pelabelan GDA (sebagai % jualan)				57%
PEMAKANAN, KESIHATAN & KESEJAHTERAAN				
Bilangan jumlah pengunjung di kedua-dua acara Pameran Menjana Khasiat Malaysia				24,696
Kesan Alam Sekitar Kami				
Jumlah penggunaan tenaga (GJ)	EN3 / EN4	1,469,618	1,435,477	1,468,294
Jumlah penggunaan tenaga (GJ setiap tan produk yang dikeluarkan)	Tiada	4.84	4.68	4.39
Jumlah pelepasan tenaga rumah hijau (tan CO2e)	EN16			147,048
Penggunaan air (m ³)	EN8	1,716,318	1,595,692	1,693,838
Penggunaan air (m ³ setan produk yang dikeluarkan)	Tiada	5.65	5.21	5.07
Sisa buangan tidak berbahaya yang dibuang ke tapak pelupusan (t)	EN22	3,622	3,418	2,473
Bahan yang dikitar semula (t)	EN22	17,974	15,043	21,315
Warga Kerja Kami				
Saiz tenaga kerja	LA1			5,004
Kadar Kekurangan Kehilangan Masa Akibat Kecelakaan (LTIFr)	LA7			0.78
Kedudukan kepimpinan dipegang oleh wanita	LA13			23%
Pusing ganti pekerja	LA2			8%
Penyertaan Kaji Selidik Pendapat Warga Kerja "Nestlé & Saya"	#			98%
Skor Penglibatan Warga Kerja	#			77%

	Rujukan GRI	2008	2009	2010
Komuniti Kami				
Bilangan kanak-kanak yang menerima manfaat daripada Projek Tadika Kg. Maliau Layung bersama Raleigh International				40-50
Jumlah bilangan ahli PEWANIS yang menerima manfaat daripada Projek Tanah Bencah Setiu bersama WWF-Malaysia (aktif & tidak aktif)				13
Bilangan pelajar yang menerima manfaat daripada Program Nestlé Healthy Kids				2,600
Bilangan kem yang dilancarkan di bawah kempen MILO PLAY MORE LEARN MORE				6
Bilangan peserta yang mengambil bahagian dalam acara World Walking Day				10,000
Bilangan petani yang menerima manfaat daripada Projek Beras Merah di Serian, Sarawak				300
Program Sukarelawan Warga Kerja Nestlé (ROCKS)				
Jumlah bilangan sukarelawan yang menyertai aktiviti-aktiviti pada tahun 2010 (kakitangan & bukan kakitangan)	#			72
Bilangan jam (jumlah)	#			393.5

Penanda khusus Nestlé

EKONOMI

	Rujukan GRI	2010
Kesan Operasi		
Bilangan kilang	#	7
Bilangan barisan produk	#	224
Nilai Penjualan		
Jumlah jualan MY	EC1	RM4,026,319,000
Nilai Pengedaran		
Hasil jualan bersih	EC1	RM4,026,319,000
Kos operasi		RM856,801,000
Cukai		RM74,346,000
Untung bersih		RM391,398,000

Penanda khusus Nestlé

Kami Menjana Nilai Bersama dengan masyarakat dengan berkongsi pengetahuan kami tentang pemakanan, amalan-amalan pertanian yang baik serta kajian dan pembangunan (R&D).

Program "Nestlé Healthy Kids" yang baru dilancarkan boleh diakses melalui internet di laman web www.healthykids.org.my



Rasa Hormat dan Keprihatinan Kami terhadap Masyarakat



Matlamat Pembangunan Milenium (MDG) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Menjadi sebahagian daripada masyarakat tempatan dan menyaksikan pertumbuhan yang positif dan mampan merupakan salah satu matlamat utama Nestlé sejak pelancaran Matlamat Pembangunan Milenium (MDG) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dan konsep Menjana Nilai Bersama terus memperkukuhkan keperluan ini.

Diterima oleh pemimpin-pemimpin dunia pada tahun 2000 dengan tarikh sasaran untuk mencapai matlamat-matlamat berkenaan menjelang tahun 2015, Matlamat Pembangunan Milenium (MDG) tersebut menetapkan penanda aras dan menyediakan rangka kerja untuk masyarakat global bekerjasama ke arah satu perjuangan yang sama – pembangunan untuk setiap insan.



Para peserta sedang berseronok dengan aktiviti memasak di bengkel Ibubapa-Anak-Anak Program Nestlé Healthy Kids.

Menerusi usaha kami bersama pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di kalangan masyarakat setempat, kami berupaya untuk memenuhi sebahagian daripada lapan MDG dan akan terus mencari pendekatan baru untuk selebihnya:

- Matlamat 1: Menghapuskan kemiskinan tegar dan kebuluran
- Matlamat 2: Mencapai pendidikan peringkat rendah sejagat
- Matlamat 3: Menggalakkan kesaksamaan gender dan memperkasakan kaum wanita
- Matlamat 4: Mengurangkan kadar kematian kanak-kanak
- Matlamat 5: Meningkatkan kesihatan golongan ibu
- Matlamat 6: Memerangi HIV/AIDS, malaria dan penyakit lain
- Matlamat 7: Memastikan kemampuan alam sekitar

Matlamat 8: Membentuk Perkongsian Global untuk Pembangunan

Kami memilih inisiatif masyarakat kami secara berhati-hati dan kami melengkapinya dengan kepakaran kami dalam bidang pemakanan, amalan pertanian yang baik, pendidikan dan R&D bagi memaksimumkan impak kami.

KANAK-KANAK SIHAT BAKAL MENJADI GOLONGAN DEWASA SIHAT (SILA RUJUK KEPADA KAJIAN KES)

Sebuah program global yang dibentuk untuk menyahut salah satu daripada cabaran dunia yang kompleks – kekurangan zat makanan dan obesiti, khasnya di kalangan kanak-kanak – telah dilancarkan oleh Nestlé Malaysia pada tahun 2010. Objektif program tersebut adalah untuk mencari kaedah

Kami memperkukuh
kepakaran kami dalam
bidang pemakanan,
amalan pertanian
yang baik dan R&D
bagi memaksimumkan
impak kami.



Kanak-kanak belajar dengan mengambil bahagian di dalam klinik jurulatih di bawah kempen MILO PLAY MORE LEARN MORE.

yang terbaik untuk menggalakkan kanak-kanak memakan makanan yang berkhasiat, mendidik mereka dan ibubapa masing-masing tentang makanan yang betul dan memastikan bahawa hanya makanan-makanan yang berkhasiat diperoleh di sekolah-sekolah.

Dengan kerjasama Persatuan Pemakanan Malaysia, Program Nestlé Healthy Kids adalah sebahagian daripada inisiatif global yang menggunakan pendidikan sebagai alat untuk membantu mendidik dan memperkasakan kanak-kanak bagi menjalani gaya hidup yang lebih sihat. Program global berkenaan bertujuan untuk meningkatkan pemakanan, kesihatan dan kesejahteraan kanak-kanak menerusi pemakanan yang lebih baik, senaman dan langkah-langkah utama kesihatan yang lain contohnya kebersihan.

Disasarkan untuk kanak-kanak sekolah berumur antara 7-12 tahun, ibu bapa dan guru serta pengusaha kantin, program berkenaan termasuk kempen kesedaran mengenai pemakanan dan aktiviti fizikal; dan program intervensi longitudinal dengan pemantauan bagi meningkatkan pengetahuan, sikap dan amalan terhadap pemakanan dan aktiviti fizikal.

Program tersebut juga menyediakan bahan pendidikan untuk kanak-kanak termasuk buku komik, penanda buku dan poster serta buku panduan untuk ibu bapa.

LANGKAH BERIKUTNYA:

Intervensi akan dilaksanakan pada awal tahun 2011 di enam buah sekolah, melibatkan 250 orang pelajar, dan ini akan dijalankan selama tiga tahun akan datang.

KEMPEN MILO PLAY MORE LEARN MORE

Inisiatif tersebut yang mensasarkan penggunaan ikon sukan terkenal sebagai teladan untuk menyebarkan mesej mengenai kepentingan budaya bersukan dipertingkatkan pada tahun 2010 di mana enam buah kem telah dilancarkan sepanjang tempoh cuti sekolah pada bulan November dan Disember. Satu ciri unik adalah kesemua enam buah kem berkenaan dijalankan oleh Jawatankuasa Rukun Tetangga yang terdiri daripada ibu bapa dari kawasan kejiranan setempat dengan sokongan MILO. Aktiviti-aktiviti termasuk klinik jurulatih yang diikuti dengan pertandingan kecil. Bagi memastikan aktiviti ini berterusan, MILO menyumbang peralatan sukan untuk permainan bola jaring, bola sepak dan bola keranjang kepada komuniti Rukun Tetangga yang terlibat. Selain penglibatan dalam aktiviti ini, apa yang membawa senyuman kepada ramai yang terlibat adalah kehadiran van MILO hijau di kawasan berkenaan. Para pengguna boleh melayari laman web khusus www.milo.com.my/playmore untuk maklumat lanjut.



DARI KIRI:

Nestlé menganjurkan “World Walking Day” untuk warga kerja dan orang ramai bagi meningkatkan kesedaran mereka mengenai kesihatan dan manfaat berjalan.

Wanita tempatan Kelantan memilih dengan teliti cili-cili berkualiti untuk Sos Cili MAGGI.

BERJALAN KE ARAH KESIHATAN

Salah satu daripada penemuan utama daripada kajian besar-besaran membabitkan 47 buah sekolah rendah di kawasan bandar dan 41 buah sekolah rendah di kawasan pedalaman yang merangkumi 12,000 orang pelajar yang dikendalikan oleh Nestlé Malaysia dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada tahun 2009, adalah masalah kanak-kanak yang mempunyai berat badan berlebihan dan gemuk yang telah meningkat kepada 26.5% daripada 20% dalam tempoh enam tahun.

Penanda amaran itu telah mencetuskan pasukan Nestlé untuk merangka satu inisiatif yang boleh menggalakkan rakyat Malaysia untuk mula bersenam. Ini mencetuskan ilham ‘World Walking Day’, yang telah dilancarkan di enam lokasi berbeza secara serentak:

- Kuala Lumpur: Taman Tasik Titiwangsa
- Pulau Pinang: Lapangan Polo, Jalan Sepoy Line
- Kuantan: Padang MPK 1
- Johor: Taman Sri Stulang, Johor Bahru
- Sabah: Stadium Kompleks Sukan Penampang
- Sarawak: Waterfront, Kuching

Lokasi Taman Tasik Titiwangsa telah menarik pengunjung terbesar (3,000 orang) dan jumlah peserta di enam lokasi adalah seramai 10,000 orang. Setiap peserta dalam acara tersebut berjalan sebanyak 3,000 langkah pada pagi itu – yang merupakan 30% daripada 10,000 langkah yang disarankan untuk individu setiap hari.

Nestlé berharap ‘World Walking Day’ akan diperluaskan ke seluruh negara dan memberi inspirasi kepada masyarakat untuk berjalan bersama-sama setiap hari bagi kesejahteraan diri di mana-mana jua.

Nestlé berharap untuk menggalakkan masyarakat setempat untuk mengambil bahagian dalam acara berjalan bersama jiran dan teman mereka di sepanjang tahun.

LANGKAH SETERUSNYA:

Nestlé Malaysia akan berkongsi ‘cerita berjalan’ dengan pasaran Nestlé yang lain di seluruh dunia dengan harapan seluruh dunia akan berjalan untuk kesejahteraan.

Rasa Hormat dan Keprihatinan Kami terhadap Masyarakat



PERLADANGAN KONTRAK MEMBANTU MENAIKTARAF MASYARAKAT BERPENDAPATAN RENDAH

Nestlé melalui Jabatan Khidmat Pertaniannya telah mula bekerja dengan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dengan melibatkan petani tempatan untuk menanam cili yang digunakan untuk membuat sos cili MAGGI dan membantu peluang pendapatan yang baru dan mampan untuk petani-petani miskin yang berpendapatan purata kurang daripada RM650 sebulan*. Para petani di bawah projek ini telah ditapis, ditemuduga dan dipilih oleh jawatankuasa pengurusan projek untuk memastikan bahawa mereka memenuhi syarat-syarat skim tersebut. Kesemua cili yang dihasilkan dijual terus kepada LPP tanpa melalui orang tengah serta memastikan terdapat pembeli yang sedia ada untuk kesemua produk cili berkenaan yang dibeli pada harga yang telah ditetapkan. Ini adalah sejajar dengan Polisi Kemampanan Alam Sekitar Nestlé yang menyatakan bahawa, "Apabila memilih

Apabila memilih bahan mentah asas tani, Nestlé memilih untuk menggunakan bahan asas tani yang dihasilkan menggunakan amalan-amalan pertanian yang mampan serta diperoleh secara tempatan.

bahan mentah asas tani, Nestlé memilih untuk menggunakan bahan asas tani yang dihasilkan menggunakan amalan-amalan pertanian yang mampan serta diperoleh secara tempatan."

Jumlah petani yang terlibat dalam projek ini telah meningkat dengan pesat sepanjang tempoh projek tersebut bermula dengan empat* orang petani pada tahun 1995 dan kini mencapai lebih 150 orang petani*. Petani-petani yang terlibat dalam skim ini telah mendapat manfaat di mana mereka telah dapat menjana pendapatan tambahan daripada aktiviti-aktiviti pertanian sampingan yang dijalankan di luar musim.

Projek ini telah memenangi Anugerah Perdana Menteri untuk Pembangunan Sosio-Ekonomi; di mana petani-petani ini telah diberi akreditasi SALM (Skim Amalan Ladang Baik Malaysia) yang memperakui

amalan-amalan pertanian yang terbaik di Malaysia. SALM memberi pengiktirafan dan pensijilan kepada ladang-ladang yang menggunakan amalan-amalan perladangan yang baik (GAP) dan diukur terhadap piawaian-piawaian pertanian antarabangsa yang dipersetujui seperti EUREP GAP Eropah. Akreditasi ini ialah satu pengiktirafan penting terhadap kualiti hasil serta mencerminkan amalan-amalan pertanian yang dijalankan serta merangkumi prinsip-prinsip Pengurusan Kualiti Keseluruhan dari ladang ke pengguna.

Dengan kejayaan projek perladangan kontrak cili di Kelantan, skim ini telah direplikasi untuk perladangan beras merah di Sarawak.

* Rujuk kepada laporan jaminan PWC di mukasurat 90 hingga 91



DARI KIRI:

Skim Kontrak Perladangan Beras Merah kami membantu meningkatkan tahap sosio-ekonomi bagi petani-petani luar bandar di Sarawak.

Kanak-kanak tadika tempatan di Sabah di dalam bilik darjah yang dibina oleh Nestlé dan Raleigh International.

PROJEK BERAS MERAH DI SERIAN, SARAWAK

Nestlé (Malaysia) Berhad adalah pengeluar serantau untuk bijirin bayi, yang mana bahan utamanya adalah beras merah yang banyak terdapat di Sarawak. Bergabung bersama Institut Penyelidikan & Pembangunan Pertanian Malaysia (MARDI), Pusat Penyelidikan Pertanian (ARC) Sarawak dan Jabatan Pertanian Sarawak untuk skim perladangan kontrak ini, Nestlé berharap untuk merangsang sektor pertanian tempatan.

Di bawah skim perladangan kontrak di Serian, lebih daripada 500 orang petani meliputi kira-kira 350ha tanah pertanian luar bandar diperuntukkan untuk menanam dan mengeluarkan beras merah tradisional; dengan bimbingan penggunaan optimum sumber pertanian dan memperkenalkan inovasi perladangan baru bagi mengurangkan kos dan meningkatkan hasil.

Lima tahun selepas dilancarkan, projek tersebut mencapai kematangan untuk memperoleh manfaat daripada pengkomersilan berskala penuh, yang

disokong oleh komitmen Nestlé bagi meneruskan R&D dan meningkatkan produktiviti ladang dan pada masa yang sama, mengekalkan sistem perladangan semulajadi petani beras merah di Sarawak. Jenis beras merah yang baru turut diteroka.

Bertujuan untuk mencipta peluang pendapatan baru untuk petani di kawasan tersebut serta berpegang kepada falsafah Nestlé mengenai penjanaan nilai bersama dan memenuhi Matlamat Pembangunan Milenium Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, projek berkenaan mendedahkan para petani kepada Amalan Pertanian Baik (GAP) dan membantu mereka untuk berdikari.

Projek berkenaan juga mendapat manfaat daripada perjanjian tiga pihak antara Nestlé, MARDI dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) untuk kerjasama rasmi penyelidikan dan pembangunan (R&D) bagi pertanian, pengurusan dan pelaksanaan Dana Tekno MOSTI yang menyaksikan RM500,000 disalurkan kepada Nestlé untuk tujuan pengkomersilan. Ini digunakan untuk memperoleh peralatan pertanian yang sesuai untuk peladang tradisional kecil bagi mengurangkan beban penuaian mereka.

Rasa Hormat dan Keprihatinan Kami terhadap Masyarakat



Nestlé telah membina enam buah tadika di beberapa kawasan paling terpencil di Sabah, yang juga merupakan antara daerah termiskin di Malaysia.

Salah satu matlamat utama untuk menjalankan kontrak sepenuhnya penyediaan bekalan beras merah adalah untuk memastikan pelaksanaan Amalan Pertanian Baik, yang kemudiannya akan memastikan perladangan yang selamat dan mampan dijalankan. Sebagai tambahan, pengesanan bahan mentah akan turut dipertingkatkan, iaitu satu keperluan utama untuk pengurusan kualiti keseluruhan.

Nestlé membeli hampir semua keluaran mereka, para petani pula dibenarkan untuk menyimpan sebahagian daripada hasil tuaian mereka untuk benih semaian bagi penanaman berikutnya, sejumlah kecil untuk peruncitan setempat dan juga untuk penggunaan keluarga mereka sendiri.

LANGKAH SETERUSNYA:

Memperkuhkan Program Beras Merah Sarawak untuk mendapat kesetiaan dan kepatuhan petani, serta menggiatkan R&D. Untuk memulakan program pemakanan bagi mendidik masyarakat setempat.

PENDIDIKAN PRA-SEKOLAH – KAWASAN PEDALAMAN SABAH

Akses kepada pendidikan, terutamanya pendidikan pra-sekolah, adalah satu cabaran di kawasan pedalaman Sabah yang tiada kemudahan moden dan rangkaian pengangkutan. Menerusi usahasama bersama Raleigh International – satu pertubuhan amal pembangunan pendidikan beribu pejabat di UK yang berjuang untuk membantu masyarakat daripada pelbagai latar belakang dan budaya menemui potensi sebenar mereka - Nestlé telah membina enam buah tadika di beberapa kawasan paling terpencil di Sabah, yang juga merupakan antara daerah termiskin di Malaysia. Pendidikan pra-sekolah telah dipilih sebagai satu asas yang baik untuk membantu memperkasakan golongan

penerima, membasmi kemiskinan, membina pendapatan mampan dan membolehkan masyarakat untuk berkembang maju.

Dengan mengenalpasti seorang calon untuk dilatih sebagai guru daripada masyarakat setempat, Nestlé mampu untuk memastikan kemampunan usahanya manakala jabatan pendidikan setempat melatih calon tersebut.

Di samping membiayai tadika, Nestlé turut menaja belia tempatan untuk terlibat dalam projek Raleigh bagi membantu membina sekumpulan sukarelawan yang boleh meneruskan usaha menggalakkan belia lain untuk menghulurkan bantuan di kampung dan masyarakat terpencil. Setiap tadika yang boleh menampung antara 40-50 orang kanak-kanak daripada kampung yang telah dikenalpasti serta kawasan sekitarnya dilengkapi dengan perabot, buku dan alat tulis.

Rasa Hormat dan Keprihatinan Kami terhadap Masyarakat



Pada tahun 2010, sebuah tadika telah dibina di Kg. Maliau Layung di Pitas. Tadika Maliau telah dibina dalam tempoh 10 minggu dan melibatkan sepasukan 34 orang sukarelawan. Tadika berkenaan akan memberi kemudahan pendidikan pra-sekolah untuk anggaran 40 – 50 kanak-kanak kecil berusia di antara 4 – 6 tahun.

LANGKAH SETERUSNYA:

Nestlé akan terus bekerjasama dengan Raleigh pada tahun 2011 bagi memastikan lebih ramai kanak-kanak kurang bernasib baik di kawasan pedalaman Sabah akan memperoleh kemudahan untuk pendidikan awal. Raleigh telah mengenalpasti Kg. Songsogon Magandai, sebuah kampung terpencil kira-kira 60km dari Kota Marudu. Sebuah tadika yang juga untuk kemudahan masyarakat berhampiran di Songsogon Suyad, akan dibina untuk menampung sehingga tiga puluh orang kanak-kanak.

MEMPERKASAKAN WANITA UNTUK MEMIMPIN

Pada tahun 2007, Nestlé dan WWF-Malaysia memulakan satu projek untuk memperkasakan masyarakat setempat di Kampung Mangkok, khususnya wanita, dengan kemahiran dan pengetahuan untuk menyertai aktiviti pembangunan mampan yang akan meningkatkan kehidupan mereka sambil memperkasakan mereka untuk menerajui aktiviti kesedaran pemuliharaan dan akhirnya menjadi penjaga alam sekitar kawasan berkaitan untuk memulihara Tanah Bencah Setiu.

Tanah Bencah Setiu adalah penempatan kepada populasi terbesar dunia haiwan terancam penyu air tawar dan menjadi tempat bertelur bagi spesies terancam penyu hijau. Ia turut kaya dengan fauna dan flora serta tempat membiak yang penting untuk ikan air tawar dan ikan laut.

Hari ini, Tanah Bencah Setiu rancak dengan aktiviti seperti penanaman paya bakau di mana 3,000* anak benih telah ditanam sejak projek tersebut dimulakan manakala kesedaran pemuliharaan penyu dan alam sekitar sentiasa menjadi keutamaan masyarakat setempat.

Projek berkenaan yang membabitkan salah satu daripada habitat paling kaya dan unik di Malaysia telah mencapai matlamat asalnya untuk pemuliharaan hutan pantai serta pembinaan keupayaan masyarakat setempat, kini menghampiri pengakhir kitaran tahun ketiganya.

Sejak projek ini bermula, kakitangan daripada Nestlé telah mengunjungi Kampung Mangkok sebanyak enam kali untuk bertemu dan berkongsi pengetahuan mengenai amalan pengeluaran yang baik, pembungkusan dan pemasaran produk syarikat dengan golongan wanita yang menggelarkan diri mereka PEWANIS (Usahawan Wanita Setiu). Sebagai tambahan kepada sesi bengkel dan dialog, Nestlé juga menghadihkan Kumpulan tersebut sebuah komputer dan pencetak untuk membantu kerja pemasaran dan perakaunan mereka.

“Sejak tahun 2007 Nestlé dan WWF-Malaysia telah menyediakan latihan untuk membolehkan wanita Setiu untuk mengambil bahagian dalam pemuliharaan tanah bencah sambil meningkatkan tahap kehidupan mereka. Kami berharap perkongsian yang

* Rujuk kepada laporan jaminan PWC di mukasurat 90 hingga 91



DARI KIRI:

Kanak-kanak Kg. Maliau Layung dan sukarelawan Raleigh merayakan pembinaan tadika yang keenam.

Pengusaha Wanita-wanita Setiu (PEWANIS) menanam semula pokok bakau di Tanah Bencah Setiu.

berpanjangan dan membuah hasil akan berterusan untuk masa hadapan yang cerah, dengan itu kami dapat mewariskan generasi akan datang dunia yang mampan,” kata Dato’ Dr Dionysius Sharma, Pengarah Eksekutif / CEO WWF-Malaysia.

Tahun 2010 menyaksikan berakhirnya fasa pertama perkongsian Nestlé dengan WWF Malaysia, di mana penubuhan PEWANIS telah menyaksikan ahlinya mempertingkatkan kemahiran keusahawanan dan peranan mereka dalam memastikan kemampuan masyarakat mereka. Pada bulan Februari, secara rasmi PEWANIS telah didaftarkan di bawah Akta Pertubuhan 1966 dan Peraturan Pertubuhan 1984.

Sebagai tambahan kepada usaha kerepek pisang tradisional mereka untuk mendapatkan pendapatan sampingan, PEWANIS juga menganjurkan kelas Bahasa Inggeris percuma untuk kanak-kanak setempat, mengendalikan aktiviti kesedaran pemuliharaan dan aktif dalam usaha penanaman paya bakau.

Sebagai bukti kepada perkembangan berterusan mereka, mereka kini meneroka peluang perniagaan lain seperti eko-

plancongan menerusi rundingan dengan syarikat pelancongan serta agensi-agensi kerajaan bagi membangunkan program *homestay* untuk pengunjung tempatan dan antarabangsa.


Projek “Pembangunan Mampan Setiu” adalah sejajar dengan Matlamat Pembangunan Milenium Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang mencari peluang untuk meningkatkan kehidupan penduduk miskin di luar bandar menerusi aktiviti pendidikan, latihan kemahiran atau menjana pendapatan.

LANGKAH SETERUSNYA:

Nestlé akan meneruskan peringkat kedua Projek Kemampanan Tanah Bencah Setiu bersama WWF, memberi tumpuan kepada Pengukuhan Kepelbagaian supaya projek tersebut diperluaskan dan dimanfaatkan dalam masyarakat lain, serta mampan dalam jangka panjang.

Hari ini, Tanah Bencah Setiu rancak dengan aktiviti seperti penanaman paya bakau di mana 3,000* biji anak benih telah ditanam sejak projek tersebut dimulakan.

Rasa Hormat dan Keprihatinan Kami terhadap Masyarakat



Nestlé
Healthy Kids
Global Programme



KAJIAN KES Program Nestlé Healthy Kids

Setelah membangunkan kepakaran pemakanan berdekad lamanya, Nestlé percaya bahawa ia mampu menyumbang kepada pengetahuan mengenai pemakanan, dengan menggunakan pendidikan sebagai alat untuk membantu kanak-kanak memahami nilai pemakanan dan aktiviti fizikal.

Program Global Nestlé Healthy Kids dicipta hasil daripada keperluan untuk menangani isu-isu kompleks yang melanda masyarakat secara global – kekurangan zat makanan dan obesiti, serta bertujuan untuk mempertingkatkan tahap pemakanan, kesihatan dan kesejahteraan kanak-kanak yang berusia antara 4-16 tahun menerusi pengambilan zat makanan yang lebih baik, aktiviti fizikal dan kebersihan.

Usaha berkenaan telah diperkenalkan dengan kerjasama pihak berkuasa kesihatan kebangsaan, pakar pemakanan kanak-kanak serta yayasan pendidikan. Ia akan diperluaskan ke setiap pasaran Nestlé menjelang akhir tahun 2011, dengan setiap

pasaran menyesuaikan program tersebut mengikut keperluan masing-masing. Di pasaran yang lebih maju seperti Amerika Syarikat misalnya, obesiti merupakan cabaran utama manakala untuk negara membangun dan kurang membangun, kekurangan zat makanan menjadi tumpuan utama pula. Penyelesaian untuk kedua-dua masalah berkenaan adalah pemakanan yang berkhasiat dan aktiviti fizikal yang mencukupi.

Di Malaysia, Nestlé bekerjasama dengan Persatuan Pemakanan Malaysia (NSM) untuk melaksanakan program Healthy Kidsnya. Dilancarkan pada bulan Ogos 2010, program berkenaan telah mendekati kira-kira 2,600 orang pelajar di lima buah sekolah di seluruh Lembah Klang dalam tempoh tiga bulan pada tahun 2010.

Program Healthy Kids di Malaysia melibatkan pelaksanaan program dua serampang. Disasarkan kepada kanak-kanak sekolah berusia antara 7-12 tahun, ibu bapa serta guru-guru, program tersebut termasuk satu

kempen kesedaran mengenai pemakanan dan aktiviti fizikal yang dijalankan secara interaktif; dan satu program intervensi longitudinal dengan pemantauan untuk meningkatkan pengetahuan, sikap dan amalan terhadap pemakanan dan aktiviti fizikal.

Untuk mengukur kesan sesi kesedaran terhadap kumpulan sasaran, 30 orang pelajar daripada setiap sekolah yang dikunjungi telah dipilih secara rawak untuk kajian pra dan pasca mengenai pengetahuan pemakanan asas bagi menilai sama ada terdapat peningkatan pengetahuan selepas sesi tersebut. Pemeriksaan Indeks Jisim Tubuh (BMI) turut dijalankan untuk menilai status pemakanan mereka.

“Program Healthy Kids ini pastinya akan memberi sumbangan yang positif terhadap peningkatan kesedaran di kalangan kanak-kanak, ibu bapa dan guru-guru mengenai kepentingan pemakanan, kesihatan dan aktiviti fizikal dan kami tidak sabar untuk



melaksanakan aktiviti yang dirancang di bawah program ini,” kata Dr. Tee E Siong, Presiden Persatuan Pemakanan Malaysia di majlis pelancaran program berkenaan.

“Lebih penting lagi, program berkenaan termasuk komponen penyelidikan yang bertujuan untuk memperkembang dan menentukan keberkesanan bahan-bahan pendidikan bagi memudahkan pengajaran pemakanan kepada kanak-kanak sekolah rendah. Kami berharap pada akhir program ini, kami akan memperoleh pendekatan yang sesuai dan bahan-bahan untuk mengajar pemakanan di sekolah rendah yang dapat kami berkongsi bersama Kementerian Pendidikan,” kata Dr. Tee.

Aktiviti-aktiviti di bawah Program Nestlé Healthy Kids di Malaysia termasuk:


- Satu bengkel Ibubapa-Anak-anak bagi kedua ibu bapa dan kanak-kanak membincangkan dan mempelajari pemakanan dan gaya hidup sihat kanak-kanak bersama pakar-pakar.
- Laman web Program Nestlé Healthy Kids (www.healthykids.org.my) yang mengandungi alat pendidikan dan permainan interaktif mengenai pemakanan sihat dan gaya hidup yang aktif.

- Roadshow di sekolah-sekolah untuk menyampaikan mesej pemakanan sihat kepada kanak-kanak sekolah dengan cara yang menyeronokkan.
- Satu kajian intervensi longitudinal – “Penilaian Pakej Pendidikan Pemakanan untuk Kanak-kanak Sekolah Rendah” – bagi mempertingkatkan pengetahuan, sikap serta amalan pemakanan dan aktiviti fizikal di kalangan kanak-kanak, ibu bapa dan guru-guru yang akan bermula pada awal tahun 2011.

Program tersebut juga akan menawarkan bahan pendidikan untuk kanak-kanak termasuk buku komik, penanda buku dan poster; buku panduan untuk ibu bapa, dan banyak lagi.


Inisiatif Healthy Kids ini sudah dijalankan selama beberapa tahun di beberapa negara seperti Australia, Perancis, Brazil, Rusia, Itali dan Hungary, dan sudah mendekati kira-kira empat juta kanak-kanak di seluruh dunia. Semua program direka dengan kerjasama badan kesihatan dan pemakanan profesional, pihak berkuasa kesihatan kebangsaan, pakar pemakanan kanak-kanak dan yayasan pendidikan di setiap negara. Di Asia Tenggara, negara-negara seperti Singapura, negara Thai dan Filipina juga telah melaksanakan program ini.

86% ibu bapa telah banyak mempelajari daripada bengkel tersebut



Nota: Salah seorang ibu bapa telah mencadangkan bahawa bengkel tersebut seharusnya lebih interaktif

95% ibu bapa berminat untuk menghadiri bengkel ini pada masa hadapan



Nestlé percaya bahawa ia mampu menyumbang kepada pengetahuan mengenai pemakanan, dengan menggunakan pendidikan sebagai alat untuk membantu kanak-kanak memahami nilai pemakanan dan aktiviti fizikal.

Rasa Hormat dan Keprihatinan Kami terhadap Masyarakat

MASYARAKAT KAMI – PRESTASI KAMI

	Rujukan GRI	2010
PROJEK KOMUNITI UTAMA		
Projek Tadika Kg. Maliau Layung bersama Raleigh International		
Bilangan sukarelawan	#	34
Bilangan kanak-kanak terlibat	#	40-50
Projek Tanah Bencah Setiu bersama WWF-Malaysia		
Aktiviti Penanaman Semula Paya Bakau (bilangan anak pokok ditanam mulai Jun 2008 – Oktober 2010)	#	3,766
Bilangan ahli PEWANIS:		
i) Ahli yang aktif	#	10
ii) Ahli kurang aktif	#	3
iii) Ahli-ahli lain (Ahli Sekutu & Kehormat, penasihat & juruaudit)	#	14
Program Nestlé Healthy Kids		
Bilangan sekolah yang terlibat		5
Bilangan pelajar terlibat		2,600
NASAM: Malaysia's Biggest Breakfast		
Bilangan sukarelawan	#	30
Sumbangan kepada percetakan/pos cagaran MBB & kos sampingan lain (RM)	#	30,000
Kempen MILO PLAY MORE LEARN MORE		
Bilangan kem dilancarkan	#	6
Acara 'World Walking Day'		
Bilangan lokasi	#	6
Jumlah bilangan peserta (untuk semua 6 lokasi)	#	10,000
Projek Beras Merah di Serian, Sarawak		
Bilangan peladang terlibat / mendapat manfaat daripada projek	#	300
Program Sukarelawan Warga Kerja Nestlé (ROCKS)		
Bilangan aktiviti	#	10
Bilangan sukarelawan:		
i) Kakitangan	#	59
ii) Bukan kakitangan	#	13
Bilangan jam (jumlah)	#	393.5

Penanda khusus Nestlé

SASARAN DAN PENCAPAIAN

RASA HORMAT DAN KEPRIHATINAN KAMI TERHADAP MASYARAKAT		
Pembangunan Luar Bandar, Pendidikan dan Kesedaran Pemakanan		
Sasaran Kami	Pencapaian Kami Setakat Ini	Maju Ke Hadapan
Nestlé menyokong peluang pendidikan saksama bagi masyarakat di kawasan luar bandar yang kekurangan kemudahan asas untuk pendidikan pra-sekolah demi memberi mereka permulaan awal dalam kehidupan berbanding rakan sebaya mereka di kawasan yang lebih maju.	<p>Dengan kerjasama Raleigh International, Nestlé telah menyumbang terhadap pembinaan enam buah tadika di beberapa bahagian terpencil di Sabah, yang paling terkini merupakan tadika di Kampung Maliau Layung yang terletak di daerah Pitas.</p> <p>Bagi memastikan kesinambungan usahasama ini, Nestlé bersama-sama dengan jabatan pendidikan tempatan telah mengenalpasti calon-calon daripada masyarakat tempatan untuk dilatih sebagai guru-guru di tadika tersebut. 😊</p>	<p>Nestlé akan terus bekerjasama dengan Raleigh bagi memastikan usaha ini berterusan dan akan terus membantu masyarakat di kawasan pedalaman Sabah.</p> <p>Selain daripada tadika, peruntukan akan diberi untuk membina kawasan perumahan bagi guru-guru yang ditugaskan untuk mengajar.</p> <p>Nestlé bercita-cita untuk memperkenalkan komponen pemakanan untuk inisiatif ini bagi mempertingkatkan pemakanan, kesihatan dan kesejahteraan kanak-kanak melalui pemakanan seimbang, aktiviti fizikal dan kebersihan.</p>
Menyediakan peluang pembelajaran bagi kanak-kanak kurang upaya fizikal dan mental.	<p>Nestlé telah melawat Sudut Pembelajaran Nestlé di Sekolah Khas Cheras dan Sekolah Khas Klang yang merupakan dua sekolah khas di bawah naungan Persatuan Kurang Upaya bagi Selangor dan Wilayah Persekutuan untuk memantau kemajuan dan keperluan mereka. Sekolah-sekolah ini telah meminta komputer baru, mesin pencetak dan bahan-bahan pembelajaran. Walaubagaimanapun, tiada Sudut Pembelajaran baru ditubuhkan pada tahun 2010. 😞</p> <p>Nestlé Malaysia telah menaja beberapa aktiviti yang dijalankan oleh Jumping Jelly Beans (JJB) – sebuah syarikat yang bertanggungjawab untuk memperkenalkan dunia teater kepada kanak-kanak melalui teknik berlakon dan interaksi yang berbeza. Aktiviti yang disediakan termasuk latihan teater di Special Needs Learning Centre (SNLC) dan Pertubuhan Penjaga Insan Istimewa Malaysia (MAGIC), persembahan bercerita dan penajaan pelajar-pelajar di acara “Magic of the Musicals”. 😊</p>	<p>Nestlé akan menyediakan komputer baru, mesin pencetak dan bahan pembelajaran bagi dua buah sekolah tersebut. Nestlé juga merancang untuk mendirikan sebuah lagi Sudut Pembelajaran pada tahun 2011.</p> <p>Nestlé akan mempertimbangkan untuk menaja aktiviti yang disediakan oleh JJB pada masa hadapan atau bekerjasama dengan organisasi lain yang turut terlibat dalam inisiatif untuk membantu golongan kanak-kanak kurang upaya.</p>
Mempromosikan kesaksamaan gender dan memperkasa kaum wanita melalui pendidikan dan latihan selaras dengan Matlamat Pembangunan Milenium Bangsa-Bangsa Bersatu yang membuka peluang untuk mempertingkatkan taraf hidup penduduk luar bandar melalui pendidikan, latihan kemahiran dan kegiatan yang menghasilkan pendapatan.	<p>Pada tahun 2007, Nestlé dan WWF-Malaysia telah memulakan sebuah projek untuk membantu memperkasa kaum wanita dari Setiu, Terengganu, dengan kemahiran dan pengetahuan untuk menyertai kegiatan pembangunan mampan yang akan mempertingkatkan pendapatan mereka sambil memperkasa mereka untuk menerajui aktiviti-aktiviti pemuliharaan.</p> <p>Hari ini, Tanah Bencah Setiu telah dibaik pulih melalui aktiviti penanaman semula bakau di mana lebih daripada 3,000* anak benih telah ditanam sejak projek itu bermula. Sementara itu, kesedaran tentang pemuliharaan penyu dan persekitaran semakin meningkat di kalangan penduduk tempatan.</p>	<p>Projek “Pembangunan Mampan Tanah Bencah Setiu” ini telah memberi semangat kepada kaum wanita tempatan untuk mencari peluang keusahawanan yang lain seperti eko-pelancongan dan buat masa ini mereka sedang membangunkan program <i>homestay</i> bagi pengunjung tempatan dan antarabangsa.</p>

* Rujuk kepada laporan jaminan PWC di mukasurat 90 hingga 91

Rasa Hormat dan Keprihatinan Kami terhadap Masyarakat

Sasaran Kami	Pencapaian Kami Setakat Ini	Maju Ke Hadapan
	Nestlé akan meneruskan dengan tahap kedua Projek Kemampuan Tanah Bencah Setiu bersama-sama dengan WWF, dengan lebih memberi tumpuan kepada Diversifikasi dan pada masa yang sama terus memberikan pendidikan dan pengetahuan tentang pemuliharaan tanah bencah. 😊	Nestlé juga sedang mengkaji cara untuk memberi sokongan kepada kaum wanita untuk mencari peluang pendapatan baru.
Memberi peluang pendapatan untuk mereka yang ingin menceburi dunia perniagaan.	<p>Bahagian Ais Krim NESTLÉ telah memperkenalkan peluang perniagaan “mobile” untuk individu yang berminat dalam bidang usahawan mandiri dengan menyediakan pelaburan dengan bayaran bunga bersubsidi, pakaian seragam percuma, cukai jalan, serta perlindungan “Personal Accident” dan insurans.</p> <p>Latihan diberikan untuk produk, penjualan dan rangkaian bekalan. Kesemua 29 orang peserta juga diberikan pelbagai skim insentif bagi menghargai prestasi mereka.</p> <p>Keputusan akhirnya - individu dapat memastikan pendapatan mereka berkekalan dalam jangka masa panjang untuk kesejahteraan mereka. 😊</p>	<p>Untuk memberikan latihan berterusan kepada individu sebagai penjual bergerak dan memberi insentif kepada mereka untuk merekrut dan menguruskan individu untuk turut serta dalam program ini.</p> <p>Mereka juga digalakkan untuk merekrut individu yang kurang upaya.</p>
Pemakanan dan Kesihatan Mengetengahkan isu kompleks yang mengganggu masyarakat global – kekurangan khasiat pemakanan dan obesiti melalui peningkatan kesedaran dan aktiviti.		
Meningkatkan pemakanan, kesihatan dan kesejahteraan kanak-kanak melalui cara pemakanan yang lebih baik, bersenam dan mengambil langkah-langkah kesihatan yang lain seperti kebersihan.	<p>Pada tahun 2010, Nestlé Malaysia telah melancarkan Program Nestlé Healthy Kids dengan kerjasama Persatuan Pemakanan Malaysia – sebuah projek perintis yang bertujuan untuk mendidik dan mempengaruhi kanak-kanak menuju ke arah cara pemakanan yang sihat dan gaya hidup yang direka untuk menghadapi cabaran kekurangan zat pemakanan dan obesiti di kalangan kaum muda.</p> <p>Program kesedaran tersebut telah melibatkan lebih kurang 2,600 orang pelajar dari lima buah sekolah yang terlibat.</p> <p>Sebuah laman web (www.healthykids.org.my) telah ditubuhkan untuk mengajar ibu bapa dan kanak-kanak untuk lebih mengetahui tentang zat pemakanan dengan cara yang lebih seronok dan efektif. Laman web ini memperkenalkan peranti interaktif dan memberi cadangan praktikal tentang zat pemakanan dan gaya hidup sihat. 😊</p>	Pada tahun 2011, Nestlé akan melancarkan program intervensi – sebuah projek perintis yang akan berlangsung di enam buah sekolah, melibatkan 250 orang pelajar.
Mempertingkatkan tahap kesedaran di kalangan pemegang berkepentingan utama tentang masalah obesiti dan mendidik mereka tentang kepentingan bersenam.	<p>Pada tahun 2010, kadar obesiti di kalangan kanak-kanak dan rakyat Malaysia telah meningkat maka Nestlé telah memulakan World Walking Day untuk mendorong masyarakat Malaysia untuk berjalan dan bersenam untuk kesihatan mereka.</p> <p>Inisiatif ini dilancarkan di enam buah lokasi di seluruh Malaysia secara serentak dan telah menarik perhatian lebih kurang 10,000 orang peserta. 😊</p>	<p>Untuk tahun 2011, kami akan menggalakkan masyarakat untuk menganjurkan “Walking Day” dengan jiran serta rakan-rakan di sepanjang tahun. Nestlé akan menyokong kumpulan pejalan kaki dengan memberi kemeja-T serta pensampelan produk percuma.</p> <p>Nestlé Malaysia akan berkongsi dengan pasaran Nestlé di negara lain tentang “cerita berjalan” dengan tujuan untuk mendapat perhatian masyarakat global untuk mengamalkan aktiviti ini.</p>

Rasa Hormat dan Keprihatinan Kami terhadap Masyarakat

Sasaran Kami	Pencapaian Kami Setakat Ini	Maju Ke Hadapan
Bantuan Bencana		
<p>Menghulurkan bantuan ketika berlaku bencana alam bagi meringankan beban mangsa dan memastikan kesihatan mereka setelah mereka dipindahkan.</p>	<p>Nestlé telah menyumbangkan makanan dalam bentuk mi MAGGI, bijirin sarapan pagi Nestlé, minuman MILO dan NESCAFÉ kepada mangsa-mangsa banjir di negeri-negeri di bahagian Utara pada bulan November 2010. Makanan juga telah disumbangkan melalui Persatuan Bulan Sabit Merah.</p> <p>Selain daripada bencana tempatan, Nestlé Malaysia juga telah bergabung dengan rakan-rakan antarabangsa Nestlé untuk mengumpul dana bagi mangsa-mangsa gempa bumi di Haiti dan mangsa-mangsa banjir di Pakistan. 😊</p>	<p>Untuk meneruskan usaha ini dan memberi bantuan secara cekap dan cepat kepada mangsa-mangsa bencana alam.</p> <p>Mencari peluang untuk menggabungkan elemen kebersihan dan zat pemakanan untuk aktiviti yang akan datang.</p>
Agrikultur		
<p>Keadaan yang memberi manfaat kepada semua pihak melalui Perladangan Kontrak.</p> <p>Salah satu daripada tumpuan Menjana Nilai Bersama Nestlé ialah Pembangunan Luar Bandar dan antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan syarikat termasuk inisiatif Perladangan Kontrak.</p> <p>Ini adalah sejajar dengan Polisi Kemampanan Alam Sekitar Nestlé yang menyatakan bahawa, "Apabila memilih bahan mentah asas tani, Nestlé memilih untuk menggunakan bahan asas tani yang dihasilkan menerusi amalan-amalan pertanian yang mampan serta diperolehi secara tempatan".</p>	<p>Skim Perladangan Kontrak Cili Nestlé telah dimulakan di Kelantan pada tahun 1995.</p> <p>Hari ini, jumlah peladang kontrak yang turut serta sudah melebihi 150* orang dan tahap pendapatan mereka telah meningkat.</p> <p>Sebuah kilang puri cili telah dibangun oleh Lembaga Pertubuhan Peladang dengan bantuan teknikal dari Nestlé untuk memproses cili segar secepat mungkin apabila terdapat hasil yang berlebihan, dan cili ini kemudiannya boleh dibekalkan ke Nestlé. 😊</p>	<p>Skim perladangan kontrak cili ini merupakan satu usaha yang mampan dan Nestlé akan terus bekerjasama dengan Pertubuhan Peladang serta petani-petani untuk terus mempertingkatkan tahap pengeluaran serta mutu hasil tanaman untuk memenuhi piawaian antarabangsa.</p>
<p>Mempertingkatkan industri pertanian tempatan melalui peningkatan proses dan hasil dan juga meningkatkan mata pencarian bagi para petani.</p>	<p>Pada bulan Mac 2010, sebuah program komersial secara besar-besaran dilancarkan di Tebedu, Serian, Sarawak. Di bawah skim kontrak perladangan ini, lebih daripada 500 orang petani telah diberikan tugas untuk menanam dan menghasilkan beras merah tradisional untuk pelbagai bijirin bayi Nestlé. 😊</p>	<p>Untuk meneruskan kerjasama bersama Persatuan Peladang dan petani-petani sekalian.</p> <p>Untuk mengukuhkan Program Beras Merah Sarawak bagi menggalakkan para petani serta memperkukuh lagi usaha R&D.</p>

* Rujuk kepada laporan jaminan PWC di mukasurat 90 hingga 91

😊 Kemajuan yang Baik 😐 Memuaskan 😞 Memerlukan Penambahbaikan

Nestlé sentiasa mencari cara-cara untuk mengurangkan tenaga dalam proses-proses kami dan mengitar semula bahan-bahan sebanyak mungkin.

Kilang kopi di Kompleks Shah Alam menyertai senarai lebih daripada 20 buah kilang NESCAFÉ di seluruh dunia yang menggunakan hampas bijian kisan kopi untuk minyak yang diperbaharui.





Komitmen Kami terhadap Alam Sekitar

‘Meningkatkan produktiviti pertanian sememangnya penting untuk membantu menangani kekurangan air dan meningkatkan “tanaman bagi setiap titis saliran”, terutamanya bagi negara membangun.’

Peter Brabeck-Letmathe, Pengerusi, Nestlé S.A.



BERKONGSI WAWASAN KAMI... KESAN ALAM SEKITAR KAMI

Matlamat kami di seluruh kumpulan Nestlé adalah untuk mengeluarkan makanan dan minuman yang lazat dan berkhasiat dengan kesan alam sekitar yang paling rendah. Untuk mencapai matlamat ini, kami perlu meningkatkan kecekapan operasi dan prestasi alam sekitar kami secara berterusan. Setiap pasaran Nestlé dikehendaki untuk menyediakan lima penanda prestasi – pengeluaran, penggunaan air, pelepasan, tenaga dan gas rumah hijau – yang mana ia akan mengesan perkembangan kami.

Secara semula jadi, ini bermakna perubahan radikal di seluruh Kumpulan dan memastikan setiap individu yang berkaitan dengan Syarikat memahami kepentingan usaha-usaha kami. Salah satu perkara yang kami lakukan adalah menggunakan pendekatan kitaran hayat untuk menilai kesan operasi kami dan mereka yang berkaitan dengan

rangkaian nilai yang lebih luas dalam usaha untuk mencipta masa depan yang lebih baik dan Menjana Nilai Bersama – bagi kedua-dua Nestlé dan masyarakat.

Tahun yang dilaporkan telah menyaksikan dorongan yang kuat ke arah pengurangan penggunaan tenaga dan air secara lebih baik. Pelaburan untuk mencapai pengurangan ini amat diperlukan di setiap kilang dan kami telah berjaya mengurangkan penggunaan elektrik dan wap serta pengurangan penggunaan air dalam sistem pemprosesan kami.

Dari segi penggunaan tenaga, matlamat kami adalah mudah – mengoptimalkan peralatan bagi memastikan kami menggunakan tenaga yang sepatutnya untuk kerja yang sewajarnya. Kami telah mengoptimalkan peralatan yang digunakan di kilang-kilang utama di Shah Alam, Petaling Jaya dan Chembong, dan telah memasang

pelarasan peralatan seperti pemacu kelajuan boleh ubah bagi memastikan tenaga yang digunakan bersesuaian dengan permintaan proses yang sebenar. Ini termasuk proses pengoptimuman. Satu contoh adalah pengurangan tekanan wap yang memastikan tekanan optimum disalurkan, membolehkan pengurangan tenaga yang lebih baik tanpa menjejaskan kualiti produk. Nestlé Malaysia turut memasang pendingin berkecekapan tinggi yang kurang menggunakan tenaga. Ini boleh dilaksanakan menerusi hubungan erat dengan pengeluar peralatan bagi memahami perkembangan teknologi terkini yang dapat membantu kami mengurangkan penggunaan tenaga.

Kemajuan telah dibuat seperti yang digambarkan dalam data kami iaitu antara 2009 dan 2010, Nestlé telah mencapai pengurangan tenaga sebanyak 9%, pada kadar berterusan untuk tahun 2009, yang sememangnya bernilai jika mengambil kira keluasan operasi kami.



Nestlé menjana nilai bersama dengan bekerjasama dengan para petani untuk mencari sumber bahan mentah setempat.



Lebih kurang 165,553 orang petani dan pembekal diajar melalui program pembinaan kapasiti di seluruh dunia.

Pada permulaan tahun 2010, seorang Jurutera Kanan telah dilantik untuk memacu pelbagai projek alam sekitar serta mempercepatkan “penyemaian bersilang” iaitu amalan terbaik dalam kemudahan kami.

MENANGANI PERUBAHAN IKLIM

Perubahan iklim memberi pelbagai cabaran kepada perniagaan kami, dengan pemanasan global yang menjejaskan rangkaian bekalan pertanian kami dan seterusnya memburukkan lagi masalah kekurangan dan bekalan air.

Di Nestlé, kami menjalankan tugas kami untuk menangani masalah tersebut dengan mengurangkan jumlah penggunaan tenaga dan pelepasan gas rumah hijau secara tahunan daripada operasi kami.

Sepanjang tahun 2010, beberapa inisiatif telah diperkenalkan untuk mengoptimumkan penggunaan tenaga kami iaitu untuk memaksimumkan pengurangan dalam penggunaan tenaga di semua kemudahan kami tanpa menjejaskan jumlah dan kualiti pengeluaran. Penghantaran produk yang stabil bagi setiap rancangan pengeluaran kami memberi sumbangan yang kukuh kepada pengurangan mendadak penggunaan tenaga untuk setiap tan produk di semua kilang kami.

Pada tahun 2010, kami telah mencapai pengurangan keseluruhan pada kadar berterusan sebanyak 9.0% dalam penggunaan tenaga bagi setiap tan produk. Dalam penggal tahunan pengurangan tenaga, ia telah berkurangan daripada 4.68 GJ setiap tan pada tahun 2009 kepada 4.39 GJ setiap tan pada tahun 2010 dan ini mengatasi sasaran setara tahunan iaitu 2% pengurangan berterusan.

Pengurangan dalam penggunaan telah menyumbang secara langsung kepada kecekapan operasi di kilang Krimer Bukan Tenusu kami yang baru dan kilang Kopi Mudah Larut di kilang Shah Alam kami; pengurangan tekanan wap daripada dandang kepada kilang pembuatan mi di Kuching; pemasangan peralatan penjimatan di kilang Petaling Jaya, Chembong dan Shah Alam untuk memperoleh semula sisa tenaga daripada dandang; pemasangan pendingin di kilang Chembong untuk menambahkan kecekapan operasi; dan menempatkan Pemacu Kelajuan Boleh Ubah yang secara automatik menggerakkan peralatan yang menggunakan banyak tenaga bagi menghapuskan pembaziran elektrik semasa permintaan rendah.

DARI KIRI:
Air merupakan tanggungjawab bersama dan Nestlé mempromosikan pemuliharaan air secara berterusan.

Didorong oleh Polisi Alam Sekitar Nestlé, kami terus mengkaji dan menerokai cara-cara untuk memelihara planet menerusi inisiatif pemuliharaan dan kitar semula.

Inovasi pembungkusan mengurangkan bahan buangan serta penggunaan tenaga dan air.



Pada masa yang sama, kami telah berkerjasama dengan pakar-pakar dalam bidang pengurusan tenaga untuk mengaudit operasi kami dan meneroka peluang untuk menghapuskan pembaziran tenaga.

Pengurangan penggunaan tenaga juga mempunyai kesan positif terhadap pelepasan gas rumah hijau (CO₂) dan gas Potensi Pengasidan Udara (SO_x), dengan jumlah pengurangan sebanyak 10% pelepasan CO₂ secara langsung bagi setiap tan produk dan 11% pelepasan SO_x bagi setiap tan produk.

Pada tahun 2011, kami menjangkakan catatan yang lebih baik menerusi kerjasama kami dengan pakar-pakar; pengurangan tekanan wap di kilang mi di Batu Tiga; pemasangan Pembaur Udara di Chembong; pemasangan pendingin berkecekapan tinggi di Petaling Jaya; dan pengoptimuman selanjutnya untuk peralatan dan proses sedia ada.

PENGURUSAN AIR - TUMPUAN UTAMA KAMI

Pertanian menggunakan sekitar 70% pengeluaran air tawar secara global dan digabungkan dengan peningkatan kekayaan dan corak gaya hidup, Nestlé percaya bahawa dunia kini menuju ke arah krisis air yang akan memberi kesan yang serius terhadap keselamatan makanan. Keseluruhan rangkaian makanan – daripada pertanian kepada pengeluaran dan penggunaan – menyumbang kepada ketersediaan dan kualiti air.

Sebagai penandatanganan mandat Air UN Global Compact CEO yang telah ditandatangani pada 2007, kami telah menjadikan pengurusan air sebagai tumpuan utama di mana kami akan:

- Berusaha untuk mengurangkan jumlah air yang dikeluarkan sepanjang proses pengeluaran kami.
- Memastikan aktiviti air kami menghormati sumber air tempatan.
- Memastikan lebihan air yang disingkirkan ke alam sekitar adalah bersih.
- Melibatkan peniaga dan pembekal untuk menggalakkan pemuliharaan air.
- Bekerjasama dengan pihak lain untuk mencipta kesedaran dalam pelbagai komuniti dan mendidik mereka mengenai keadaan kritikal pemuliharaan air.

* Nota: Sebagai tambahan kepada penandatanganan Mandat Air UN Global Compact CEO, Nestlé S.A. juga merupakan anggota utama Pasukan Petugas Air WEF dan Kumpulan Sumber Air 2030.

Nestlé Malaysia telah menetapkan sasaran pengurangan tahunan sebanyak 4% pada jumlah berterusan sebanyak 200 dalam penggunaan sumber air, yang akan diukur pada penggunaan setiap tan produk dihasilkan. Untuk mencapainya, kami telah menyediakan Program Penjimatan Air yang merangkumi inisiatif-inisiatif berikut:

- Melahirkan kesedaran di kalangan pekerja kilang untuk menghapuskan pembaziran dan menggunakan semula sumber air dalam operasi seharian.
- Mengoptimalkan operasi menara penyejuk utama kami menerusi pemasangan pengawal kelajuan kipas automatik dan pengawal alat tekanan automatik, yang menyinkirkan sisa air yang tidak diperlukan.
- Mengurangkan dan mengoptimalkan tekanan bekalan air di kilang kami, yang menghasilkan tambahan penjimatan air.



Komitmen Kami terhadap Alam Sekitar



- Meneroka penggunaan air hujan untuk pelbagai kegunaan – satu projek perintis berskala kecil telah dilaksanakan di Pusat Pengedaran Kebangsaan kami untuk mengumpul air hujan yang digunakan untuk pelbagai kegunaan pembersihan.

Pada tahun 2010, kita telah mencapai jumlah pengurangan dalam penggunaan air sebanyak 4.85% secara berterusan untuk setiap tan produk. Dalam penggal tahunan pengurangan air, ia telah berkurang daripada 5.21m³/tan pada tahun 2009 kepada 5.07m³/tan pada tahun 2010 dan ini mengatasi sasaran setara tahunan iaitu 4% pengurangan berterusan.

Penjimatan dalam kadar penggunaan air sebanyak 47,000 m³/tahun pada tahun 2010 sudah mencukupi untuk menampung 860 orang setiap tahun.

Pengurangan dalam penggunaan air telah menyumbang secara langsung dalam operasi kami, kami turut mencari kaedah untuk mengurangkan penggunaan air di sepanjang rantaian bekalan. Ini termasuk kajian R&D berterusan bersama Institut Penyelidikan & Pembangunan Pertanian Malaysia (MARDI), Ninamaju dan BERNAS, mengenai perladangan padi semi-aerobik di mana keputusan awal menunjukkan penjimatan air di antara 30% hingga 50% berbanding perladangan padi tanah benchang yang konvensional.

Selanjutnya, kami turut melaksanakan program kesedaran dan pendidikan bersama peladang kontrak kami dan agensi berkaitan serta berkongsi amalan kami bersama pihak berkuasa tempatan, rakan kongsi perniagaan dan kolej. Sebagai contoh, kejayaan kami dalam penjimatan air dan operasi sisa air di kilang Chempong dikongsi bersama Persekutuan Pengeluar Malaysia (FMM), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, kerajaan Negeri Sembilan dan pembekal biasa kami.

Di masa hadapan, kami akan meneroka peluang-peluang untuk mengoptimumkan penggunaan air menerusi inisiatif baru seperti mengitar semula air hujan, pengitaran semula air yang dirawat dan pengoptimuman berterusan proses berkenaan. Pada masa yang sama, kami turut bekerjasama dengan perunding rawatan air untuk meneroka kaedah lain bagi mengurangkan penggunaan air dalam operasi kami.

PENJIMATAN MENERUSI PEMBUNGKUSAN INOVATIF

Pembungkusan bahan secara tidak langsung memberi kesan kepada alam sekitar menerusi penggunaan air dan tenaga semasa pengeluaran dan sisa pepejal yang berakhir di tapak pelupusan.

Di Nestlé, kami terus mencari kaedah untuk mengurangkan kesan ini dan menggunakan kriteria berikut dalam renovasi dan inovasi pembungkusan produk kami:

- Mengurangkan berat dan jumlah bahan pembungkusan kami.
- Menerajui pembangunan sumber-sumber yang diperbaharui.
- Sokongan kuat kepada pengitaran semula bahan pembungkusan yang telah digunakan di mana bersesuaian.

PIQET

Kami telah berjaya melaksanakan **Alat Penilaian Segera Kesan Pembungkusan (PIQET)** pada tahun 2010 dengan enam pakar pembungkusan terpilih untuk menerima latihan pertama di Pusat R&D Nestlé di Singapura. PIQET adalah satu alat reka bentuk-eko yang membantu untuk membandingkan satu bentuk pembungkusan dengan yang lain dari segi kesan alam sekitar, yang telah dicipta oleh Pakatan Pembungkusan Mampan dengan kerjasama erat bersama Universiti RMIT di Australia.



Kilang-kilang Nestlé memastikan peningkatan yang berterusan dalam keselamatan pembungkusan dan pematuhan.

Alat tersebut akan digunakan oleh pakar pembungkusan terlatih untuk menentukan penyelesaian pembungkusan dengan kesan minimum terhadap alam sekitar, serta memenuhi piawaian kualiti dan keselamatan.

Tahun yang dilaporkan menyaksikan satu peningkatan dalam isu pembungkusan berkaitan keselamatan dan pematuhan berhubung makanan. Meskipun begitu, menerusi inovasi dan renovasi pembungkusan, kami mencatatkan kemajuan dalam pengurangan pembungkusan yang menyumbang kepada 370 tan pengurangan bahan pada tahun 2010. Sebagai hasilnya, keseluruhan penggunaan pembungkusan per metrik telah berkurangan sebanyak 4% berbanding tahun 2009.

Inisiatif tersebut termasuk:

- Penukaran penggunaan pembungkusan pukal dari kotak 25kg kepada beg besar 500kg seperti kopi segera untuk pasaran eksport.
- Pengurangan ukuran bagi ketebalan tin aluminium untuk minuman sedia di minum MILO dan NESCAFÉ kepada 0.26mm bagi pasaran eksport di mana ia telah menyumbang kepada 60 tan pengurangan pembungkusan.



Nestlé, Tesco dan Tetra Pak bergabung untuk meningkatkan kesedaran tentang pemeliharaan hutan hujan melalui satu kempen kitar semula bungkusan minuman.

- Penukaran semua pek lembut MILO daripada bahan asas aluminium kepada filem berlogam, membolehkan pengurangan penggunaan aluminium daripada 7 mikron kepada hanya 2.5 mikron, dan menyumbang kepada 38 tan pengurangan bahan pembungkusan setiap tahun.
- Satu kajian pembungkusan yang sistematik untuk mengurangkan penggunaan bahan pembungkusan turut dijalankan oleh pakar pembungkusan. Salah satu daripada hasil utama adalah kejayaan pengurangan bagi ketinggian pek lembut MILO 2kg, yang bersamaan dengan 46.8 tan metrik.

Pengitaran semula

Kami menyokong kuat terhadap pengitaran semula bahan pembungkusan yang telah digunakan. Pada tahun 2010, kami bergabung dengan Tesco Stores dan Tetra Pak untuk meningkatkan kesedaran umum tentang kepentingan memulihara hutan hujan semula jadi kita menerusi satu kempen kitar semula bungkusan minuman.

Sepanjang Oktober 2010, pengguna digalakkan untuk membawa bungkusan minuman mereka yang telah digunakan (tanpa mengira jenama, bentuk dan saiz) untuk dikitar semula di mana-mana 14 pasar raya besar Tesco yang mengambil bahagian di Lembah Klang, bagi menyokong usaha Persatuan Alam Sekitar Malaysia (MNS) untuk melindungi Hutan Hujan Belum-Temengor.

Untuk setiap kilogram bungkusan minuman yang dikumpulkan, Pasaraya Tesco, Nestlé Malaysia dan Tetra Pak bersama-sama mendermakan RM10.00 kepada MNS. Sejumlah 240,005 bungkusan dengan berat keseluruhan 3,429kg telah dikumpulkan. Sebanyak RM34,290 telah terkumpul sepanjang kempen berkenaan. Sebagai tambahan, Nestlé turut memberikan MILO UHT 250ml percuma kepada pengguna yang membawa 10 bungkusan kosong produk Nestlé.

LANGKAH SELANJUTNYA:

Untuk tahun yang akan datang, pengurangan sumber pembungkusan kekal sebagai tumpuan utama dan kami menjangka lebih banyak pengurangan terutamanya dengan pelaksanaan PIQET dalam prosedur kajian dan penilaian.



Polisi Nestlé mengenai Kemampuan Alam Sekitar mematuhi peraturan tempatan Malaysia dan amalan kami disahkan oleh juruaudit pihak ketiga SGS semasa audit tahunan ISO 14001.

RANGKAIAN BEKALAN

Kod Pembekal Nestlé menghususkan dan menyokong pelaksanaan piawaian minimum yang tidak boleh dirunding untuk pembekal, kakitangan mereka, ejen dan kontraktor kecil.

Melangkaui pematuan undang-undang, Kod Pembekal menyediakan orientasi dan sokongan yang merangkumi enam bidang utama: Integriti Perniagaan, Keselamatan dan Kesihatan, Kemampuan, Piawaian Buruh, Alam Sekitar dan Menyediakan Bekalan Peladang.

Bagi memastikan pematuan sepenuhnya terhadap kod tersebut, Nestlé telah menyediakan piawaian Sumber Bertanggungjawab, yang memerlukan peniaga dan pembekal untuk melakukan perkara-perkara berikut:

1. Mendaftar di SEDEX – untuk menyediakan platform terjamin bagi berkongsi maklumat mengenai prestasi sosial dan alam sekitar pembekal, serta mengelakkan penilaian berganda

2. Penilaian diri
3. Audit Pihak Ketiga
4. Menutup Jurang dan Pematuan Sepenuhnya

Pada tahun 2010, Sumber Bertanggungjawab telah diaplikasikan kepada 60 pembekal bahan langsung.

Buat masa ini, jurang utama telah dikenal pasti dalam bidang piawaian buruh (caj lebih masa), keselamatan dan pematuan alam sekitar.

Logistik yang berterusan dan inisiatif alam sekitar

Pada tahun 2010, Rangkaian Bekalan meneruskan usaha ke arah logistik yang mampan. Salah satu daripada inisiatif utama adalah untuk mengubah produk tamat tempoh kepada makanan haiwan dan sisa cecair kepada baja organik. Projek berkenaan menunjukkan kemajuan yang baik, dengan jumlah kadar penukaran meningkat daripada 45% pada tahun 2009 kepada 95% pada Oktober 2010.

Satu lagi inisiatif adalah untuk mengurangkan perjalanan pulang membabitkan lori kosong dengan menghantar barangan siap kepada pengedar kami dan mengumpul palet kosong untuk perjalanan pulang. Ini telah menyumbangkan pengurangan dalam bilangan perjalanan, seterusnya mengurangkan kesan karbon kami.

PEMATUHAN

Polisi Nestlé mengenai Kemampuan Alam Sekitar mematuhi peraturan tempatan Malaysia dan amalan kami disahkan oleh juruaudit pihak ketiga SGS semasa audit tahunan ISO 14001.

Nestlé Malaysia mematuhi piawaian ISO dan peraturan tempatan serta Piawaian & Garis Panduan Dalaman Nestlé.

Matlamat kami untuk menjadi sebuah syarikat yang memiliki kecekapan tenaga telah menyaksikan kami melabur dalam teknologi baru untuk mengurangkan pembaziran dan mempertingkatkan kecekapan.



KAJIAN KES

Melaksanakan Teknologi Kecekapan Tenaga di Nestlé Malaysia



Komitmen Nestlé untuk membantu mengurangkan pelepasan gas rumah hijau dan untuk memenuhi cabaran sumber tenaga yang berkurangan telah menyaksikan pelaksanaan beberapa inisiatif untuk mengurangkan penggunaan tenaga. Matlamat kami untuk menjadi sebuah syarikat yang memiliki kecekapan tenaga telah menyaksikan kami melabur dalam teknologi baru untuk mengurangkan pembaziran dan meningkatkan kecekapan.

Dalam industri makanan, rumah dandang adalah salah satu pengguna tenaga utama dengan dandang biasa mempunyai kecekapan tenaga antara 70% – 80% bergantung kepada penggunaannya. Gambarajah disebelah menunjukkan pecahan pelbagai kerugian yang berlaku dalam sebuah dandang:

Gambarajah tersebut jelas menunjukkan penjimatan yang mampu dicapai dengan mengurangkan kerugian daripada pelepasan Gas Serombong, mengoptimumkan penggunaan hembusan udara dan menggerakkan operasi alat tekanan secara automatik.

Kerjasama kami dengan pakar-pakar dalam bidang pengurusan tenaga telah membuka peluang baru bagi menghapuskan pembaziran. Ini termasuklah pelaksanaan teknologi baru bagi menangani kerugian dalam tiga bidang yang disebutkan untuk operasi pendandang di atas.

Kami telah memasang teknologi yang bersesuaian di Kilang Chembong untuk menebus kerugian dalam tiga bidang utama ini.

Economiser yang dipasang di Kilang Chembong.



Unit Paparan Sistem Pengurusan Pembakar.



A. MENDAPATKAN SEMULA TENAGA DARIPADA GAS SEROMBONG

Semua udara ekzos yang dilepaskan dari dandang mengandungi jumlah tenaga yang banyak disebabkan oleh suhu tingginya iaitu di antara 250°C – 300°C.

Untuk mendapatkan semula tenaga yang berpotensi ini, kilang tersebut telah memasang penukar haba yang juga dikenali dalam industri sebagai Economiser. Air yang dimasukkan mengalir pada tiub dalam Economiser, membolehkan haba berpindah daripada gas serombong panas semasa ia melalui unit berkenaan. Ini menghasilkan peningkatan suhu pada air yang dimasukkan itu kepada kira-kira 30°C – 50°C yang kemudiannya dikitar semula untuk proses pemanasan dandang berkenaan.

Dengan pemasangan Economiser, kami telah mencapai purata penjimatan bahan bakar sebanyak 0.0011m³* bagi setiap tan pengeluaran produk.

B. MEMPEROLEH SEMULA KERUGIAN DARIPADA LEBIHAN UDARA DALAM GAS SEROMBONG

Dalam proses pembakaran Minyak Bahan Api Ringan di dalam dandang, penggunaan terlalu banyak lebihan udara boleh menyebabkan kerugian tenaga. Bagaimanapun, terlalu sedikit lebihan udara boleh menyebabkan pelepasan Karbon Monoksida (CO) dan Asap Hitam yang tinggi ke alam sekitar.

Bagi memastikan pematuhan terhadap paras pelepasan dan mencapai kecekapan tenaga yang lebih tinggi, kilang tersebut memasang "Sistem Pengurusan Pembakar", yang memantau dan mengawal sistem proses pembakaran secara berterusan.

Unit tersebut mengesan pencemar (CO) dan lebihan udara, dan menyelaraskan pembakar mengikut kesesuaian bagi meminimumkan kerugian dan memastikan pematuhan alam sekitar.

Keputusan akhir menunjukkan satu penjimatan purata bahan bakar sebanyak 0.01m³* bagi setiap tan pengeluaran produk.

C. HEMBUSAN YANG CEKAP UNTUK DANDANG AIR

Untuk mencegah pembentukan sisik di dalam dram dandang, air dari dandang perlu dibuang dari masa ke semasa. Bagaimanapun hembusan secara manual yang berlebihan dan tidak dikawal boleh mengakibatkan pembaziran tenaga.

Untuk mengoptimumkan operasi hembusan dan mengurangkan kerugian tenaga, satu sistem alat tekanan automatik telah dipasang yang memantau kandungan kimia dalam dram dandang dan menggerakkan pembuangan jumlah air yang tepat dan apabila diperlukan.

HASIL:

Penjimatan purata bahan bakar hasil daripada pemasangan sistem pengurusan pembakaran dan economiser dalam operasi dandang telah menyumbang kepada penjimatan kos di kilang Chembong pada tahun 2010.

Economiser juga telah dipasang di kilang Petaling Jaya dan Shah Alam kami, dan kami akan melengkapkan semua operasi dandang selebihnya di kemudahan lain dengan unit yang serupa.

* Rujuk kepada laporan jaminan PWC di mukasurat 90 hingga 91

Komitmen Kami terhadap Alam Sekitar

Forum Nestlé mengenai kemampan minyak kelapa sawit bersama pihak-pihak berkepentingan.



FOKUS KHAS

Komitment ke arah Kemampanan Minyak Kelapa Sawit dan Kepelbagaian

Nestlé melihat prestasi alam sekitarnya sebagai satu unsur strategi yang semakin penting untuk daya saing, sebagai tambahan kepada rasa dan nilai pemakanan. Syarikat mempercayai bahawa kesan alam sekitar dan sosial produk di seluruh rangkaian nilai mereka akan menjadi kriteria pembelian yang semakin penting untuk kebanyakan pengguna, bagi kedua-dua negara industri dan rantau yang semakin maju.

Di Nestlé, menjaga alam sekitar bukan setakat perlu bagi memastikan ketersediaan bahan mentah pertanian pada masa hadapan, malah ia juga merupakan asas untuk kejayaan perniagaan masa hadapan serta keselamatan makanan. Di semua operasi Syarikat di seluruh dunia, Nestlé berusaha ke arah membangunkan produk dan rangkaian nilai yang menyediakan bukan hanya rasa yang hebat dan khasiat pemakanan, malah turut membantu pengguna untuk merendahkan kesan alam sekitar pemakanan individu masing-masing.

Ini juga bermakna menangani isu yang mempunyai kesan terhadap perniagaan kami seperti minyak kelapa sawit. Nestlé berkongsi keprihatinan berhubung ancaman alam sekitar yang serius terhadap hutan hujan dan tanah gambut di Asia Tenggara yang berpunca daripada ladang kelapa sawit. Minyak kelapa sawit adalah salah

satu daripada lemak sayuran paling versatil yang digunakan. Ia digunakan dalam pengeluaran pelbagai produk. Kumpulan Nestlé menggunakan kira-kira 0.7% daripada bekalan dunia (320,000MT).

Meskipun minyak kelapa sawit bukanlah bahan mentah utama bagi Nestlé, disebabkan Syarikat hanya menggunakan minyak kelapa sawit diproses dan tiada hubungan secara langsung dengan ladang, Syarikat mengiktiraf keperluan untuk penyelesaian yang baik pelbagai pihak berkepentingan kepada masalah yang kompleks ini. Di Nestlé, cara kami menghasilkan produk kami sememangnya penting seperti mana kualiti produk itu sendiri.

Nestlé berpendapat bahawa kemusnahan hutan hujan tropika dan tanah gambut merupakan salah satu isu alam sekitar paling serius yang dihadapi manusia. Dianggarkan kemusnahan hutan hujan menyumbang kepada kira-kira 20% emisi karbon dioksida – lebih daripada keseluruhan sektor pengangkutan.

Disebabkan keprihatinan yang kian meningkat berhubung isu minyak kelapa sawit dan kemampanan, Nestlé telah menganjurkan satu forum khas bertajuk 'Komitment ke arah Kemampanan Minyak Kelapa Sawit dan Kepelbagaian' dengan pihak berkepentingan utama dan pihak media

untuk mewujudkan kesedaran yang lebih baik berhubung isu yang melanda industri dan memahami tindakan yang diambil oleh protagonis utama yang terlibat.

Para peserta termasuk Meja Bulat untuk Kemampanan Minyak Kelapa Sawit (RSPO), Majlis Minyak Kelapa Sawit Malaysia (MPOPC), WWF-Malaysia dan United Plantations Berhad. Nestlé S.A. telah diwakili oleh Encik José Lopez, Naib Presiden Eksekutif bahagian Operasi.

Para peserta di forum tersebut memperbincangkan isu yang melanda industri termasuk tuduhan pelbagai pelanggaran hak asasi manusia seperti gaji rendah, keadaan bekerja yang kurang memuaskan dan kecurian tanah. Pengeluaran minyak kelapa sawit telah dicatatkan sebagai penyebab kerosakan alam semulajadi yang juga sukar dipulihkan, dengan penebangan hutan, kehilangan tempat tinggal untuk spesies terancam, dan peningkatan ketara emisi gas rumah hijau yang menjadi sebahagian daripada kesannya. Minyak kelapa sawit kini pula digunakan sebagai satu bahan dalam bio-diesel menambah lebih tekanan: ini adalah satu pasaran baru minyak kelapa sawit yang mempunyai potensi untuk meningkatkan permintaan global secara mendadak untuk komoditi ini.



En. José Lopez menggalakkan negara Malaysia, sebagai salah satu pengeluar minyak kelapa sawit yang terbesar untuk mendahului inisiatif ini.

Apa yang jelas, minyak kelapa sawit adalah satu produk pertanian penting yang mempunyai kesan terhadap kehidupan beribu-ribu peladang di Malaysia. Seperti yang dikemukakan oleh Encik José Lopez, terdapat juga berita baik untuk dilaporkan daripada sektor ini.

“Terdapat contoh di mana sebahagian inisiatif sosial menggunakan keuntungan daripada minyak kelapa sawit untuk membiayai strategi membasmi kemiskinan. Ia memberi kehidupan yang lebih baik kepada para pemegang kecil di Malaysia; dan kajian menunjukkan ia satu pilihan menyihatkan untuk lemak yang boleh dimakan.”

Satu lagi projek di Malaysia, yang dilaksanakan bersama WWF, melibatkan satu projek kemampanan kelapa sawit pemegang kecil di lembah sungai Kinabatangan yang sensitif dari segi ekologi. Jika usaha tersebut berjaya, ia akan mengurangkan paras pencemar pertanian daripada penanaman kelapa sawit ke dalam laluan air yang penting ini dalam jumlah yang banyak. Selain itu, Nestlé juga akan berkongsi pengalaman pertanian bersama WWF dalam bidang penanaman semula hutan di tebing sungai, dengan harapan usaha-usaha ini mendorong peningkatan bagi kelangsungan dan kadar pertumbuhan penanaman hutan di sepanjang tebing sungai.

Di Nestlé, menjaga alam sekitar bukan setakat perlu bagi memastikan ketersediaan bahan mentah pertanian pada masa hadapan, malah ia juga merupakan asas untuk kejayaan perniagaan masa hadapan serta keselamatan makanan.

Cabaran semasa yang dikemukakan oleh Encik José Lopez adalah untuk mengimbangi kehendak dan kebergantungan yang kuat terhadap minyak kelapa sawit dan bagaimana kami mampu terus menggunakan dan mengeluarkan minyak kelapa sawit secara mampan.

“Jumlah penduduk dunia semakin meningkat, dan digabungkan dengan kekayaan kita yang semakin bertambah, ia menyebabkan permintaan kita yang semakin tinggi terhadap planet ini. Cabaran untuk setiap orang hari ini adalah bagaimana untuk memenuhi keperluan penduduk yang kian bertambah tetapi mengurangkan kesan sebanyak mungkin terhadap alam sekitar.”

Polisi Kemampanan Alam Sekitar Nestlé telah memberi kelebihan kepada para pembekal yang terus berusaha ke arah meningkatkan kecekapan dan kemampanan operasi dan penggunaan sumber mereka sebagai sebahagian daripada polisi ini. Syarikat telah menjalankan kajian terperinci mengenai rangkaian bekalnya bagi membangunkan sumber bekalan minyak kelapa sawitnya. Nestlé telah mengumumkan bahawa ia komited untuk menggunakan hanya “Kemampanan Minyak Kelapa Sawit yang Diiktiraf” menjelang 2015, apabila kuantiti yang mencukupi boleh didapati.

Nestlé juga berkait rapat dengan Meja Bulat mengenai Kemampanan Minyak Kelapa Sawit (RSPO) menerusi Platform Inisiatif Pertanian Mampan sejak penubuhannya dan Syarikat telah memohon untuk keahlian korporat sepenuhnya.


Untuk membina satu pergerakan global bagi menyokong pembangunan, pelaksanaan dan pemberitahuan amalan perhutanan mampan, Nestlé menggiatkan kerjasamanya dengan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa. Nestlé juga dalam perbincangan bersama beberapa NGO yang mempunyai kepakaran dalam bidang ini dan melakukan sumbangan secara aktif bagi mencari penyelesaian praktikal kepada masalah yang kompleks ini.

Menerusi kemudahan R&D swasta terbesar di dunia, Nestlé juga mempunyai sumber yang komited dan menggiatkan kerja lapangannya, terutama dalam sains tumbuhan dan agronomi di mana Syarikat memberikan bantuan secara langsung dan berkongsi amalan terbaik bersama peladang tempatan dengan memanfaatkan kepakaran meluasnya dalam R&D.


Nestlé sebagai sebuah kumpulan telah menyampaikan komitmennya untuk mencapai kemampanan minyak kelapa sawit menjelang 2015 dan mencatatkan kemajuan berhubung minyak kelapa sawit yang diiktiraf dan sijil minyak kelapa sawit dalam kadar yang lebih segera. Bagi tahun 2010, ia meliputi 18% daripada semua pembelian dan Syarikat menjangka untuk mencapai 50% menjelang penghujung 2011.

Komitmen Kami terhadap Alam Sekitar

EMISI UDARA - KILOGRAM SO_x SETIAP TAN PRODUK




EMISI UDARA - TAN CO₂ SETIAP TAN PRODUK




PENGGUNAAN AIR NESTLÉ MALAYSIA

Sasaran untuk mengurangkan penggunaan air sebanyak 4% pada kadar berterusan untuk tahun 2009




PENGGUNAAN TENAGA NESTLÉ MALAYSIA


Sasaran untuk mengurangkan penggunaan tenaga sebanyak 2% pada kadar berterusan untuk tahun 2009



PENGGUNAAN BAHAN PEMBUNGKUSAN SETIAP METRIK TAN PRODUK



KETEBALAN TIN ALUMINIUM SEDIA DIMINUM



KESAN ALAM SEKITAR KAMI – PRESTASI

	Rujukan GRI	2008	2009	2010
Pengeluaran				
Jumlah pengeluaran (ton)		303,576	306,489	334,182
Penggunaan tenaga secara langsung - skop11 (GJ)				
Jumlah penggunaan tenaga (GJ)	EN3	1,469,618	1,435,477	1,468,294
Jumlah penggunaan tenaga (GJ setiap tan produk dikeluarkan)	△	4.84	4.68	4.39
Pelepasan gas rumah hijau				
EN16				
Skop1 - Pelepasan tenaga secara langsung (ton CO ₂ e)		61,822	61,984	60,105
Skop 2 - Pelepasan tenaga secara tidak langsung (ton CO ₂ e)				86,943
Jumlah emisi tenaga rumah hijau (ton CO ₂ e)				147,048
Skop 1 - Pelepasan tenaga rumah hijau (tan CO ₂ e setiap tan produk dikeluarkan)	△			0.44
Air				
Penggunaan air (m ³)	EN8	1,716,318	1,595,692	1,693,838
Penggunaan air (m ³ setiap tan produk dikeluarkan)	△	5.65	5.21	5.07
Jumlah air dibuang (m ³)	EN21	890,709	808,784	849,471
Jumlah air dibuang (m ³ setiap tan produk dikeluarkan)	△	2.93	2.64	2.54
Sisa				
Sisa tidak merbahaya dibuang ke tapak pelupusan (t)	EN22	3,622	3,418	2,473
Bahan-bahan dikitar semula (t)	EN22	17,974	15,043	21,315
Sisa tidak merbahaya yang dibuang ke tapak pelupusan (kg setiap tan produk dikeluarkan)	△			7
Pembungkusan				
Tan bersih pembungkusan digunakan	EN27			52,662
Nisbah pembungkusan kepada produk	EN27			0.16
Potensi Pengurangan Ozon				
Bahan pengurangan ozon (kg)	EN19			410
Potensi Pengasidan Udara				
Potensi pengasidan udara (Emisi SO _x oleh kg)	EN20			165,203

△ Penanda khusus Nestlé

Komitmen Kami terhadap Alam Sekitar

SASARAN DAN PENCAPAIAN

KOMITMEN KAMI TERHADAP ALAM SEKITAR		
Alam Sekitar – Pendekatan kitaran hidup secara sistematik bagi menilai semua kategori produk dari ladang ke pengguna dan seterusnya		
Sasaran Kami	Pencapaian Kami Setakat Ini	Maju ke Hadapan
<p><u>Air</u> Mengurangkan penggunaan air dalam proses pengeluaran, daripada pengeluaran bahan mentah, produksi kilang, pengedaran dan penggunaan umum dengan kadar 4% daripada jumlah pengeluaran pada tahun 2009.</p> <p>Inisiatif Beras Semi-aerobik</p>	<p>Jumlah pengurangan sebanyak 4.9% telah dicapai pada akhir tahun 2010, dengan kadar pengeluaran seperti pada tahun 2009, melalui pelbagai inisiatif:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pengitaran semula air di Kompleks Shah Alam dan kemudahan pengilangan di Petaling Jaya. • Pengurangan tekanan air di SAC, Kuching, Chembong dan kemudahan pengilangan di Batu Tiga. • Mengoptimumkan penggunaan air dalam proses – SAC, Kuching dan kemudahan ais krim NESTLÉ. 😊 <p>Projek percubaan di tanah seluas 20 hektar yang telah menghasilkan keputusan yang positif dengan pengurangan sebanyak 40%-50% dalam penggunaan air berbanding dengan kaedah konvensional. 😊</p>	<p>Meningkatkan kecekapan penggunaan air</p> <p>Mengoptimumkan proses</p> <p>Mengkaji idea-idea baru:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengitar semula air hujan • Pengitaran semula air yang telah dirawat • Inisiatif beras semi-aerobik <p>Melancarkan inisiatif untuk daerah lain dan memperluaskan pelaksanaan.</p>
<p><u>Kemampuan</u></p>	<p>Menganjurkan Forum Media “Komited terhadap Kemampuan Minyak Kelapa Sawit dan Kepelbagaiannya” bersama-sama dengan pemegang berkepentingan utama dan pihak media bagi membangkitkan kesedaran untuk isu-isu yang dihadapi industri ini. 😊</p> <p>Para peserta yang turut terlibat dalam “Roundtable for Sustainable Palm Oil” (RSPO) adalah WWF-Malaysia dan United Plantations Berhad. Nestlé diwakili oleh Encik Jose Lopez selaku Naib Presiden Eksekutif Operasi, Nestlé S.A.</p>	<p>Untuk mengadakan acara yang serupa pada tahun 2011</p>
<p><u>Tenaga</u> Mengurangkan penggunaan tenaga sebanyak 2% berdasarkan pengeluaran bersamaan tahun 2009.</p> <p><u>Pelepasan</u> Untuk mengurangkan gas rumah hijau (CO₂) secara signifikan dan potensi gas Pengoksidaan Udara (SO_x)</p>	<p>Jumlah pengurangan sebanyak 9.0% telah dicapai pada akhir tahun 2010, dengan pengeluaran bersamaan tahun 2009 melalui</p> <ul style="list-style-type: none"> • Economiser bagi memulihkan tenaga gas buang - Chembong dan SAC. • Pengoptimuman proses di SAC (NDC & NESCAFÉ) • Mengurangkan tekanan stim kepada kilang mi - Kuching • Pengoptimuman peralatan melalui Variable Speed Drives – SAC, PJ, Chembong dan Jurong. • Pendingin berkecekapan tinggi di Chembong <p>Pengurangan penggunaan tenaga telah membuahkan hasil di mana jumlah keseluruhan penurunan sebanyak 11% pembebasan langsung CO₂ bagi setiap tan produk yang dihasilkan (0.18 tan CO₂ setiap tan) dan penurunan sebanyak 9% dalam pembebasan SO_x bagi setiap tan produk (0.49 tan SO_x setiap tan). 😊</p>	<p>Inisiatif yang dirancang untuk tahun 2011:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Perkongsian bersama pakar-pakar untuk mencari peluang baru. • Mengurangkan tekanan stim di kilang mi - BT. • Pengoptimuman Alatan dan Proses. • Pendingin berkecekapan tinggi di PJ. • Penyebaran udara di Taman Pengolahan Air Limbah - Chembong.

Sasaran Kami	Pencapaian Kami Setakat Ini	Maju ke Hadapan
<p><u>Pembungkusan</u> Pengurangan sumber pembungkusan tetap menjadi fokus dan Nestlé masih menghasi dan mencari penyelesaian pembungkusan baru bagi mengurangkan penggunaan bungkusan.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengurangkan berat dan jumlah bahan bungkusan kami. • Memimpin dalam pembangunan memperbaharui sumber yang diperbaharui. • Menyokong pengitaran semula bungkusan yang digunakan jika sesuai. 	<p>Pada tahun 2010, penggunaan bahan bungkusan menurun sebanyak 4% berbanding dengan tahun 2009.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan beg sebesar 500kg bagi krimer tanpa susu dan menurunkan ukuran bagi minuman berbungkus MILO dan NESCAFÉ untuk pasaran eksport • Menukar pakej runcit MILO daripada bahan berasaskan aluminium kepada filem logam, yang membolehkan pengurangan penggunaan aluminium daripada 7 mikron kepada 2.5 mikron. • Ulasan pembungkusan sistematik bagi mengurangkan penggunaan bahan bungkusan di kilang SKU untuk mengurangkan penggunaan bahan pembungkusan (misalnya, bungkusan MILO 2kg telah berjaya diturunkan sebanyak 5% dalam ketinggiannya) • Pelancaran Alat Penilaian Segera Kesan Pembungkusan (PIQET) pada suku keempat melibatkan enam orang pakar yang dipilih untuk menjalani latihan perintis di Pusat R&D Nestlé di Singapura. PIQET merupakan alat rekabentuk mesra alam yang membantu membandingkan sejenis bungkusan dengan yang lain dari segi kesan terhadap alam sekitar. • Kempen bersama Tesco Stores dan Tetra Pak bagi mempromosi dan meningkatkan kesedaran tentang kitar semula. 😊 	<ul style="list-style-type: none"> • Memanfaatkan PIQET untuk menilai kesan bungkusan yang digunakan terhadap persekitaran • Membuat ulasan untuk mengurangkan penggunaan bahan bungkusan • Mengkaji dan mengenalpasti pembangunan dan penggunaan sumber yang boleh diperbaharui • Meneruskan dengan menyokong kuat penggunaan bahan kitar semula sebaik mungkin
<p><u>Rangkaian Bekalan</u> Mematuhi Kod Pembekal Nestlé untuk mengekalkan piawaian dalam Integriti Perniagaan, Keselamatan dan Kesihatan, Kemampanan, Piawaian Buruh, Alam Sekitar dan Petani-petani Pembekal.</p> <p>Mengurangkan jurang dalam piawaian warga kerja (prosedur lebih masa), keselamatan dan persekitaran.</p>	<p>Pada tahun 2010, Rangkaian Bekalan meneruskan usaha logistik berlanjutan</p> <ul style="list-style-type: none"> • Menjadikan produk yang sudah tamat tempohnya kepada bahan makanan ternakan dan sisa cecair dijadikan baja organik dengan jumlah penukaran meningkat daripada 45% pada tahun 2009 kepada 95% pada bulan Oktober 2010. • Penakungan air hujan yang digunakan sebagai sumber air kedua bagi tujuan pembersihan lantai di Pusat Pengedaran Kebangsaan. • Mengurangkan penggunaan lori penghantar dengan menghantar barang kepada pengedar dan mengumpulkan palet kosong untuk dibawa pulang, dengan ini pembebasan karbon dapat dikurangkan. 😊 	<ul style="list-style-type: none"> • Pengauditan untuk para pembekal sedang dijalankan bagi memastikan pematuhan terhadap kod • Mengoptimumkan lagi proses pengedaran bagi mengurangkan kos pengangkutan, lebih masa dan pembaziran am • Penyelenggaraan berkala bagi kenderaan untuk mengurangkan pelepasan

😊 Kemajuan yang Baik

😐 Memuaskan

😞 Memerlukan Penambahbaikan

Kami mencapai matlamat kami menerusi persekitaran kerja yang melibatkan warga kerja yang berlainan bangsa.





Kecemerlangan Berterusan Nestlé (Nestlé Continuous Excellence) melibatkan hati dan minda warga kerja dalam penentangan terhadap kerugian. Bekerja dalam 1 pasukan dengan penglibatan 100% daripada setiap warga kerja kami menentukan kejayaan kami.

Warga Kerja dan Persekitaran Kerja Kami

“Warga kerja adalah aset terbesar kami, dan kami meletakkan kepentingan yang tinggi dalam pembangunan profesional mereka sama seperti dalam penyelidikan dan pembangunan produk kami.”

Paul Bulcke, Ketua Pegawai Eksekutif, Nestlé S.A.



Warga kerja kami adalah aset paling penting dan kami mempunyai keyakinan terhadap warga kerja berbanding sistem. Kami sentiasa berusaha untuk menarik dan mengekalkan warga kerja yang berkemampuan untuk keperluan perniagaan kini dan masa hadapan. Nilai kami yang terdiri daripada 'Kepercayaan', 'Hormat', 'Penglibatan' dan 'Kebanggaan' membantu kami menjalankan perniagaan dengan lebih berkesan dan memastikan bahawa kami berupaya untuk mengotakan janji kepada warga kerja kami dalam usaha untuk bergelar Majikan Terpilih. Kami mensasarkan untuk menjadi sebuah organisasi pembelajaran yang menarik kepada mereka yang mempunyai minat mendalam dan mahu berkembang dalam kerjaya mereka. Kami berusaha untuk menetapkan penanda aras baru dalam industri.

Dibimbing oleh Prinsip Perniagaan Korporat Nestlé, selain daripada kemahiran profesional, pengalaman praktikal dan tumpuan terhadap hasil, kami juga menghargai individu yang mempunyai ciri-ciri berikut:-

- Menambahkan nilai
- Terbuka
- Cara berinteraksi
- Mengilhamkan orang

Pada tahun 2010 – kami mempunyai seramai 5,004 kakitangan yang berkhidmat dengan Nestlé Malaysia. Pusing ganti kakitangan adalah 8%. Nisbah lelaki kepada perempuan kami berada pada tahap 1.97: 1. Sebanyak RM7.2 juta dibelanjakan untuk latihan kakitangan, dan kami memberi RM0.21 juta biasiswa untuk anak-anak kakitangan kami.

MENDENGAR WARGA KERJA KAMI

Kaji selidik berterusan dijalankan sebagai sebahagian daripada proses penglibatan kakitangan kami; terbaru adalah kaji selidik 'Nestlé & I' yang telah dijalankan oleh Kumpulan HAY pada 2010. Kaji selidik berkenaan sangat berjaya dengan kadar penyertaan yang tinggi sebanyak 98%.

PENEMUAN UTAMA :

Kekuatan Kami :

- Komitmen kukuh kepada kualiti produk kami dan memenuhi keperluan pelanggan kami.
- Kakitangan jelas mengenai apa yang diharapkan daripada mereka.
- Rasa bangga dan komitmen oleh kakitangan kami untuk kekal bersama dan berkhidmat untuk Nestlé.

Bidang untuk penambahbaikan:

- Meningkatkan kerjasama dan sokongan di kalangan pelbagai pasukan dan unit.
- Mengukuhkan rasa hormat di tempat kerja dan memberikan pengiktirafan sewajarnya atas prestasi yang baik.
- Mengukuhkan kepimpinan dan kemahiran melatih.



DARI KIRI:

Warga kerja kami bergembira di perhimpunan tahunan Nestlé, aktiviti menyeronokkan yang membolehkan warga kerja kami menunjukkan bakat terpendam masing-masing.

Berkongsi maklumat tentang prestasi, keutamaan dan cabaran Syarikat membekalkan warga kerja dengan halatuju yang lebih jelas.

Keputusan kaji selidik mengenal pasti 3 bidang penting untuk diperbaiki:

- a) Tingkah laku Pengurus – memastikan bahawa sebagai ketua pasukan dan pengurus, kami menunjukkan tingkah laku yang menggalakkan semangat Prinsip Pengurusan dan Kepimpinan Nestlé.
- b) Kerjasama – memastikan bahawa kami bekerjasama sepenuhnya antara satu sama lain dalam menyediakan sokongan yang diperlukan dan diharapkan daripada kami.
- c) Hormat dan Layanan, Ganjaran dan Pengiktirafan – memastikan bahawa kami melayan satu sama lain dengan hormat, membina kepercayaan serta memberi pengiktirafan sewajarnya dan ganjaran untuk prestasi yang baik.

LANGKAH SETERUSNYA:

Keputusan terperinci untuk fungsi / unit perniagaan masing-masing akan dikongsi di semua lokasi. Setiap unit dan tapak akan menyediakan pelan tindakan terperinci bagaimana untuk memperbaiki 3 bidang tumpuan penting berkenaan.

PERUBAHAN PERSEKITARAN PERNIAGAAN

Pada tahun 2010 Nestlé Malaysia menyempurnakan satu latihan untuk memperkemas operasi yang menjana permintaannya, dalam usaha untuk meningkatkan daya saing dan mengukuhkan perkhidmatannya kepada para pengguna dan pelanggan di pasaran Malaysia.

Di bawah rancangan ini, Nestlé Malaysia menutup semua cawangan jualannya di Malaysia Barat dan menyusun semula pasukan jualannya untuk kecekapan yang lebih baik. Ini termasuk pemusatan pentadbiran, rantaian bekalan dan tugas khidmat pelanggan daripada cawangan masing-masing ke ibu pejabat.

Bagaimanapun, struktur baru itu menyebabkan ada yang kehilangan pekerjaan dan sebagai sebuah syarikat yang komited kepada kesejahteraan semua kakitangannya, setiap kakitangan yang kehilangan pekerjaan diberikan bantuan untuk membantu mereka mencari pekerjaan baru. Sebagai tambahan, kakitangan tersebut menerima pakej redundansi yang lumayan jauh lebih baik daripada keperluan minimum perundangan. Mereka yang berusia melebihi 50 tahun ditawarkan pakej persaraan awal.



PASUKAN PETUGAS PENDAPAT KAKITANGAN

Inisiatif ini bertujuan untuk mendapatkan pelbagai pandangan kakitangan dan melibatkan tugas berkumpulan disertai kakitangan daripada beberapa fungsi untuk bekerjasama bagi mencapai matlamat yang khusus dan ditakrifkan dengan jelas.

Pasukan petugas berkenaan membolehkan kami mendengar pandangan kakitangan kami mengenai fokus agenda berbeza, mempelajari bidang yang diberi tumpuan dengan menghimpunkan saranan daripada kakitangan yang terdiri daripada pelbagai kumpulan umur, jantina, bangsa, gred tugas dan jabatan, serta melibatkan kakitangan dalam proses membuat keputusan.

GAYA HIDUP SIHAT UNTUK SEMUA

Selaras dengan perjalanan Nestlé untuk menjadi syarikat Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan utama di dunia, keputusan dicapai untuk memperkemas dan membangunkan aktiviti baru yang boleh membantu kakitangan menyepadukan pemakanan berkhasiat dan aktiviti fizikal

dalam tabiat harian mereka. 'Wellness4Me' adalah satu program tempat kerja dalaman untuk kakitangan Nestlé, dan setiap pasaran secara kreatif memulakan usaha-usaha yang bertujuan mencetus minat kakitangan dalam pemakanan berkhasiat; membuat pilihan menyihatkan; menggalakkan kesejahteraan; menentang gaya hidup tidak aktif; mencegah penyakit kardiovaskular dan meningkatkan kualiti kehidupan. Usaha-usaha termasuk pengedaran buah-buahan setiap Selasa dan Khamis, 'Staircase Mondays', 'Exercise Wednesday' and 'Lunch 'n Learn Thursdays'.

Sebagai sebuah syarikat yang memberi tumpuan kepada pemakanan berzat, penting untuk setiap orang memahami khasiat pemakanan dan menjadikannya satu keutamaan. Satu program latihan dipanggil 'Nutritional Quotient' (NQ) dimulakan secara global pada tahun 2007. Sesi tersebut, yang dilaksanakan oleh pakar pemakanan, bertujuan untuk melengkapkan kakitangan dengan sesi pendidikan pemakanan secara berterusan. Pada tahun 2010, 49 sesi latihan telah dijalankan di kilang Nestlé di seluruh Malaysia manakala 4 sesi telah dijalankan di Ibu Pejabat. Secara keseluruhan, seramai 1209 kakitangan telah dilatih. Pada peringkat global, program NQ adalah usaha pendidikan pemakanan terbesar diadakan di tempat kerja dalam industri ini.

KESIHATAN DAN KESELAMATAN

Data Prestasi (Pasaran) S&H 2010

Jumlah Terdedah Manusia-bilangan jam	15,433,026.00
Kehilangan masa kecederaan	12.00
Kadar Kekerapan Kehilangan Masa Kecelakaan	0.78
Jumlah Kecelakaan Boleh Direkodkan	26.00
Jumlah Kadar Kekerapan Kecelakaan Boleh Direkodkan	1.68

KESELAMATAN DI TEMPAT KERJA

Kadar Kekerapan Kehilangan Masa Kecelakaan (LTIFr) – satu piawaian diterima secara meluas di peringkat antarabangsa yang berdasarkan piawaian pengukuran kemalangan US-OSHA – mengukur ketidakhadiran daripada kerja sekurang-kurangnya sehari disebabkan kecederaan atau kesakitan berkaitan kerja. Sebanyak 26 kes telah dilaporkan di Malaysia pada tahun 2010. Jumlah kehilangan hari bekerja berada pada 135, manakala kehilangan masa berkaitan kejadian berada pada 12. Ini lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya yang berada pada 9.



Warga Kerja dan Persekitaran Kerja Kami

DARI KIRI:

Konvensyen Jualan tahunan menemukan warga kerja kami selain daripada memberi mereka haluan untuk tahun tersebut.

Aktiviti-aktiviti menyihatkan seperti mendaki bukit membantu warga kerja menghargai kepentingan kesejahteraan diri.

Menghulurkan bantuan kepada komuniti termasuk usaha para sukarelawan kami membantu di NASAM Biggest Breakfast.

Semua kilang dan tapak pusat pengedaran menyempurnakan proses pensijilan ISO14001 (Sistem Pengurusan Alam Sekitar) dan OHSAS18001 (Sistem Kesihatan & Pengurusan Keselamatan Pekerjaan) dan disarankan untuk pensijilan antarabangsa oleh SGS – satu pasukan audit luaran. Tapak itu juga telah diperakui untuk Piawaian Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan Malaysia, iaitu MS 1722 Bahagian 1. Selepas pelaksanaannya yang berjaya di Kompleks Shah Alam, 5 Inisiatif Keselamatan yang merangkumi BBS (BO), HIRADC, Ceramah Keselamatan Pengurusan Insiden dan Mesyuarat Keselamatan telah dimulakan di tapak operasi.

MENJANA NILAI BERSAMA DI SELURUH NESTLÉ

Sebagai sebuah syarikat yang menanamkan keperluan untuk menjana nilai bersama masyarakat dalam prinsip perniagaannya, ia juga penting untuk setiap kakitangan memahami apa yang kami lakukan untuk masyarakat dan berupaya untuk menjadi sebahagian daripadanya.

Dalam usaha kami untuk mendalami apa yang kami lakukan, Program Sukarelawan Warga Kerja Nestlé (Nestlé ROCKS) telah dimulakan pada tahun 2005. ROCKS bertujuan untuk menggalakkan pembabit kakitangan dalam masyarakat di mana Syarikat beroperasi. Program tersebut membolehkan 5,000 kakitangan Nestlé Malaysia meluangkan masa 16 jam bekerja setahun untuk membantu mana-mana 30 institusi kebajikan yang dijadikan “institusi angkat” oleh Syarikat.

Nestlé kini membantu golongan kurang upaya, kurang bernasib baik, anak-anak yatim, ibu tunggal, belia dan warga emas menerusi rangkaian meluas projek pembangunan masyarakat merangkumi bidang seperti pendidikan, program belia, aktiviti gaya hidup sihat, pembangunan sukan, menjaga alam sekitar, pembangunan luar bandar dan usaha pengurangan kemiskinan.

Pada tahun 2010, kira-kira 59 kakitangan Nestlé menyertai pelbagai usaha yang dijalankan oleh syarikat, mencatatkan jumlah 334.5 jam. Projek tersebut termasuk aktiviti Penjanaan Khasiat EGGXTRA bersama Rumah Nur Salam, menjalankan kerja sukarela pada Pameran Nestlé Menjana

Sebagai sebuah syarikat yang mengenalpasti keperluan untuk menjana nilai bersama masyarakat dalam prinsip-prinsip perniagaannya, ia juga penting untuk setiap kakitangan memahami apa yang kami lakukan untuk masyarakat dan menjadi sebahagian daripadanya.

Warga Kerja dan Persekitaran Kerja Kami

DARI KIRI:

Warga kerja kami melafazkan "I Do", serta mengambil bahagian secara aktif di acara "Wellness Walk" yang dianjurkan oleh NESTLÉ OMEGA PLUS.

Ahli Nestlé ROCKS kami menghulurkan bantuan di acara Biggest Breakfast Nestlé-NASAM.

Nestlé memastikan bahawa pekerjaan dan pembangunan warga kerja kami diuruskan dengan jayanya.



Di Nestlé, penekanan diberi kepada Warga Kerja kerana kami mempercayai bahawa mereka adalah kelebihan kompetitif paling penting bagi Syarikat.

Khasiat Rakyat Malaysia, 'OMEGA Walk', acara mengumpul dana seperti 'NASAM Fun on the Roof', 'Kiwaniis Food & Funfair, Karnival SSMH', 'PERTIWI Soup Kitchen', Sarapan Amal Nestlé-NASAM, serta gotong-royong di Tasputra Perkim. Kakitangan kami turut membantu menyelaraskan barangan yang didermakan untuk bantuan mangsa banjir di Pantai Timur. Sebagai penghargaan kepada sembilan anggota Nestlé ROCKS, Sijil Penghargaan ROCKS pertama telah diberikan atas sokongan dan pembabitan aktif mereka dalam Program Sukarela Kakitangan Nestlé. Sukarelawan utama Syarikat telah dipilih berdasarkan kriteria berikut – bilangan jam kerja yang disumbangkan dan bilangan aktiviti ROCKS yang disertai.

CARE

Pada tahun 2005, Nestlé memulakan satu program di seluruh dunia yang dikenali sebagai CARE untuk membuat pengesahan menerusi juruaudit bebas, bahawa operasi Nestlé mematuhi peraturan tempatan dan Prinsip Perniagaan Korporat Nestlé dalam bidang Kesihatan & Keselamatan di tempat kerja, Sumber Manusia, Integriti Perniagaan dan Alam Sekitar.

CARE, yang bermaksud Penilaian Pematuhan Sumber Manusia, Kesihatan & Keselamatan Pekerjaan, Integriti Perniagaan dan Alam Sekitar, telah dimulakan di Malaysia pada tahun 2006.

Sejak itu, CARE telah berkembang dengan baik, dan audit telah dijalankan di seluruh kilang Nestlé di Malaysia. Jurang kecil yang dikenal pasti telah diberi perhatian untuk diperbetulkan di mana perlu, dan audit semula dijalankan dan dipantau untuk memastikan pematuhan.



Pada tahun 2010, audit CARE diluaskan melangkaui kilang kami ke Pejabat Serantau Nestlé. Ibu Pejabat Korporat Nestlé telah diaudit untuk pertama kali pada Mac 2010, dan mencatatkan keputusan yang utuh dengan catatan jurang sifar.

PENYELESAIAN PENGURUSAN BAKAT DAN PRESTASI (TPMS)

Penyelesaian Pengurusan Bakat & Prestasi (TPMS) telah diperkenalkan dengan jayanya pada tahun 2010, bertujuan untuk menguruskan prestasi kakitangan individu, penilaian bakat, perancangan pengganti pimpinan, bersama-sama pelan kerjaya dan pembangunan individu di seluruh Perniagaan dan Fungsi. Usaha ini menyediakan sokongan cemerlang dari segi pengenalan bakat, penilaian dan perancangan pengganti pimpinan. Pada tahun 2010, pihak pengurusan telah dilatih untuk menggunakan TPMS untuk Pengurusan Prestasi (Borang Penilaian Prestasi) dan juga untuk menyokong perbincangan kerjaya mereka menerusi Garis Panduan Kemajuan dan Pembangunan.

Kakitangan juga menerima manfaat daripada TPMS kerana mereka boleh berkongsi aspirasi kerjaya dan maklumat penting berkaitan dengan perkembangan kerjaya mereka.

PERKEMBANGAN KERJAYA DAN PERBUALAN PENGURUSAN PRESTASI

Strategi perniagaan kami adalah untuk terus mencapai model Nestlé, yang menjadikannya sangat penting bagi kami memiliki Warga Kerja yang Berkebolehan, di Tempat yang Tepat, dengan Kemahiran yang Tepat dan Masa yang Tepat. Berhadapan dengan cabaran demografi luaran dan dalaman sedia ada, kami perlu memastikan bahawa kami berjaya menguruskan kerjaya dan pembangunan kakitangan kami menerusi cara yang tepat. Memandangkan perkembangan kerjaya adalah mengenai prestasi, kemahiran, minat, keperluan, motivasi dan potensi kakitangan, satu siri sesi latihan telah dianjurkan pada 2010 untuk mendidik dan melengkapkan kakitangan untuk kerjaya masing-masing. Sejumlah enam sesi telah diadakan pada 2010.

LATIHAN & PEMBELAJARAN

Di Nestlé, penekanan hebat diberikan kepada Warga Kerja kerana kami percaya bahawa mereka adalah kelebihan kompetitif paling penting untuk Syarikat.

Mencari cara baru dan lebih baik untuk mencapainya memerlukan usahabeterusan bagi melatih dan membangunkan kakitangan menerusi pembelajaran semasa kerja serta latihan rasmi.

Pada tahun 2010, sejumlah RM7.2 juta telah dibelanjakan untuk inisiatif yang bertujuan membangunkan kakitangan kami. Ini merangkumi program latihan dalaman membabitkan kemahiran insaniah serta latihan luaran – di mana kedua-duanya dijalankan di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Sebagai sebuah organisasi yang bermatlamat untuk menjadi syarikat peneraju Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan di dunia, adalah penting bagi setiap kakitangan untuk memahami pemakanan dan kesejahteraan.



KAJIAN KES Wellness4Me

Sebagai sebuah organisasi yang bermatlamat untuk menjadi Syarikat Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan utama di dunia, adalah kritikal bagi setiap kakitangan untuk memahami cara pemakanan dan kesejahteraan yang sihat. Sangat penting bagi kami mencipta satu budaya yang memperkasakan kakitangan kami untuk menguasai kesihatan mereka sendiri. Kami amat yakin dengan pepatah “fikiran yang sihat datangnya daripada tubuh yang sihat” dan mempunyai pendekatan bersepadu untuk memastikan kesihatan dan kesejahteraan kakitangan kami tanpa mengira umur, jantina atau lokasi mereka.

Kami mencapainya dengan menyediakan kakitangan kami dengan alat praktikal dan petua bagaimana mereka boleh membina kesejahteraan dalam kehidupan profesional dan peribadi. Kami turut berusaha untuk memastikan mereka disediakan dengan

maklumat pemakanan terkini secara berterusan dan memahami perubahan yang berlaku dalam syarikat berhubung soal pemakanan sama ada pengurangan gula, sodium atau asid lemak trans dalam produk atau inovasi produk baru kami.

Antara usaha-usaha yang dijalankan bagi memastikan kesejahteraan kakitangan kami termasuk:

‘Wellness4Me’ adalah satu program dalaman di tempat kerja untuk kakitangan Nestlé dan melibatkan usaha kreatif bertujuan mencetus minat kakitangan kami dalam pemakanan; membuat pilihan menyihatkan; menggalakkan kesejahteraan; menentang gaya hidup tidak aktif; mencegah penyakit kardiovaskular dan meningkatkan kualiti kehidupan mereka.

Warga Kerja dan Persekitaran Kerja Kami



Usaha-usaha di Nestlé Malaysia termasuk:

- Pengedaran buah-buahan pada setiap Selasa dan Khamis di mana setiap kakitangan diberi buah-buahan segar dalam usaha menggalakkan mereka untuk memasukkan buah-buahan dalam diet mereka.
- 'Staircase Mondays' di mana kakitangan digalakkan untuk menggunakan tangga, selain daripada menggunakan lif. Mesej dan poster kreatif di sepanjang anak tangga membantu untuk menjadikan perjalanan mereka lebih menyeronokkan.
- 'Exercise Wednesdays' – pada asalnya ia dimulakan dengan sesi regangan selama setengah jam. Disebabkan permintaan berulang-kali, sesi tersebut menjadi lebih panjang dan lebih intensif. Sejak itu, ia telah berkembang dengan penyertaan senaman kardio dan ketahanan.
- 'Lunch 'n Learn Thursdays' – diadakan sebulan sekali – ini bertujuan membantu kakitangan menetapkan matlamat kesihatan untuk tahun berkenaan.

Kami juga percaya sebagai sebuah syarikat yang memberi tumpuan kepada pemakanan, penting bagi setiap orang memahami pemakanan sihat dan menjadikannya satu keutamaan. Satu program latihan dikenali sebagai Nutritional Quotient (NQ) telah dimulakan secara global pada tahun 2007, merangkumi modul interaktif, penilaian sebelum dan selepas, serta satu penilaian tabiat pemakanan.

Berdasarkan kajian kes praktikal sesi ini disampaikan oleh pakar pemakanan yang membantu kakitangan untuk lebih memahami konsep pemakanan penting dan membina tabiat menyihatkan. Lebih banyak latihan lanjutan disediakan kepada kakitangan yang bekerja di bahagian pemasaran, pembangunan produk dan komunikasi. Secara tambahan, versi online NQ telah dilancarkan pada tahun 2010. Secara kesimpulannya, latihan NQ menunjukkan minat yang jelas di kalangan kakitangan ke arah latihan pemakanan individu dan praktikal.

Pada tahun 2010, 49 sesi latihan telah dikendalikan di kilang Nestlé di seluruh Malaysia, manakala 4 sesi diadakan di Ibu Pejabat. Secara keseluruhan, 1,209 kakitangan telah dilatih.

Pada peringkat global, program NQ adalah usaha pendidikan pemakanan terbesar di tempat kerja dalam industri ini. Lebih daripada 121,360 kakitangan di seluruh dunia telah menjalani latihan NQ sehingga ke hari ini.

Warga Kerja dan Persekitaran Kerja Kami

WARGA KERJA KAMI - PRESTASI

	Rujukan GRI	2010
Tenaga Kerja - Kakitangan Sepenuh Masa		
Bilangan Kakitangan	LA1	5,004
Kakitangan tetap (%)	LA1	93%
Kakitangan sementara & kontrak (%)	LA1	6%
Penglibatan kakitangan		
Penyertaan Kaji Selidik Pandangan Kakitangan "Nestlé & I"	#	98%
Skor Penglibatan Kakitangan	#	77%
Kesihatan dan Keselamatan Pekerja		
Kadar Kekejangan Kehilangan Masa Kecederaan	LA7	0.78
Pusing ganti kakitangan		
Pusing ganti kakitangan	LA2	8%
Kepelbagaian		
Profil jantina (jumlah) - % lelaki	LA13	66%
Profil jantina (jumlah) - % wanita	LA13	34%
Jawatan pemimpin dipegang oleh wanita	LA13	23%
Nisbah gaji wanita / lelaki (wanita:lelaki)	LA14	
Pengurusan Teratas		7:93
Pengurusan Kanan		25:75
Pengurusan Tengah 1		33:67
Pengurusan Tengah 2		38:62
Eksekutif-Eksekutif		44:56
Sokongan Pentadbiran Sulit		88:12
Bukan Pengurusan (Bersekutu)		28:72
Hak asasi manusia dan piawaian buruh		
Kakitangan baru dilatih mengenai keperluan, hak asasi manusia dan piawaian buruh kakitangan (bilangan kakitangan)		160
Bilangan kilang/ tapak yang diaudit oleh Program CARE (Penilaian Pematuhan Sumber Manusia, Keselamatan dan Kesihatan Pekerja, Alam Sekitar dan Integriti Perniagaan)		2 kilang, 5 tapak
Latihan dan pembangunan		
Latihan disediakan kepada kakitangan setiap tahun (nilai latihan - RM)		7,200,000

Penanda khusus Nestlé

SASARAN DAN PENCAPAIAN

WARGA KERJA DAN PERSEKITARAN KERJA		
Warga Kerja		
Sasaran Kami	Pencapaian Kami Setakat Ini	Maju Ke Hadapan
Memberi peluang kepada warga kerja untuk menyuarakan pendapat dan pandangan mereka.	Tinjauan “Nestlé & I” telah dilaksanakan bagi mengumpul pandangan warga kerja untuk membantu pihak pengurusan menyemai budaya prestasi tinggi yang dapat mendorong keputusan perniagaan. 😊	Berkongsi hasil tinjauan dengan lokasi-lokasi lain bagi membentuk rancangan tindakan pembaikan terperinci lebih lanjut.
Mempromosikan gaya hidup dan diet yang sihat di kalangan warga kerja.	Pada tahun 2010, Nestlé telah memperluaskan program “Wellness” untuk warga kerjanya di Menara Surian dengan menggalakkan gaya hidup sihat dan cara pemakanan yang sihat. Antara aktiviti-aktivitinya: <ul style="list-style-type: none"> • “Staircase Mondays” • Pengedaran buah-buahan pada setiap hari Selasa dan Khamis • Aktiviti bersenam pada hari Rabu • “Lunch ‘n Learn Thursdays” 😊 	Syarikat sedang merancang untuk melaksanakan inisiatif Kesejahteraan yang disesuaikan di lokasi Nestlé yang lain.
Memastikan warga kerja Nestlé berpengetahuan tentang pemakanan melalui inisiatif pendidikan.	Sejak tahun 2007, Nestlé telah mengadakan latihan “Nutrition Quotient” bagi warga kerja untuk membekalkan mereka dengan sesi pendidikan zat pemakanan. Pada tahun 2010, 49 sesi telah diadakan di kilang-kilang di Malaysia dan empat di Ibu Pejabat Nestlé. 😊	Untuk meneruskan sesi latihan bagi warga kerja baru, serta untuk menganjurkan NQ Booster sebagai sesi-sesi untuk menyegarkan semula warga kerja dengan maklumat terkini bagi pemakanan. Ini selaras dengan usaha Syarikat untuk menjadi syarikat Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan yang dipercayai.
Untuk menyediakan persekitaran kerja yang selamat.	Melaksanakan satu program untuk pengecaman yang teratur, pembetulan dan pencegahan bahaya dan risiko di tempat kerja. 😊	Melaksanakan sepenuhnya penukaran prosedur pengurusan untuk mengurus dengan lebih baik, potensi risiko.
Untuk mematuhi keperluan undang-undang dengan sepenuhnya.	Mematuhi keperluan undang-undang dan lain-lain. 😊	Menjangkau pematuhan.
Untuk mempertingkatkan pengurusan Keselamatan & Kesihatan	Prosedur dan amalan Keselamatan & Kesihatan telahpun dibangunkan. Mencapai pensijilan untuk sistem Pengurusan Keselamatan & Kesihatan, berdasarkan Piawaian OHSAS18001 antarabangsa. Mengukur pelaksanaan Keselamatan & Kesihatan dengan menggunakan petunjuk-petunjuk penting seperti Kadar Ke kerap an Kehilangan Masa Kecederaan (LTIFr) dan Jumlah Ke kerap an Kecederaan Boleh Direkodkan (TRIFr). Membuat sasaran bagi kehilangan masa kecederaan sifar. 😊	Menjajar dengan sepenuhnya dengan keperluan piawaian, mengekalkan sistem tersebut dan bersasar untuk mencapai jumlah kekerapan kecederaan boleh direkodkan (TRI) sifar.
Untuk mempertingkatkan amalan keselamatan	Melaksanakan satu Program Pengurusan Keselamatan berdasarkan kelakuan, di mana warga kerja memerhatikan kelakuan warga kerja lain, sama ada selamat atau berisiko. 😊	Membangun dan menyemai budaya Keselamatan dan Kesihatan Nestlé
Untuk menggalakkan sukarelawan di kalangan warga kerja melalui Program Sukarelawan Warga Kerja Nestlé (Nestlé ROCKS).	Program ini membolehkan warga kerja Nestlé untuk mengambil masa sehingga 16 jam daripada kerja setiap tahun untuk membantu di salah satu daripada 30 buah badan amal yang disokong oleh Nestlé. Pada tahun 2010, 72 orang pekerja Nestlé telah mengambil bahagian dalam pelbagai inisiatif dengan jumlah masa keseluruhan sebanyak 393.5 jam. Inisiatif termasuk program yang dirancang oleh syarikat dan juga inisiatif individu. 😊	Untuk mempertingkatkan penyertaan warga kerja serta memulakan aktiviti yang lebih bermakna dan diteruskan hingga tahun 2011. Nestlé akan terus memantau penyertaan warga kerja dan akan menilai keberkesanan penyertaan mereka.

😊 Kemajuan yang Baik 😊 Memuaskan 😊 Memerlukan Penambahbaikan

Kami telah memperkenalkan DMSOne, satu sistem kesepaduan yang boleh mempertingkatkan kecekapan operasi jualan kami untuk memastikan bekalan produk kami secara konsisten bagi para pelanggan kami yang bernilai.



Kami menyasar untuk menawarkan para pengguna pelbagai jenis produk berkualiti tinggi dan selamat yang terdapat di mana-mana jua.



Para Pengguna dan Pasaran Kami

Setiap kali satu produk baru dilancarkan, ia haruslah lebih baik dari sudut khasiatnya berbanding produk sebelum ini dengan mengandungi kurang gula, garam atau lemak, atau lebih mikronutrien.

Paul Bulcke, Ketua Pegawai Eksekutif, Nestlé S.A.



Nestlé memenuhi permintaan para pengguna menerusi inovasi dan renovasi produk.

Sebagai sebuah syarikat terkemuka Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan, sumber-sumber penting telah disalurkan kepada Penyelidikan dan Pembangunan (R&D), untuk lebih memahami kesedaran pemakanan berkhasiat, cabaran kesihatan yang dihadapi masyarakat, dan bagaimana kami boleh meningkatkan kualiti kehidupan menerusi makanan dan pemakanan.

Pertumbuhan Nestlé dalam menyediakan penyelesaian baru bagi Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan untuk memenuhi perubahan keperluan pengguna mampu dilaksanakan memandangkan Syarikat mempunyai rangkaian R&D pemakanan swasta terbesar di dunia, yang merangkumi 29 pusat perkembangan penyelidikan, teknologi dan produk dianggotai oleh lebih daripada 5,200 kakitangan di seluruh dunia.



Inovasi dan renovasi produk menerusi kajian dan pembangunan yang meluas.



Nestlé terus membekalkan penyelesaian pemakanan kepada semua segmen-segmen masyarakat.

Memahami keperluan pengguna adalah kunci kejayaan kami dan kami percaya bahawa diet yang menyihatkan mestilah mampu dinikmati untuk terus mampan. Diet yang tidak menyihatkan mungkin terdiri daripada kekurangan vitamin atau galian dan obesiti dan kami berusaha untuk menyediakan penyelesaian pemakanan untuk semua segmen masyarakat, terutamanya mereka yang berada dalam kumpulan pendapatan lebih rendah.

Di situlah letaknya cabaran kami memandangkan usaha menggabungkan rasa lazat dan khasiat yang baik dalam produk yang sama bukanlah satu tugas paling mudah. Dengan memanfaatkan rangkaian R&D Nestlé, kami berupaya untuk meningkatkan profil pemakanan produk kami dan mengukuhkan proses menganalisa dan meneliti khasiat pemakanan.

Memandangkan pengguna lebih menyedari apa yang mereka mahu dan perlukan, pilihan mereka berubah. Peranan kami dalam masyarakat adalah juga untuk meningkatkan tahap kesedaran mengenai diet dan gaya hidup sihat, dan kami melakukan pelbagai inisiatif untuk mencapai matlamat ini.

Kempen 'How Am I' misalnya, bertujuan untuk mendorong pengguna memikirkan keadaan kesihatan dan kesejahteraan mereka. Kami menyediakan satu senarai soalan Profil Kesejahteraan Nestlé untuk membantu individu memahami keinginan dan keperluan senaman mereka. Kami menyediakan idea yang mudah bagaimana untuk meningkatkan kesihatan dan kesejahteraan mereka. (Hasil kajian ini boleh didapati pada 2011).

Kami juga bekerjasama dengan Persatuan Pemakanan Malaysia (NSM) untuk mempromosi Direktori Garis Panduan Malaysia 2010. Dalam kerjasama ini, kami telah menghasilkan keratan media dan risalah pendidikan yang mengandungi tip yang berguna tentang diet makanan seimbang dan menjalani hidup yang aktif. Kami telah menyebarkan risalah pendidikan ini kepada pengguna melalui acara seperti Persidangan Saintifik Tahunan NSM dan Karnival Bulan Pemakanan Malaysia (Nutrition Month Malaysia).

Walaupun perjalanan masih jauh, kami mempunyai langkah penting dalam komitmen kami untuk meningkatkan kesihatan dan kesejahteraan pengguna kami. Pemantauan Ekuiti Korporat baru-baru ini menunjukkan bahawa 72% pengguna bersetuju Nestlé menghasilkan produk yang lebih menyihatkan, 76% berkata produk Nestlé adalah sebahagian daripada kehidupan seharian mereka dan 82% mempercayai kami. Kajian sedemikian membantu kami untuk memahami apa yang dilaksanakan dengan betul dan apa yang perlu kami lakukan dengan lebih baik.

Para Pengguna dan Pasaran Kami



Lebih daripada 74% rangkaian produk-produk Syarikat telah memperolehi status Asas Pemakanan.



Seorang warga kerja Nestlé memberi maklumat penting kepada seorang pengguna.

Pesanan Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan diteliti secara berterusan untuk memastikan bahawa kami memberikan pengguna maklumat pemakanan terkini dan paling relevan.

Berikut adalah sebahagian daripada usaha kami bertujuan untuk memperkukuhkan kepercayaan pengguna kami terhadap jenama dan produk kami:

LATIHAN PEMAKANAN

Latihan Nutrition Quotient (NQ) adalah satu usaha global Nestlé yang bertujuan untuk memastikan setiap warga kerja kami dilengkapi dengan kemahiran pemakanan yang tepat dan mampu menggunakan pengetahuan ini secara berkesan dan baik untuk diri mereka. Pada tahun 2010, kami mengendalikan 49 sesi di semua kilang kami di seluruh Malaysia, manakala empat sesi dijalankan di Ibu Pejabat. Secara keseluruhan, kira-kira 1,209 warga kerja diberikan latihan NQ.

NUTRITION FOUNDATION (NF)


Sistem Profil Pemakanan Nestlé diwujudkan untuk menilai khasiat produk makanan dan minuman untuk terus mengoptimumkan komposisi khasiat produk menerusi pembangunan produk. Sejak tahun 2005, Nestlé Malaysia telah menilai keseluruhan portfolio produknya dan satu produk akan hanya memperolehi status Asas Pemakanan (NF) apabila semua faktor pemakanannya memenuhi kriteria untuk kategori tersebut. Produk-produk dengan status NF mewakili pilihan yang sesuai untuk pengguna, sama ada pengguna dewasa atau kanak-kanak dalam konteks diet seimbang. Lebih daripada 74% keseluruhan portfolio produk Nestlé telah mencapai NF.



Nestlé terus menjadi pengeluar makanan dan minuman yang disebuti ramai, serta mengangkat kedudukannya sebagai peneraju Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan.

Skim pelabelan Nestlé membantu para pengguna membuat pilihan yang lebih bijak.

Persepsi yang kukuh dan positif terhadap Nestlé dalam bidang pemakanan dan kesihatan



BERKOMUNIKASI DENGAN PARA PENGGUNA

Bagi membantu kami lebih tangkas dan bertindak balas dengan lebih baik kepada pengguna kami, kami memastikan bahawa kami mempunyai kemudahan perkhidmatan yang kukuh. Pasukan Khidmat Pengguna berhubung secara langsung dengan pengguna yang membuat panggilan ke nombor talian percuma yang terdapat di belakang produk kami. Sebagai tambahan kepada talian percuma itu, pengguna juga boleh menghantar maklumbalas atau pertanyaan mereka menerusi laman web korporat, surat dan faks.

Pada tahun 2010, Pasukan Perkhidmatan Pengguna Nestlé mengendalikan 21,043 kes, yang mana 77.4% adalah pertanyaan, 22% aduan, dan selebihnya 0.6% pujian.

Apa yang menarik ialah 132% peningkatan dalam pertanyaan mengenai isu Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan berbanding tahun 2009.

Pusat panggilan tersebut turut menyediakan resipi dan nasihat pemakanan.

KOMPAS PEMAKANAN – SKIM PELABELAN BERJENAMA NESTLÉ

Panel maklumat yang mudah dibaca pada bahagian belakang setiap produk Nestlé membantu pengguna untuk membuat pilihan tepat berhubung pembelian dan penggunaan mereka. Jadual khasiat makanan serta penjelasan mengenai bahan-bahan dan khasiat setiap produk membantu pengguna untuk membuat pilihan tepat mengenai diet mereka. Mesej Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan diteliti secara berterusan untuk memastikan bahawa kami memberikan pengguna maklumat pemakanan terkini dan paling bersesuaian.

PEMANTAUAN EKUITI KORPORAT

Kira-kira 1,023 orang terlibat dalam kajian untuk mendapatkan maklumat mengenai tanggapan Nestlé berbanding pesaingnya. Nestlé terus ditempatkan pada kedudukan yang tinggi dan pengeluar makanan dan minuman yang paling sering disebut. Rakyat Malaysia mengaitkan Nestlé sebagai pengeluar produk harian seperti minuman makanan kesihatan, produk susu, aiskrim dan mi segera. Syarikat juga berada pada kedudukan tinggi dalam bidang produk utama seperti coklat, bijirin sarapan, minuman yogurt dan sos. Berbanding tahun sebelumnya, Nestlé lebih banyak disebut sebagai pengeluar bagi semua produk utama. Apa yang utama adalah Nestlé mengukuhkan imejnya sebagai ‘pakar dan peneraju dalam pemakanan’ dan telah menambahkan penglibatannya sebagai sebuah ‘syarikat yang menghasilkan produk sihat dan berkhasiat’.

Para Pengguna dan Pasaran Kami



Pameran NESTLÉ NOURISHING MALAYSIA menunjukkan perjalanan kami untuk menjadi syarikat Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan yang dipercayai di dunia, dan nilai penglibatan kami dengan pihak berkepentingan.



Ribuan pelawat mengunjungi Pameran-pameran dan mengambil bahagian dalam aktiviti menyeronokkan seperti ini.

TAHAP PERKHIDMATAN PELANGGAN

Nestlé telah menghantar lebih daripada 28 juta kotak produk kepada 87 pengedar menerusi 11 gudang yang dikendalikan oleh Nestlé dan pihak lain. Tahap Perkhidmatan Pelanggan (CSL) adalah tumpuan utama, yang mana kami mencapai 98% "tepat pada masa sepenuhnya" berasaskan bulanan untuk Akaun Antarabangsa, meskipun pelbagai cabaran operasi yang menjejaskan keadaan bekalan seperti permintaan yang tidak sekata, kekurangan bahan mentah dan faktor-faktor lain.

Penambahbaikan ini datangnya daripada kerjasama yang baik di kalangan pasukan operasi kami yang terdiri daripada Rangkaian Bekalan, Pengeluaran dan Pembelian, untuk menghasilkan bekalan yang konsisten, dengan tumpuan kami kepada Pelanggan, Pengedar dan Akaun Antarabangsa kami.

CSL kepada Pengedar kami, bagaimanapun, sedikit rendah pada 96% disebabkan pihak Pengedar mengekalkan stok penimbal yang lebih tinggi.

Satu lagi tumpuan utama adalah penghantaran produk segar kepada pengguna kami, dengan keupayaan kami untuk menghantar produk dengan 90% "jangka hayat selebihnya" dari Pusat Pengedaran kami. Ini telah dicapai pada tahun 2010.

Pada tahun 2010, Rangkaian Bekalan meneruskan usaha ke arah kemampunan logistik. Penambahbaikan yang penting telah dilakukan dalam penukaran produk tamat tempoh kepada makanan haiwan dan sisa cecair kepada baja organik. Projek tersebut dimulakan pada Mac 2010 dan telah berjalan dengan baik. Jumlah kadar penukaran meningkat begitu tinggi daripada 45% pada tahun 2009, kepada 95% pada suku keempat 2010.

PROGRAM DEAR NESTLÉ

Program Dear Nestlé bertujuan untuk menjadi rakan kongsi pemakanan dan kesihatan yang memperkasakan rakyat Malaysia untuk mencapai gaya hidup yang seimbang dan sihat. Semua rakyat Malaysia berusia di antara 18-65 boleh mendaftar dengan percuma untuk menerima maklumat berguna, resipi lazat menarik dan promosi istimewa. Laman web www.nestle.com.my/dearnestle mengandungi lebih daripada 100 resipi yang telah diteliti oleh pakar pemakanan dan turut memaparkan alat kesihatan seperti kalkulator BMI dan bimbingan menu.



Demonstrasi memasak dan persampelan produk adalah antara acara-acara kemuncak di Pameran NESTLÉ NOURISHING MALAYSIA.

PAMERAN 'NESTLÉ NOURISHING MALAYSIA'

Nestlé mengadakan pameran 'NESTLÉ NOURISHING MALAYSIA' bagi tahun keempat berturut-turut dalam usaha untuk mendidik orang ramai dan sebagai sokongan kepada usaha Kerajaan untuk menggalakkan diet yang lebih menyihatkan dan gaya hidup aktif di kalangan rakyat Malaysia. Acara berkenaan, yang telah diadakan di Kuala Lumpur dan Johor mempamerkan produk-produk, aktiviti-aktiviti dan perkhidmatan Nestlé sejajar dengan komitmen Syarikat kepada Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan, serta menunjukkan perkembangan syarikat. Lebih daripada 20,000 rakyat Malaysia mengunjungi dua acara tersebut.

Acara termasuk:

- Inovasi produk terkini Nestlé dan maklumat terkini mengenai usahanya untuk Menjana Khasiat Rakyat Malaysia

- Usaha-usaha Nestlé untuk menyokong Pelan Pemakanan 10 Tahun Kementerian Kesihatan dengan membantu pengguna mencapai diet yang lebih sihat dan seimbang menerusi produk yang lebih menyihatkan ~ pembangunan produk dengan mengandungi kurang gula, kurang garam, kurang lemak, dsb.
- Pemeriksaan kesihatan percuma (pemeriksaan BMI, Gula-Darah dan Kolesterol)
- Nasihat pemakanan oleh Persatuan Pemakanan Malaysia
- Lawatan yang dibimbing oleh Duta Kesejahteraan
- Demonstrasi memasak dan pensampelan produk
- Pameran Rangkaian Halal dan R&D
- Inisiatif Menjana Nilai Bersama Nestlé

Nestlé mengadakan Pameran 'NESTLÉ NOURISHING MALAYSIA' bagi tahun keempat berturut-turut dalam usaha untuk mendidik orang ramai dan sebagai sokongan kepada usaha Kerajaan untuk menggalakkan pemakanan yang lebih menyihatkan dan gaya hidup aktif di kalangan rakyat Malaysia.

Para Pengguna dan Pasaran Kami



BULAN PEMAKANAN MALAYSIA

Nestlé Malaysia adalah penaja utama dan penyokong Bulan Pemakanan Malaysia, usaha pendidikan pemakanan terbesar negara yang dianjurkan bersama oleh Persatuan Pemakanan Malaysia, Persatuan Pakar Pemakanan Malaysia dan Persatuan Kajian Obesiti Malaysia. Diadakan pada Mei 2010, lebih daripada 6,000 orang mengunjungi acara dua hari yang telah diadakan di Pusat Pameran Mid Valley sempena Bulan Pemakanan Malaysia. Terdapat aktiviti menyeronokkan, pemeriksaan kesihatan, kaunseling pemakanan, perincian produk dan pensampelan.

Nestlé turut bekerjasama dengan Persatuan Pemakanan Malaysia untuk mendidik rakyat Malaysia mengenai pemakanan dan kehidupan sihat berdasarkan Garis Panduan Pemakanan Rakyat Malaysia 2010 Kementerian Kesihatan.

PRODUK BERKEDUDUKAN POPULAR

Pada tahun 2008, Nestlé telah memperkenalkan rangkaian Produk Berkedudukan Popular (PPP), yang terhasil daripada pandangan mendalam pengguna dan sains untuk menyediakan produk berkualiti tinggi yang mampu dimiliki oleh para pengguna. Matlamat Nestlé adalah untuk membolehkan para pengguna berpendapatan kurang daripada RM1,500 mampu membeli produk berkhasiat yang kami sediakan.

Pada tahun 2010, Nestlé melancarkan tiga produk baru - MAGGI Sajian Keluarga yang diperkaya dengan zat besi, bersama serbuk MILO 90g dan serbuk kopi NESCAFÉ 25g yang lebih kecil daripada pek biasa, supaya pengguna boleh menikmati jenama-jenama kegemaran mereka.

FORUM UMUM MENGENAI PENGURUSAN DIABETES

Diabetes adalah salah satu isu kesihatan terbesar yang melanda masyarakat dengan anggaran 200 juta penghidap diabetes di seluruh dunia. Ini dijangka akan mencapai 370 juta menjelang 2030 (Pertubuhan Kesihatan Sedunia), meletakkan tekanan hebat ke atas sistem kesihatan umum di seluruh dunia. Bahagian Pemakanan Penjagaan Kesihatan Nestlé (HCN) aktif menganjurkan aktiviti bertujuan untuk mewujudkan kesedaran yang lebih tinggi terhadap pengurusan diabetes. Salah satu inisiatif berkenaan adalah forum umum yang dianjurkan bersama Persatuan Diabetes Malaysia di Johor pada April. Topik-topik yang dibentangkan termasuk – “Memahami Diabetes Jenis 2 – Satu Pembunuh Senyap” dan “Pemakanan Diabetes Mungkin Sesuatu yang Manis”. HCN turut menggunakan forum tersebut sebagai platform untuk memperkenalkan laman web NUTREN UNTUK DIABETIK yang membantu pengguna memahami penyakit tersebut, menguruskan diet mereka dengan lebih baik dan mempelajari inovasi terkini. Platform interaktif berkenaan juga menyediakan bahagian soal dan jawab yang diterajui oleh sekumpulan pakar dalam bidang berkenaan.



DARI KIRI:

Mendidik para pengguna mengenai cara pemakanan yang sihat dan mengambil kira kesihatan mereka menerusi pelbagai bahan komunikasi, serta maklumat mengenai manfaat produk-produk.

Nestlé menyediakan makanan yang berkhasiat pada harga yang berpatutan untuk memenuhi permintaan para pengguna di mana-mana sahaja, setiap hari.

INSTITUT PEMAKANAN NESTLÉ

Institut Pemakanan Nestlé (NNI) ialah cabang komunikasi perubatan dan saintifik Pemakanan Nestlé. Dengan moto "Sains untuk Pemakanan Yang Lebih Baik", NNI bertujuan untuk menyumbangkan maklumat pemakanan yang betul dan pendidikan profesional penjagaan kesihatan serta berkongsi dengan mereka maklumat terkini dalam sains pemakanan. NNI menganjurkan satu lawatan ke Pusat Penyelidikan Nestlé (NRC) di Switzerland untuk profesional penjagaan kesihatan utama memperkenalkan mereka kepada sains di sebalik pembuatan produk Nestlé.

Semasa lawatan berkenaan, peserta diberikan penjelasan mengenai kerja yang dilaksanakan oleh NRC, yang menjadi asas kepada pengetahuan penyelidikan Nestlé. Pembentangan termasuk topik semasa

seperti microbiota perut, probiotik dan kesannya kepada ketahanan tubuh dan kesihatan; keselamatan mikrobiologi; pembangunan protein hypoallergenic (HA); kawalan pengambilan makanan dan penyelidikan selera dan metabonomics (kajian profil metabolit molekul kecil).

NNI Malaysia juga menganjurkan bengkel CME yang pertama untuk pegawai kanan perubatan (MO) daripada unit Paediatrik dan Obstetrik & Ginekologi hospital awam di Kuala Lumpur pada Julai 2010. Seramai 30 kakitangan perubatan menghadiri bengkel mengenai pemakanan ibu dan kanak-kanak. Antara topik dibentangkan termasuk 'Pemakanan Ibu – Adakah Ia Menjejaskan Kehamilan', 'Menoptimumkan Pemakanan bagi Bayi Pra-Matang', 'Menilai Status Pemakanan Kanak-kanak' dan 'Pengurusan Obesiti dan Alahan Kanak-kanak'.

Matlamat Syarikat adalah untuk menyediakan makanan yang berkhasiat bagi para pengguna di mana-mana jua dan pada harga yang berbeza.

Para Pengguna dan Pasaran Kami

Selain daripada menawarkan produk-produk yang bersesuaian, selamat, berkhasiat, lazat, mudah dan berkualiti tinggi kepada pengguna, Nestlé juga komited untuk mempertingkatkan tahap kesedaran mengenai pemakanan dan gaya hidup sihat di kalangan pengguna.



KAJIAN KES Kempen 'How Am I'

Sebagai sebuah syarikat Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan utama di dunia, Nestlé telah melabur sumber yang banyak untuk lebih memahami tahap kesedaran pemakanan, cabaran kesihatan yang melanda masyarakat dan bagaimana kami mampu mempertingkatkan kualiti kehidupan pengguna menerusi makanan dan diet.

Nestlé mengakui bahawa makanan dan minuman memainkan peranan penting dalam kehidupan orang ramai dan bagaimana ia mempengaruhi cara mereka menjalani kehidupan. Selain daripada penawaran produk yang bersesuaian, selamat, berkhasiat, lazat, mudah dan berkualiti tinggi kepada pengguna, Nestlé juga komited untuk meningkatkan tahap kesedaran tentang diet dan gaya hidup menyihatkan di kalangan pengguna.

Bertujuan untuk menggalakkan pengguna berfikir mengenai keadaan kesihatan dan kesejahteraan mereka, Nestlé telah

melancarkan kempen 'How Am I', yang mendorong pengguna untuk menjawab satu set soalan di halaman Facebook bagi membantu mereka menilai diri sendiri dan lebih memahami gaya hidup dan pengambilan pemakanan mereka.

15 soalan yang diberikan adalah bertujuan untuk menilai ukuran berat badan pengguna, tabiat pembelian dan juga rutin senaman. Selesai menjawab soalan, pengguna kemudiannya disalurkan ke laman web Nestlé di mana mereka akan melihat golongan profil mereka.

Empat jenis profil tersebut adalah:

The Advocate – Kesihatan, diet dan gaya hidup golongan ini didorong oleh pegangan falsafah, agama atau etika. Dia bersedia mengenyepikan cita rasa untuk manfaat kesihatan jangka panjang.



The Investor – Seseorang yang mempunyai cara pemakanan yang hampir sempurna yang membuat pilihan pemakanan yang menyihatkan tetapi tidak bersedia untuk mengenyepikan cita rasa hanya untuk menjadi sihat. Dia juga mengambil kira tabiat pemakanan yang mungkin memberi kesan kepada dirinya atau orang tersayang.

The Manager – Seseorang yang menyedari kepentingan tabiat pemakanan yang sihat tetapi akhirnya memilih makanan mudah yang tidak semestinya menyihatkan kerana tidak mempunyai masa untuk menyediakan hidangan sewajarnya. Ringkasnya, golongan ini adalah seseorang yang mencuba untuk menyeimbangkan diet dengan tuntutan kerja dan kehidupan.

The Hopeful – Individu ini menurut kehendak hati dan mencari penyelesaian pantas untuk mengurangkan berat badan apabila perlu, tetapi berharap untuk menjalani gaya hidup yang lebih sihat di masa hadapan.

Sebagai tambahan kepada gambaran profil tersebut, Nestlé turut memaparkan petua bagaimana dan apa yang boleh dilakukan oleh peserta untuk mencapai kesejahteraan dan gaya hidup yang lebih sihat. Ini disediakan dalam dua bahasa – Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Nestlé juga mengemaskini laman web berkenaan secara berterusan dengan berita dan artikel terkini berkaitan kesihatan serta menyediakan maklumat mengenai pelbagai aktiviti seperti 'World Walking Day'.

Sejak 31hb Disember 2010, terdapat seramai 12,733 pengguna 'How Am I?' melalui aplikasi Facebook. Daripada jumlah ini, lebih daripada 8,000 pengguna mengambil ujian tersebut dan menentukan profil diri mereka sendiri dalam masa tiga bulan kempen 'How Am I' dilancarkan.

Berikut disenaraikan ringkasan daripada profil yang dihasilkan:

The Advocate	-	3,171
The Investor	-	401
The Manager	-	2,903
The Hopeful	-	2,374

Sebagai tambahan kepada 'How Am I', Nestlé dengan kerjasama Persatuan Pemakanan Malaysia, turut menyiarkan satu siri artikel dalam Bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia dan Bahasa Cina mengenai diet dan gaya hidup sihat. Artikel-artikel tersebut disiarkan dalam bahagian kesihatan akhbar utama di Malaysia.

MAJU KE HADAPAN

Nestlé menyedari bahawa menyediakan pengguna dengan maklumat mengenai profil mereka dan menasihati mereka mengenai diet dan gaya hidup yang betul hanyalah sebahagian daripada gambaran penuh. Aktiviti seperti 'World Walking Day' akan dipaparkan - dalam bahagian "How Am I?" laman web Nestlé, bersama-sama resipi sihat dan petua yang mudah diikuti mengenai penyediaan makanan menyihatkan.

Nestlé akan mengemaskini laman web tersebut dengan soalan susulan bagi membantu peserta memantau kemajuan dan mengekalkan gaya hidup sihat mereka.

Para Pengguna dan Pasaran Kami

PASARAN – PRESTASI KAMI

	Rujukan GRI	2010
Pemakanan		
Produk memenuhi atau melebihi kriteria profil Asas Pemakanan (%jualan)	Tiada	74%
Produk memenuhi atau melebihi pilihan cita rasa pengguna (% jualan)		81%
Produk dengan tambahan khasiat pemakanan berbanding pesaing (% jualan)		54%
Produk dengan kenyataan pemakanan di hadapan bungkusan		64%
Produk disertai Kompas Pemakanan Nestlé** (% jualan)		100%
Produk dengan pelabelan GDA (% jualan)		57%
Pemakanan, Kesihatan & Kesejahteraan		
Jumlah bilangan kakitangan yang menerima latihan pemakanan*		1,209
Pameran 'NESTLÉ NOURISHING MALAYSIA'		
Bilangan pengunjung pada acara di KL	#	10,085
Bilangan pengunjung pada acara di Johor	#	14,611

* Tidak termasuk Purina Petcare, Nestlé Nutrition & CPW

Penanda khusus Nestlé

** Tidak termasuk Purina Petcare & CPW

SASARAN DAN PENCAPAIAN

PARA PENGGUNA DAN PASARAN KAMI		
Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan		
Sasaran Kami	Pencapaian Kami Setakat Ini	Maju Ke Hadapan
Mendorong ke arah gaya hidup sihat dan aktif serta mempertingkatkan kesedaran pada usaha Nestlé iaitu “Menjana Khasiat Rakyat Malaysia”.	<p>Pada tahun 2010, Nestlé telah mengadakan Pameran NESTLÉ NOURISHING MALAYSIA di dua lokasi iaitu – Pusat Membeli-belah 1 Utama, Bandar Utama dan Aeon Bukit Indah di Johor Bahru – dengan tujuan untuk meningkatkan kesedaran terhadap gaya hidup sihat dan diet di kalangan masyarakat Malaysia.</p> <p>Setiap lokasi telah menarik perhatian lebih kurang 10,000 orang pengunjung, di mana mereka telah diberi gambaran tentang langkah-langkah yang telah dilaksanakan oleh Nestlé dalam mencapai misi mereka iaitu menjadi sebuah syarikat yang menitikberatkan Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan di mata dunia. 😊</p>	Untuk terus mendidik masyarakat am mengenai kesihatan dan pemakanan melalui pelbagai cara termasuk acara-acara, akhbar dan radio. Ini membolehkan Nestlé untuk mencapai lebih ramai orang
Melibatkan diri dengan pihak luar untuk meningkatkan lagi kedudukan Nestlé sebagai syarikat Pemakanan dan Kesejahteraan.	<p>Nestlé Malaysia telah menjadi penaja utama dan penyokong Bulan Pemakanan Malaysia yang merupakan inisiatif pendidikan pemakanan terbesar di Malaysia yang turut dilaksanakan oleh Persatuan Pemakanan Malaysia (NSM), Persatuan Dietitian Malaysia (MDA) dan Persatuan Kajian Obesiti Malaysia (MASO).</p> <p>Pada bulan Mei 2010, lebih daripada 6,000 orang pengunjung telah melawat pameran dua hari yang diadakan di Pusat Pameran Mid Valley sehubungan dengan Bulan Pemakanan Malaysia. Terdapat pelbagai aktiviti yang menyeronokkan disediakan, pemeriksaan kesihatan, kaunseling pemakanan, serta pendekatan dan pensampelan produk. 😊</p>	<p>Untuk terus menyokong acara-acara yang berkaitan dengan pemakanan dan kesihatan untuk mendidik rakyat Malaysia tentang pemakanan dan gaya hidup yang lebih sihat.</p> <p>Untuk bekerjasama dengan badan-badan yang relevan bagi mengatasi masalah kekurangan zat makanan dan obesiti.</p>
Untuk memastikan masyarakat khususnya yang berpendapatan rendah, mempunyai akses kepada produk-produk yang berkualiti tinggi dan mengandungi zat pemakanan yang secukupnya.	<p>Pada tahun 2008, Nestlé telah memperkenalkan Produk-produk Berkedudukan Popular (PPP) yang merupakan hasil daripada pendekatan kepada para pelanggan untuk menyediakan produk-produk yang berkualiti tinggi, dengan zat pemakanan yang mencukupi serta mampu dibeli oleh pelanggan dengan harga yang berpatutan.</p> <p>Pada tahun 2010, Nestlé telah melancarkan tiga produk baru iaitu – mi segera MAGGI Sajian Keluarga (diperkaya dengan zat besi), serbuk MILO 90g dan kopi NESCAFÉ 25g. 😊</p>	Rancangan sedang dilakukan untuk memperkenalkan lebih banyak produk PPP pada tahun 2011.

Para Pengguna dan Pasaran Kami

Sasaran Kami	Pencapaian Kami Setakat Ini	Maju Ke Hadapan
<p>Untuk melibatkan diri dengan masyarakat melalui Kempen Perkhidmatan Awam dengan jenama kami.</p>	<p>MILO telah melancarkan enam buah kem MILO PLAY MORE LEARN MORE semasa musim cuti sekolah iaitu pada bulan November/Disember 2010. Keenam-enam kem tersebut dianjurkan oleh Jawatankuasa Rukun Tetangga dan disokong sepenuhnya oleh MILO. Aktiviti yang disediakan termasuk Klinik Latihan dan Perlawanan Mini. Penyertaan aktif oleh Jawatankuasa Rukun Tetangga yang terdiri daripada ibu bapa di kawasan berdekatan menjayakan lagi kem ini dengan usaha mereka untuk melibatkan anak-anak mereka. 😊</p>	<p>Aktiviti yang serupa akan diadakan pada tahun 2011.</p> <p>Untuk memantau penglibatan jenama Nestlé yang lain dalam aktiviti kemasyarakatan yang sama.</p>
<p>Untuk memperluaskan lagi kepakaran Nestlé dalam proses pengeluaran makanan dan isu-isu Halal kepada IKS.</p> <p>Menyediakan IKS dengan pengetahuan tentang standard Halal dan keperluan peraturan.</p>	<p>Nestlé, bersama-sama dengan HDC dan SME Corp telah berjaya mengadakan program mentor untuk IKS pada bulan Jun 2010.</p> <p>Nestlé berkongsi amalan terbaik mengenai Halal, peraturan-peraturan, kawalan pengeluaran dan pemasaran. Pasukan HDC mempersembahkan piawaian dan pensijilan Halal, sementara SME Corp memberi tumpuan kepada peningkatan kapasiti/skim kewangan IKS bersama-sama dengan Bank SME. 😊</p>	<p>Nestlé merancang untuk mengadakan empat sesi program mentor pada tahun 2011; satu setiap suku tahun.</p>
<p>Membantu golongan kurang upaya melalui kempen amal.</p>	<p>Nestlé Malaysia bergabung dengan GCH Retail (M) Sdn. Bhd. untuk membantu golongan yang kurang berkemampuan menjelang perayaan Hari Raya pada tahun 2010. Melalui inisiatif ini, Nestlé bersama-sama dengan Giant memberi sumbangan kira-kira RM0.30 dari hasil penjualan produk Nestlé di semua pasaraya Giant di Semenanjung Malaysia.</p> <p>Kempen “Belanja dan Beramal” telah memberi manfaat kepada PERTIWI, Persatuan Kanak-Kanak Spastik Selangor dan Wilayah Persekutuan dan Pusat Perubatan Islam Malaysia Rumah Solehah dengan setiap badan amal menerima sumbangan sebanyak RM50,000. 😊</p>	<p>Untuk meneruskan kerjasama seperti ini pada tahun 2011, dan untuk menyalurkan wang kepada badan-badan amal lain yang memerlukannya</p> <p>Nestlé akan mengenalpasti rakan kongsi yang berpotensi dan rumah amal lain yang memerlukan bantuan</p>

Sasaran Kami	Pencapaian Kami Setakat Ini	Maju Ke Hadapan
<p><u>Nestlé Professional</u>: Berkongsi penemuan tinjauan pelanggan dengan pihak atasan bagi membuat keputusan tentang strategi saluran pelanggan.</p> <p>Menaik taraf standard kemahiran seni kuliner.</p> <p>Mewujudkan kesedaran tentang makanan dan kebersihan peribadi di kalangan pengendali makanan dan minuman.</p>	<p>Nestlé Professional (NP) telah menerbitkan edisi pertama Majalah “NUTRIPRO” pada bulan April 2009, yang memaparkan berita tentang inovasi terbaru, kepentingan nutrisi dan tren industri.</p> <p>Berikutan sambutan hangat daripada para pelanggan Nestlé, NP mengambil langkah untuk memperluaskan lagi perkhidmatan yang sedia ada dengan mengadakan seminar “NUTRIPRO Evening” di mana penceramah antarabangsa berbicara mengenai tren, perancangan menu berkhasiat serta idea-idea komunikasi yang lain.</p> <p>Pada tahun 2010, Nestlé mengadakan aktiviti berikut untuk menaikkan lagi standard seni kuliner bagi para pelajar dan professional industri:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Anugerah Seni Kulineri Nestlé Ke-4 - Pertandingan Memasak Yang Paling Terbaik • Cabaran Chef Pulau Pinang Ke-4 • Pertandingan Chef Emas Dunia • Fiesta Hospitaliti Sabah <p>Bersama dengan ‘Malaysia Singapore Coffee Shop Proprietors General Association’, NP telah mengadakan perbincangan tentang Kebersihan di Kedai Kopi di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang, yang telah menarik perhatian lebih kurang 80 orang pemilik kedai kopi di setiap lokasi. 😊</p>	<p>Untuk meneruskan penerbitan majalah NUTRIPRO dan mengadakan lebih banyak lagi seminar “NUTRIPRO Evening”.</p> <p>NP akan terus menganjurkan pertandingan dan perbincangan yang sama di kawasan/negeri lain pada tahun 2011.</p>
<p>Untuk mendidik generasi muda tentang ilmu makanan.</p>	<p>Sehubungan dengan Hari Makanan Sedunia 2010, Nestlé Malaysia dan Petrosains telah bekerjasama untuk mendidik para pengunjung pada minggu tersebut melalui pembelajaran interaktif yang menyeronokkan. Dengan menggunakan kaedah inovatif dan interaktif dalam komunikasi, Nestlé dapat menyampaikan pesanan tentang kepentingan makanan sebagai sumber tenaga, piramid makanan dan fakta penting tentang zat pemakanan. 😊</p>	<p>Untuk terus berkongsi kepakaran Nestlé dalam bidang pemakanan dengan masyarakat am, dengan kerjasama Petrosains.</p> <p>Untuk mencari peluang kerjasama dengan organisasi lain.</p>
<p>Untuk mempertingkatkan cara pemakanan dan status zat pemakanan di Malaysia.</p>	<p>Pada tahun 2010, Nestlé telah menganjurkan acara ‘NASAM Malaysia’s Biggest Breakfast’ bersama-sama Persatuan Angin Ahmar Kebangsaan (NASAM).</p> <p>Selain membantu mempromosikan kepentingan pengambilan sarapan pagi, acara ini juga diadakan bagi mengumpul dana bagi pesakit-pesakit angin akmar. 😊</p>	<p>Untuk terus menyokong NASAM dengan aktiviti yang sama.</p> <p>Untuk mengenalpasti NGO lain yang berkaitan dalam usaha yang sama untuk membantu lebih ramai masyarakat Malaysia.</p>

😊 Kemajuan yang Baik 😊 Memuaskan 😊 Memerlukan Penambahbaikan

Anugerah & Pencapaian

ANUGERAH KALUNG PERPADUAN

Di majlis pelancaran Sambutan Minggu Perpaduan Peringkat Kebangsaan 2010, Nestlé (Malaysia) Berhad telah menerima Anugerah Kalung Perpaduan di bawah kategori Korporat. Kategori-kategori lain termasuk Sukan, Seni, Media dan Komuniti. Acara anjuran Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional tersebut telah berlangsung pada 21 Mei di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka di Ayer Keroh dan telah dilancarkan oleh Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin.

"THE EDGE BILLION RINGGIT CLUB"

Syarikat-syarikat berdaftar yang terbesar dan terbaik di Malaysia dengan modal pasaran atau keuntungan sekurang-kurangnya RM1 bilion, telah diiktiraf dari segi keuntungan dan penjana kekayaan pemegang saham dengan penubuhan The Edge Billion Ringgit Club. Syarikat yang terbaik di kalangan lebih daripada 20 buah yang terpilih dari tujuh sektor telah menerima Anugerah Syarikat Terbaik Tahun 2010. Nestlé (Malaysia) Berhad mendapat tempat kedua dari segi pulangan daripada ekuiti dalam jangka masa tiga tahun. The Billion Ringgit Club dan anugerah-anugerah yang berkaitan ditubuhkan oleh The Edge, media perniagaan dan pelaburan mingguan yang terkemuka di Malaysia. Anugerah-anugerah telah disampaikan oleh Perdana Menteri Dato' Seri Mohd Najib Tun Hj Abdul Razak.

"ASIA RESPONSIBLE ENTREPRENEURSHIP AWARDS 2010" (AREA)

Nestlé (Malaysia) Berhad merupakan pemenang bagi Asia Responsible Entrepreneurship Awards 2010 (AREA) Malaysia di bawah kategori Penglibatan Komuniti. Anugerah ini dianjurkan bagi mengiktiraf organisasi-organisasi yang telah menunjukkan usaha dan kecekalan dalam menjalankan inisiatif-inisiatif tanggungjawab sosial korporat masing-masing. Nestlé telah menghantar penyertaan bagi inisiatif Menjana Nilai Bersama iaitu penglibatan dengan masyarakat Setiu, suatu projek pembangunan mampan bersama WWF-Malaysia. Pengarah Eksekutif, Kewangan dan Kawalan En. Marc Seiler telah menerima Anugerah tersebut bagi pihak Syarikat di Majlis Anugerah yang berlangsung di Hotel Royale Chulan pada 29 Julai.

ANUGERAH NILAI PEMEGANG SAHAM KPMG 2009

Nestlé (Malaysia) Berhad telah menerima pengiktirafan untuk prestasinya bagi tahun 2009 dan muncul sebagai salah satu daripada tiga pemenang dalam segmen Pasaran Pengguna di majlis Anugerah Nilai Pemegang Saham KPMG 2009. Kami juga telah berjaya memperbaiki kedudukan berbanding tahun lepas untuk menduduki tempat ketiga secara keseluruhan dari segi Penjana Nilai Pemegang Saham berbanding 100 buah syarikat yang tersenarai di Bursa Malaysia. Program

Anugerah ini, yang berada dalam tahun kesembilannya bertujuan untuk mengiktiraf syarikat-syarikat tersenarai di Malaysia yang berupaya menjana nilai yang baik bagi para pemegang sahamnya melalui keuntungan ekonomi di sepanjang tahun kewangan yang ditinjau. Majlis Anugerah tersebut telah dirasmikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif, Bursa Malaysia Berhad, Dato' Yusli Mohamed Yusoff pada 6 Oktober.

ANUGERAH LAPORAN KEMAMPANAN ACCA MALAYSIA 2010 (ACCA MaSRA)

Nestlé (Malaysia) Berhad merupakan pemenang bagi kategori Penglibatan Pihak Pemegang Berkepentingan di Anugerah Laporan Kemampuan ACCA Malaysia 2010 (ACCA MaSRA). Antara 53 buah laporan yang telah diterima, 20 buah telah disenaraipilih untuk menerima Anugerah di majlis yang telah diadakan pada 8 November di Hotel Shangri-La. Pengarah Urusan En. Peter Vogt telah menerima Anugerah tersebut bagi pihak Syarikat daripada Presiden ACCA En. Mark Gold. Anugerah ini yang telah diadakan selama lapan tahun berturut-turut, bertujuan untuk menggalakkan syarikat-syarikat untuk mengenalpasti dan berkomunikasi tentang prestasi sosial dan alam sekitar masing-masing.



TINJAUAN THE WALL STREET JOURNAL ASIA 200

Nestlé (Malaysia) Berhad telah tersenarai di tangga 10 Teratas di Malaysia di kalangan kesemua syarikat dalam Tinjauan The Wall Street Journal Asia 200. Nestlé juga telah berjaya mempertahankan kedudukan di tempat kedua, menghampiri syarikat Public Bank yang meraih tempat pertama sebagai syarikat Malaysia yang paling dikagumi dalam tinjauan Asia 200 yang disertai para pembaca The Wall Street Journal Asia dan ahli-ahli perniagaan lain. Selain itu, di bawah kategori 'Kualiti' pula, kedudukan teratas masih menjadi milik Nestlé Malaysia. Tinjauan tahunan Asia 200 ini merupakan ulasan mengenai prestasi syarikat terkemuka di Asia di mana pemenang ditentukan oleh 2,742 orang pembaca yang terdiri daripada golongan eksekutif dan profesional di 12 pasaran Asia-Pasifik. Ratusan pembuat keputusan perniagaan telah menilai 40 buah syarikat di pasaran masing-masing berdasarkan kriteria kepimpinan utama – Inovasi, Visi Jangka Panjang, Kualiti, Reputasi Korporat dan Reputasi Kewangan. Tinjauan ini dijalankan sejak tahun 1993 oleh Far Eastern Economic Review dan telah berubah format lima tahun yang lalu. Ini adalah kali keempat tinjauan diterbitkan oleh The Wall Street Journal Asia.

ANUGERAH INDEKS TADBIR URUS KORPORAT MALAYSIA 2010

Nestlé (Malaysia) Berhad telah diberi pengiktirafan di majlis Anugerah Indeks Tadbir Urus Korporat Malaysia 2010 yang dianjurkan oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad (MSWG). Nestlé dipilih di kalangan 898 buah syarikat untuk menerima Anugerah Cemerlang dan Anugerah Terbaik CSR. Pengarah Eksekutif, Kewangan & Kawalan En. Marc Seiler menerima Anugerah bagi pihak Syarikat daripada Timbalan Menteri Kewangan, Senator Datuk Dr. Awang Adek Hussein, yang juga menyampaikan ucapan dasar dan menyampaikan anugerah kepada para pemenang di Upacara Penyampaian. MSWG juga mengumumkan 100 syarikat teratas yang memenuhi kriteria yang ditetapkan dalam pelbagai bidang seperti pematuhan, prestasi dan amalan (termasuk kualiti pendedahan). Anugerah ini diadakan untuk mengiktiraf syarikat-syarikat yang mencapai kecemerlangan dalam bidang tadbir urus korporat dan telah dijalankan di Hotel Renaissance Kuala Lumpur pada 14 Disember.

ANUGERAH LAPORAN KORPORAT TAHUNAN KEBANGSAAN (NACRA) 2010

Nestlé (Malaysia) Berhad telah memenangi Anugerah Platinum bagi Rekacipta Laporan Tahunan Terbaik di Anugerah Laporan Korporat Tahunan Kebangsaan (NACRA) 2010 yang telah berlangsung pada 27 Januari 2011. Anugerah-anugerah tersebut telah disampaikan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob. Anjuran bersama Bursa Malaysia Berhad, Institut Akauntan Malaysia (MIA) dan Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA), majlis penyampaian anugerah tahunan tersebut telah diadakan untuk mengiktiraf kecemerlangan dalam laporan tahunan korporat.

Jadual GRI

PIAWAIAN PELAPORAN ANTARABANGSA - PRINSIP INISIATIF PELAPORAN GLOBAL (GRI)

Kami menyediakan laporan ini yang mematuhi Garis Panduan Pelaporan GRI dengan matlamat untuk mengukur, memaklumkan dan bertanggungjawab terhadap pihak berkepentingan dalaman dan luaran untuk prestasi Syarikat ke arah matlamat pembangunan mampan. Kami menyediakan bahagian Laporan Menjana Nilai Bersama ini dalam format yang mudah, inisiatif kami untuk menyetengahkan pelbagai Penanda Prestasi GRI dalam laporan kami.

Untuk maklumat lanjut mengenai GRI, sila layari www.globalreporting.org

CR : Laporan Korporat
FR : Laporan Kewangan
CSVSR : Laporan Menjana Nilai Bersama

Ruj. GRI	Butiran	Di mana ia muncul dalam Laporan ini
----------	---------	-------------------------------------

Profil

Strategi & Analisa

1.1	Kenyataan daripada CEO mengenai kaitan kemampanan kepada organisasi dan strateginya.	CSVSR: Muka surat 2 – Pesanan kepada Pihak Berkepentingan
1.2	Butiran mengenai impak utama, risiko dan peluang.	Sebahagian daripadanya dilaporkan di dalam CSVSR: Muka surat 8 – Strategi Global Menjana Nilai Bersama Nestlé

Profil Organisasi

2.1	Nama organisasi.	CSVSR: Kulit Laporan & Muka surat 4-5 – Maklumat Ringkas
2.2	Jenama, produk, dan/atau perkhidmatan utama.	CSVSR: Muka surat 5 – Maklumat Ringkas; CR: Muka surat 20-27 – Ulasan Perniagaan Pengarah Urusan
2.3	Struktur operasi organisasi.	CSVSR: Muka surat 6 – Struktur Organisasi
2.4	Lokasi ibu pejabat organisasi.	CSVSR: Muka surat 5 – Maklumat Ringkas
2.5	Bilangan negara di mana organisasi beroperasi.	CSVSR: Muka surat 4-5 – Maklumat Ringkas
2.6	Pemilikan & bentuk perundangan.	FR: Muka surat 60-61 – Statistik Pemegang Saham
2.7	Pasaran.	CSVSR: Muka surat 5 – Maklumat Ringkas
2.8	Skala organisasi yang dilaporkan (termasuk warga kerja, aset, jualan dan produk).	CSVSR: Muka surat 52-57 – Warga Kerja & Persekitaran Kerja Kami; FR: Muka surat 25 (Polisi Akaun Tertentu)
2.9	Perubahan penting sepanjang tempoh pelaporan yang melibatkan saiz, struktur atau pemilikan.	FR: Muka surat 32 – Pelaburan Subsidiari
2.10	Anugerah diterima dalam tempoh pelaporan.	CSVSR: Muka surat 80-81 – Anugerah & Pencapaian

Parameter Laporan

Profil Laporan

3.1	Tempoh pelaporan.	CSVSR: Kulit Laporan, Muka surat: 10-11 – Nestlé Malaysia & Menjana Nilai Bersama
3.2	Tarikh laporan sebelum ini (jika ada).	CSVSR: Muka surat 10-11 Nestlé Malaysia & Menjana Nilai Bersama
3.3	Kitaran pelaporan.	CSVSR: Muka surat 10-11 – Nestlé Malaysia & Menjana Nilai Bersama
3.4	Cara berhubung untuk soalan mengenai laporan atau kandungannya.	CSVSR: Muka surat 92 – Butir-Butir Hubungan Nestlé

Skop & Had Pelaporan

3.5	Proses untuk menafsirkan kandungan laporan.	CSV: Muka surat 10-11 – Nestlé Malaysia & Menjana Nilai Bersama; Muka surat 12-15 – Penglibatan Pihak Berkepentingan
3.6	Had laporan.	CSV: Muka surat 10-11 – Nestlé Malaysia & Menjana Nilai Bersama
3.7	Nyatakan sebarang had khusus mengenai skop had laporan	CSV: Muka surat 10-11 – Nestlé Malaysia & Menjana Nilai Bersama
3.8	Asas pelaporan mengenai usahasama, subsidiari, kemudahan sewa, operasi sumber luar, dan entiti lain yang boleh memberi kesan perbandingan yang penting.	CSV: Muka surat 10-11 – Nestlé Malaysia & Menjana Nilai Bersama
3.9	Teknik pengukuran data dan asas pengiraan.	Tidak dilaporkan
3.10	Penjelasan mengenai kesan kenyataan semula maklumat yang disediakan dalam laporan terdahulu dan alasannya.	Tiada kenyataan semula bagi maklumat diberi dalam laporan yang sebelumnya
3.11	Perubahan penting daripada pelaporan terdahulu dalam skop had, atau pengukuran kaedah yang digunakan dalam laporan berkenaan.	Tiada pertukaran penting daripada tempoh laporan yang sebelumnya dari segi had, atau cara ukuran yang digunakan didalam laporan

Indeks Kandungan GRI

3.12	Jadual untuk mengenalpasti lokasi Pemberitahuan Standard dalam laporan berkenaan.	CSV: Muka surat 82-89 – Jadual GRI
------	---	------------------------------------

Jaminan

3.13	Polisi dan amalan semasa bagi mendapatkan jaminan luaran untuk laporan berkenaan.	CSV: Muka surat 90-91 – Laporan Jaminan Bebas
------	---	---

Tadbir Urus, Komitmen dan Penglibatan

Tadbir Urus

4.1	Struktur tadbir urus organisasi.	CSV: Muka surat 16-17 – Tadbir Urus Korporat; CR: Muka surat 60-81 – Kenyataan Tadbir Urus Korporat
4.2	Menunjukkan sama ada Pengerusi badan tadbir urus tertinggi adalah pegawai eksekutif.	CSV: Muka surat 16-17 – Tadbir Urus Korporat; CR: Muka surat 60-81 – Kenyataan Tadbir Urus Korporat
4.3	Untuk organisasi yang mempunyai satu struktur lembaga bersatu, nyatakan bilangan ahli badan tadbir urus tertinggi yang bebas dan/atau ahli bukan eksekutif.	CSV: Muka surat 16-17 – Tadbir Urus Korporat; CR: Muka surat 60-81 – Kenyataan Tadbir Urus Korporat
4.4	Mekanisme untuk para pemegang saham dan warga kerja menyediakan saranan atau arahan kepada badan tadbir urus tertinggi.	CSV: Muka surat 52-57 – Warga Kerja & Persekitaran Kerja Kami; Muka surat 62 – Prestasi Warga Kerja CR: Muka surat 75 – Kenyataan Tadbir Urus (Mesyuarat Agung Tahunan)
4.5	Kaitan antara ganjaran untuk ahli badan tadbir urus tertinggi, pengurus kanan, dan eksekutif, dengan prestasi organisasi.	CR: Muka surat 60-81 – Kenyataan Tadbir Urus Korporat
4.6	Proses sedia ada untuk badan tadbir urus tertinggi bagi memastikan konflik berkepentingan dapat dielakkan.	CR: Muka surat 60-81 – Kenyataan Tadbir Urus Korporat
4.7	Proses menentukan kelayakan dan kepakaran ahli badan tadbir urus tertinggi bagi membimbing strategi organisasi terhadap topik ekonomi, alam sekitar dan sosial.	CR: Muka surat 60-81 – Kenyataan Tadbir Urus Korporat
4.8	Kenyataan yang dibina secara dalaman mengenai misi atau nilai, kod pengendalian dan prinsip yang berkaitan dengan prestasi ekonomi, alam sekitar dan sosial dan status pelaksanaannya.	CR: Muka surat 60-81 – Kenyataan Tadbir Urus Korporat

Jadual GRI

4.9	Prosedur badan tadbir urus tertinggi untuk menyelia pengenalan dan pengurusan prestasi ekonomi, alam sekitar dan sosial organisasi, termasuk risiko dan peluang berkaitan, dan menuruti atau mematuhi piawaian, kod pengendalian dan prinsip antarabangsa.	CR: Muka surat 60-81 – Kenyataan Tadbir Urus Korporat
4.10	Proses untuk menilai prestasi sendiri badan tadbir urus tertinggi.	CR: Muka surat 60-81 – Kenyataan Tadbir Urus Korporat

Komitmen kepada Inisiatif Luaran

4.11	Penjelasan sama ada dan bagaimana pendekatan atau prinsip pencegahan ditangani oleh organisasi.	CSV: Muka surat 66-73 – Para Pengguna & Pasaran Kami; CR: Muka surat 82 – Kenyataan Kawalan Dalam (Pengurusan Risiko)
4.12	Piagam, prinsip atau inisiatif lain membabitkan ekonomi, alam sekitar dan sosial yang dibangunkan secara luaran yang dipersetujui atau disokong oleh organisasi.	CSV: Muka surat 40 – Komitmen Kami terhadap Alam Sekitar (Pengurusan Air – Tumpuan Utama Kami)
4.13	Keahlian dalam persatuan-persatuan.	CSV: Muka surat 40 – Komitmen Kami terhadap Alam Sekitar (Pengurusan Air – Tumpuan Utama Kami)

Penglibatan Pihak Berkepentingan

4.14	Senarai pihak berkepentingan.	CSV: Muka surat 12-15 – Penglibatan Pihak Berkepentingan
4.15	Asas untuk pengenalan dan pemilihan pihak berkepentingan yang terlibat.	CSV: Muka surat 12-15 – Penglibatan Pihak Berkepentingan
4.16	Pendekatan kepada penglibatan pihak berkepentingan.	CSV: Muka surat 12-15 – Penglibatan Pihak Berkepentingan
4.17	Topik dan urusan utama yang telah dibangkitkan menerusi penglibatan pihak berkepentingan, dan bagaimana organisasi mengendalikannya.	CSV: Muka surat 12-15 – Penglibatan Pihak Berkepentingan

Penanda Prestasi Ekonomi

Aspek: Prestasi Ekonomi

EC1	Nilai ekonomi yang dijana dan diedarkan secara langsung, termasuk hasil, kos operasi, ganjaran warga kerja, derma dan pelaburan komuniti lain, pendapatan tertahan dan bayaran kepada penyedia modal dan kerajaan.	CSV: Muka surat 19 – Prestasi Ekonomi; FR: Muka surat 3 – Sorotan Kewangan Kumpulan
EC2	Kesan kewangan serta risiko dan peluang lain untuk aktiviti organisasi disebabkan oleh perubahan iklim.	Sebahagian daripadanya dilaporkan di dalam CSV: Muka surat 39 – Komitmen Kami terhadap Alam Sekitar (Menangani Perubahan Iklim)
EC3	Liputan tanggungjawab pelan faedah organisasi.	Tidak dilaporkan
EC4	Bantuan kewangan penting yang diterima daripada kerajaan.	CR: Muka surat 25-26 – Kewangan & Kawalan

Aspek: Kehadiran Pasaran

EC5	Rangkaian nisbah gaji tahap kemasukan piawai dibandingkan dengan gaji minimum tempatan di lokasi operasi penting.	Tidak dilaporkan
EC6	Polisi, amalan dan bahagian perbelanjaan terhadap pembekal tempatan di lokasi operasi penting.	Sebahagian daripadanya dilaporkan di www.nestle.com : Polisi Kemampanan Alam Sekitar Nestlé (Muka surat 2 – Bidang Keutamaan Kami)
EC7	Prosedur untuk menggajikan penduduk setempat dan bahagian pengurusan kanan yang dilantik daripada penduduk tempatan di lokasi operasi penting.	Tidak dilaporkan

Aspek: Impak Tidak Langsung Ekonomi

EC8	Pembangunan dan impak pelaburan infrastruktur dan perkhidmatan yang disediakan terutamanya untuk manfaat orang ramai menerusi penglibatan komersil, barangan atau percuma.	CSVR: Muka surat 27-28 – Rasa Hormat & Keprihatinan Kami terhadap Masyarakat (Pendidikan Pra-Sekolah – Kawasan Pedalaman Sabah)
EC9	Memahami dan menggambarkan impak tidak langsung ekonomi termasuk had impak berkenaan.	Sebahagian daripadanya dilaporkan di dalam CSVR: Muka surat 26-27 – Rasa Hormat & Keprihatinan Kami terhadap Masyarakat (Projek Beras Merah di Serian, Sarawak)

Penanda Prestasi Alam Sekitar

Aspek: Bahan-bahan

EN1	Bahan-bahan yang digunakan berdasarkan berat atau jumlah.	Tidak dilaporkan
EN2	Peratusan bahan-bahan yang digunakan yang merupakan bahan-bahan input yang dikitar semula.	Tidak dilaporkan

Aspek: Tenaga

EN3	Penggunaan tenaga secara langsung oleh sumber tenaga utama.	CSVR: Muka surat 38-39 – Komitmen Kami terhadap Alam Sekitar; Muka surat 49 – Prestasi Alam Sekitar
EN4	Penggunaan tenaga secara tidak langsung oleh sumber utama.	Tidak dilaporkan
EN5	Penjimatan tenaga disebabkan pemuliharaan dan penambahbaikan kecekapan tenaga.	Tidak dilaporkan
EN6	Inisiatif untuk menyediakan produk dan perkhidmatan berasaskan tenaga yang cekap atau tenaga yang boleh diperbaharui, dan pengurangan dalam keperluan tenaga hasil daripada inisiatif ini.	Sebahagian daripadanya dilaporkan didalam CSVR: Muka surat 44-45 – Komitmen Kami terhadap Alam Sekitar (Kes Kajian Tenaga)
EN7	Inisiatif untuk mengurangkan penggunaan tenaga secara tidak langsung dan pengurangan dicapai.	Tidak dilaporkan

Aspek: Air

EN8	Jumlah pengeluaran air oleh sumber.	CSVR: Muka surat 40-41 – Komitmen Kami terhadap Alam Sekitar (Pengurusan Air – Tumpuan Utama Kami)
EN9	Sumber air terjejas secara ketara dengan pengeluaran air.	Tidak dilaporkan
EN10	Peratusan dan jumlah sepenuhnya air yang dikitar semula dan digunakan semula.	Tidak dilaporkan

Aspek: Biodiversiti

EN11	Lokasi dan saiz tanah yang dimiliki, dipajak, diuruskan dalam atau bersebelahan dengan kawasan yang dilindungi dan kawasan yang mempunyai nilai biodiversiti yang tinggi di luar kawasan yang dilindungi.	Tidak dilaporkan
EN12	Huraian mengenai impak aktiviti, produk dan perkhidmatan terhadap biodiversiti di dalam kawasan yang dilindungi dan kawasan yang mempunyai nilai biodiversiti yang tinggi di luar kawasan yang dilindungi.	Tidak dilaporkan
EN13	Tempat tinggal yang dilindungi atau dibaik pulih.	Sebahagian daripadanya dilaporkan di dalam CSVR: Muka surat 28-29 – Rasa Hormat & Keprihatinan Kami terhadap Alam Sekitar (Memperkasakan Wanita untuk Memimpin); Muka surat 32 – Prestasi Masyarakat; Muka surat 33-34 – Sasaran & Pencapaian)
EN14	Strategi, tindakan semasa dan rancangan masa hadapan untuk menguruskan kesan terhadap biodiversiti.	Tidak dilaporkan
EN15	Bilangan spesies Senarai Merah IUCN dan senarai spesies pemuliharaan kebangsaan dengan tempat tinggal di dalam kawasan yang terjejas oleh operasi, pada tahap risiko kepupusan.	Tidak dilaporkan

Jadual GRI

Aspek: Pelepasan, Cairan Buangan, dan Sisa

EN16	Jumlah pelepasan gas rumah hijau secara langsung dan tidak langsung berdasarkan berat.	Sebahagian daripadanya dilaporkan di dalam CSV: Muka surat 49 – Prestasi Alam Sekitar
EN17	Pelepasan gas rumah hijau tidak langsung lain yang berkaitan berdasarkan berat.	Tidak dilaporkan
EN18	Inisiatif untuk mengurangkan gas rumah hijau dan pengurangan yang dicapai.	CSV: Muka surat 50 – Sasaran & Pencapaian
EN19	Pelepasan bahan mengurangkan ozon berdasarkan berat.	Sebahagian daripadanya dilaporkan di dalam CSV: Muka surat 49 – Prestasi Alam Sekitar
EN20	NO, SO dan pelepasan udara penting yang lain berdasarkan jenis dan berat.	Sebahagian daripadanya dilaporkan di dalam CSV: Muka surat 49 – Prestasi Alam Sekitar
EN21	Jumlah air yang dibuang berdasarkan kualiti dan destinasi.	Tidak dilaporkan
EN22	Jumlah berat sisa berdasarkan jenis dan kaedah pelupusan.	Sebahagian daripadanya dilaporkan di dalam CSV: Muka surat 49 – Prestasi Alam Sekitar
EN23	Jumlah bilangan dan isipadu tumpahan penting.	Tidak dilaporkan
EN24	Berat sisa yang dihantar, diimport, dieksport atau dirawat yang dianggap berbahaya di bawah syarat Basel Convention Annex I, II, III, dan VIII, dan peraturan penghantaran sisa di peringkat antarabangsa.	Tidak dilaporkan
EN25	Identiti, saiz, status yang dilindungi dan nilai biodiversiti badan berkuasa air dan tempat tinggal berkaitan yang terjejas secara ketara berdasarkan pelaporan pembuangan organisasi.	Tidak dilaporkan

Aspek: Produk dan Perkhidmatan

EN26	Inisiatif untuk mengurangkan kesan alam sekitar bagi produk dan perkhidmatan, serta had pengurangan impak.	CSV: Muka surat 41-42 – Komitmen Kami terhadap Alam Sekitar (Penjimatan Menerusi Pembungkusan Inovatif)
EN27	Peraturan produk yang dijual dan bahan pembungkusannya yang ditebus guna mengikut kategori.	Tidak dilaporkan

Aspek: Pematuhan

EN28	Nilai wang bagi denda penting dan jumlah bilangan sekatan bukan berbentuk kewangan kerana tidak mematuhi undang-undang dan peraturan alam sekitar.	Tidak dilaporkan
------	--	------------------

Aspek: Pengangkutan

EN29	Kesan alam sekitar penting bagi menghantar produk dan barangan dan bahan lain yang digunakan untuk operasi organisasi dan menghantar tenaga kerja.	Sebahagian daripadanya dilaporkan di dalam CSV: Muka surat 43 – Komitmen Kami terhadap Alam Sekitar (Rangkaian Bekalan); Muka surat 51 – Sasaran & Pencapaian
------	--	---

Aspek: Keseluruhan

EN30	Jumlah perbelanjaan dan pelaburan perlindungan alam sekitar berdasarkan jenis.	Tidak dilaporkan
------	--	------------------

Sosial – Amalan Buruh & Penanda Prestasi Kerja yang Baik

Aspek: Pekerjaan

LA1	Jumlah warga kerja berdasarkan jenis pekerjaan, kontrak pekerjaan dan rantau.	CSV: Muka surat 54 – Warga Kerja & Persekitaran Kerja Kami; Muka surat 62 – Prestasi Warga Kerja
LA2	Jumlah bilangan dan kadar pusing ganti pekerja berdasarkan kumpulan umur, jantina dan lokasi.	Tidak dilaporkan
LA3	Faedah disediakan kepada pekerja sepenuh masa yang tidak disediakan kepada pekerja sementara atau sambilan berdasarkan operasi besar.	Tidak dilaporkan

Aspek: Hubungan Pekerjaan/Pengurusan

LA4	Peratusan warga kerja yang dilindungi oleh perjanjian penawaran kolektif.	Tidak dilaporkan
LA5	Tempoh notis minimum berkaitan perubahan operasi, termasuk sama ada ia ditetapkan dalam perjanjian kolektif.	Tidak dilaporkan

Aspek: Kesihatan & Keselamatan Pekerjaan

LA6	Peratusan jumlah tenaga kerja menjadi wakil dalam jawatankuasa bersama rasmi kesihatan dan keselamatan pengurusan-pekerja yang membantu untuk memantau dan memberi nasihat berhubung program kesihatan dan keselamatan pekerjaan.	Tidak dilaporkan
LA7	Kadar kecederaan, penyakit akibat pekerjaan, kehilangan hari dan ketidakhadiran, serta bilangan kematian berkaitan kerja berdasarkan rantau.	Sebahagian daripadanya dilaporkan di dalam CSV: Muka surat 56-57 – Warga Kerja & Persekitaran Persekitaran Kerja Kami (Keselamatan di Tempat Kerja); Muka surat 62 – Prestasi Warga Kerja
LA8	Program pendidikan, latihan, kaunseling, pencegahan dan pengawalan risiko sedia ada untuk membantu tenaga kerja, keluarga mereka atau anggota masyarakat membabitkan penyakit serius.	Tidak dilaporkan
LA9	Topik kesihatan dan keselamatan dalam perjanjian rasmi bersama kesatuan perdagangan.	Tidak dilaporkan

Aspek: Latihan & Pendidikan

LA10	Purata jam latihan setiap tahun untuk setiap warga kerja berdasarkan kategori warga kerja.	Tidak dilaporkan
LA11	Program untuk kemahiran pengurusan dan pembelajaran sepanjang hayat yang menyokong tenaga kerja berterusan bagi warga kerja dan membantu mereka dalam menguruskan tempoh akhir bekerja.	Sebahagian daripadanya dilaporkan di dalam CSV: Muka surat 56 – Warga Kerja & Persekitaran Kerja Kami (Gaya Hidup Sihat untuk Semua); CR: Muka surat 25 – Ulasan Pengarah Urusan (Sumber Manusia)
LA12	Peratusan warga kerja menerima ulasan prestasi dan pembangunan kerjaya secara berterusan.	Tidak dilaporkan

Aspek: Kepelbagaian & Peluang Sama Rata

LA13	Komposisi badan tadbir urus dan pecahan warga kerja setiap kategori berdasarkan jantina, kumpulan umur, keahlian kumpulan minoriti, dan penanda kepelbagaian yang lain.	Sebahagian daripadanya dilaporkan di dalam CSV: Muka surat 62 – Prestasi Pekerja; CR: Muka surat 48 – Data Korporat
LA14	Nisbah gaji asas lelaki kepada wanita berdasarkan kategori warga kerja.	CSV: Muka surat 62 – Prestasi Pekerja

Sosial – Penanda Prestasi Hak Asasi Manusia

Aspek: Pelaburan & Amalan Pemerolehan

HR1	Peratusan dan jumlah bilangan perjanjian pelaburan penting yang meliputi fasal hak asasi manusia atau yang telah menjalani pemeriksaan hak asasi manusia.	Tidak dilaporkan
HR2	Peratusan pembekal dan kontraktor penting yang telah menjalani pemeriksaan hak asasi manusia dan tindakan yang diambil.	Tidak dilaporkan
HR3	Jumlah jam latihan warga kerja berhubung polisi dan prosedur membabitkan aspek hak asasi manusia yang berkaitan dengan operasi termasuk peratusan warga kerja yang dilatih.	Tidak dilaporkan

Aspek: Bukan Diskriminasi

HR4	Jumlah bilangan kejadian diskriminasi dan tindakan yang diambil.	Tiada peristiwa diskriminasi yang dilaporkan sepanjang tahun ulasan.
-----	--	--

Jadual GRI

Aspek: Kebebasan Persatuan & Penawaran Kolektif

HR5	Operasi dikenalpasti di mana hak untuk melaksanakan kebebasan persatuan dan penawaran kolektif mungkin berada pada risiko penting, dan tindakan diambil untuk menyokong hak tersebut.	Tidak dilaporkan
-----	---	------------------

Aspek: Tenaga Buruh Kanak-kanak

HR6	Operasi dikenalpasti yang mempunyai risiko ketara kejadian buruh kanak-kanak, dan tindakan diambil untuk menyumbang kepada penghapusan buruh kanak-kanak.	Tidak dilaporkan
-----	---	------------------

Aspek: Tenaga Buruh Paksa & Wajib

HR7	Operasi dikenalpasti mempunyai risiko penting kejadian buruh paksa atau wajib, dan tindakan diambil untuk menyumbang kepada penghapusan buruh paksa atau wajib.	Tidak dilaporkan
-----	---	------------------

Aspek: Amalan Keselamatan

HR8	Peratusan kakitangan keselamatan yang dilatih dalam polisi atau prosedur organisasi membabitkan aspek hak asasi manusia yang berkaitan dengan operasi.	Tidak dilaporkan
-----	--	------------------

Aspek: Hak Asasi Pribumi

HR9	Jumlah bilangan kes pelanggaran hak masyarakat pribumi dan tindakan yang diambil.	Tiada peristiwa keganasan yang melibatkan hak orang asli dilaporkan atau berlaku sepanjang tahun ulasan.
-----	---	--

Penanda Prestasi Masyarakat

Aspek: Masyarakat

S01	Keadaan, skop dan keberkesanan sebarang program dan amalan yang menilai dan menguruskan kesan operasi terhadap masyarakat termasuk menyertai, menjalankan operasi dan menamatkan operasi.	Sebahagian daripadanya dilaporkan di dalam CSV: Muka surat 22-29 – Rasa Hormat & Keprihatinan Kami terhadap Masyarakat
-----	---	--

Aspek: Rasuah

S02	Peratusan dan jumlah bilangan unit perniagaan yang dianalisa untuk risiko berkaitan rasuah.	Tidak dilaporkan
S03	Peratusan warga kerja dilatih dalam polisi dan prosedur anti-rasuah organisasi.	Tidak dilaporkan
S04	Tindakan diambil sebagai maklumbalas kepada kes rasuah.	Tidak dilaporkan

Aspek: Polisi Umum

S05	Kedudukan dan penyertaan polisi umum dalam pembangunan dan melobi polisi umum.	Tidak dilaporkan
S06	Jumlah nilai sumbangan kewangan dan barangan kepada parti politik, ahli politik dan institusi berkaitan berdasarkan negara.	Tidak dilaporkan

Aspek: Tingkah Laku Menentang Daya Saing

S07	Jumlah bilangan tindakan perundangan untuk tingkah laku menentang daya saing, pecah amanah, dan amalan monopoli serta keputusannya.	Tiada tindakan diambil atau dilaporkan ke atas Nestlé Malaysia sepanjang tahun ulasan untuk tingkah laku menentang daya saing, pecah amanah, dan amalan monopoli.
-----	---	---

Aspek: Pematuhan

S08	Nilai wang denda penting dan jumlah bilangan sekatan bukan kewangan kerana tidak mematuhi undang-undang dan peraturan.	Tiada saman atau denda dikenakan ke atas Nestlé Malaysia sepanjang tahun ulasan kerana tidak mematuhi undang-undangan peraturan.
-----	--	--

Penanda Prestasi Tanggungjawab Produk

Aspek: Kesihatan & Keselamatan Pelanggan

PR1	Peringkat kitaran hayat yang mana kesan kesihatan dan keselamatan produk dan perkhidmatan dinilai untuk penambahbaikan, dan peratusan kategori produk dan perkhidmatan penting tertakluk kepada prosedur berkenaan.	Tidak dilaporkan
PR2	Jumlah bilangan kes tidak mematuhi peraturan dan kod sukarela membabitkan kesan kesihatan dan keselamatan produk dan perkhidmatan sepanjang kitaran hayat mereka, berdasarkan jenis keputusan.	Tidak dilaporkan

Aspek: Pelabelan Produk & Perkhidmatan

PR3	Jenis maklumat produk dan perkhidmatan yang diperlukan mengikut prosedur dan peratusan produk dan perkhidmatan penting tertakluk kepada keperluan maklumat berkenaan.	Sebahagian daripadanya dilaporkan di dalam CSVR: Muka surat 69 – Para Pengguna & Pasaran Kami (Kompas Pemakanan – Skim Pelabelan Berjenama Nestlé)
PR4	Jumlah bilangan kes tidak mematuhi peraturan dan kod sukarela membabitkan maklumat dan pelabelan produk dan perkhidmatan, berdasarkan jenis keputusan.	Tidak dilaporkan
PR5	Amalan berkaitan kepuasan pelanggan termasuk hasil kajian yang mengukur kepuasan pelanggan.	Sebahagian daripadanya dilaporkan di dalam CSVR: Muka surat 70 – Para Pengguna & Pasaran Kami (Tahap Khidmat Pelanggan)

Aspek: Komunikasi Pemasaran

PR6	Program bagi mematuhi undang-undang, piawaian dan kod sukarela berkaitan dengan komunikasi pemasaran, termasuk pengiklanan, promosi dan penajaan.	Tidak dilaporkan
PR7	Jumlah bilangan kes yang tidak mematuhi peraturan dan kod sukarela membabitkan komunikasi pemasaran, termasuk pengiklanan, promosi dan penajaan berdasarkan jenis keputusan.	Tidak dilaporkan

Aspek: Privasi Pelanggan

PR8	Jumlah bilangan aduan yang disahkan membabitkan pelanggaran privasi pelanggan dan kehilangan data pelanggan.	Tidak dilaporkan
-----	--	------------------

Aspek: Pematuhan

PR9	Nilai wang denda penting kerana tidak mematuhi undang-undang dan peraturan membabitkan peruntukan dan penggunaan produk dan perkhidmatan.	Tiada saman dikenakan ke atas Nestlé Malaysia sepanjang tahun ulasan kerana tidak mematuhi undang-undang dan peraturan membabitkan peruntukan dan penggunaan produk, dan perkhidmatan.
-----	---	--



LAPORAN JAMINAN BEBAS

Laporan Jaminan Bebas kepada para Pengarah syarikat Nestlé (Malaysia) Berhad berhubung maklumat Kemampanan Korporat terpilih yang dinyatakan dalam 'Laporan Menjana Nilai Bersama 2010'.

Kami telah dilantik oleh Nestlé (Malaysia) Berhad ("Nestlé") untuk melaksanakan pembabitan jaminan terhad bebas berhubung dengan maklumat Kemampanan Korporat terpilih ("Maklumat Terpilih") seperti yang dilaporkan oleh Nestlé dalam Laporan Menjana Nilai Bersama bagi tahun berakhir 31 Disember 2010 ("Laporan CSV 2010").

Perkara Subjek

Maklumat Terpilih bagi tahun berakhir 31 Disember 2010 yang mana kami memberi jaminan terhad terdiri daripada:

- Proses pengurusan dan pelaporan berkaitan dengan penyediaan Maklumat Terpilih yang ditandakan dengan asterik (*) pada muka surat 10, 25, 28, 29, 33, 35 dan 45 dalam Laporan CSV 2010; dan
- Pengisytiharan oleh Nestlé berhubung Tahap Pengaplikasian Inisiatif Pelaporan Global ("GRI") 'C+' berdasarkan Garis Panduan Pelaporan Kemampanan GRI G3 pada muka surat 2 dalam Laporan CSV 2010.

Kriteria

- Garis panduan dan prosedur pelaporan kemampanan dalaman bagi Nestlé berdasarkan mana Maklumat Terpilih dikumpul, disemak dan dijumlahkan secara dalaman; dan
- "Garis Panduan Pelaporan Kemampanan G3" yang diterbitkan oleh GRI pada Oktober 2006.

Tanggungjawab dan Metodologi

Ketepatan dan kesempurnaan penunjuk kemampanan adalah tertakluk kepada inherek keterbatasan memandangkan sifat dan kaedah yang digunakan untuk menentu, mengira dan menganggarkan data sedemikian. Oleh itu, laporan jaminan kami seharusnya dibaca sejajar dengan garis panduan, takrifan dan prosedur dalaman Nestlé berkaitan dengan pelaporan prestasi kemampanan syarikat.

Jawatankuasa Tanggungjawab Korporat Nestlé bertanggungjawab untuk kedua-dua perkara subjek dan aplikasi kriteria penilaian.

Tanggungjawab kami adalah untuk membuat kesimpulan mengenai perkara subjek berdasarkan prosedur pengumpulan bukti kami menurut Piawaian Antarabangsa berkenaan Pembabitan Jaminan (International Standard on Assurance Engagements) 3000 "Pembabitan Jaminan selain daripada Audit atau Ulasan bagi Maklumat Kewangan Bersejarah". Piawaian tersebut mewajibkan kami mematuhi tuntutan etika di samping merancang dan melaksanakan pembabitan jaminan untuk menyatakan kesimpulan kami dengan jaminan terhad.

*PricewaterhouseCoopers (AF 1146), Chartered Accountants,
Level 10, 1 Sentral, Jalan Travers, Kuala Lumpur Sentral, P.O. Box 10192, 50706 Kuala Lumpur, Malaysia
T: +60 (3) 2173 1188, F: +60 (3) 2173 1288, www.pwc.com/my*



Tanggungjawab dan Metodologi (lanjutan)

Dalam pembabitan jaminan terhad, prosedur bagi pengumpulan bukti adalah lebih terhad berbanding dengan pembabitan jaminan yang munasabah. Maka, jaminan yang diberikan adalah lebih kurang berbanding dengan jaminan yang munasabah. Pilihan prosedur bergantung kepada pertimbangan pengamal, termasuk penilaian ke atas risiko ketidakpatuhan perkara subjek dengan kriteria.

Prosedur Utama Jaminan

Prosedur utama jaminan kami termasuk aktiviti berikut:

- **Penilaian pengaplikasian garis panduan pelaporan kemampanan.** Meneliti permohonan "Garis Panduan Pelaporan Kemampanan G3" GRI dan garis panduan pelaporan kemampanan dalaman Nestlé.
- **Lawatan tapak.** Melawat tapak-tapak terpilih di Setiu (Terengganu), Bukit Awang (Kelantan) dan Chembong (Negeri Sembilan). Pemilihan adalah berdasarkan kriteria kualitatif dan kuantitatif: menemubual peserta-peserta program masyarakat setempat dan kakitangan bertanggungjawab untuk pelaporan dalaman, dan pengumpulan data di tapak yang kami lawati dan di peringkat korporat.
- **Penilaian Maklumat Terpilih.** Menjalankan ujian ke atas sampel bagi memperoleh bukti asas yang menyokong Maklumat Terpilih untuk kesempurnaan dan ketepatan.
- **Penilaian penggabungan proses dan data.** Meneliti ketepatan proses pengurusan dan pelaporan bagi pelaporan alam sekitar dan menilai proses penggabungan data pada peringkat korporat.
- **Penilaian Tahap Permohonan GRI.** Menilai Tahap Pengaplikasian GRI bagi Garis Panduan Pelaporan Kemampanan GRI G3 yang telah diaplikasikan ke atas Laporan CSV 2010 pada tahap 'C+'.

Kesimpulan

Berdasarkan hasil kerja kami yang dijelaskan dan kriteria yang terkandung dalam laporan ini, dalam semua hal yang material, tiada perkara menjadi perhatian kami yang menyebabkan kami percaya bahawa, bagi tahun berakhir 31 Disember 2010:

- Maklumat Terpilih tidak dinyatakan secara saksama sejajar dengan garis panduan pelaporan kemampanan dalaman Nestlé; dan
- Pengisytiharan Nestlé berhubung Tahap Pengaplikasian GRI tidak diaplikasikan dengan sewajarnya berdasarkan Garis Panduan Pelaporan Kemampanan G3 pada tahap 'C+'.

PricewaterhouseCoopers
(No: AF 1146)
Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur
18 Mac 2011

Ini adalah terjemahan Bahasa Malaysia untuk Laporan Menjana Nilai Bersama 2010 yang dilaporkan oleh Nestlé (Malaysia) Berhad ("Nestlé"), yang pada asalnya telah disediakan dalam Bahasa Inggeris. Terjemahan ini telah dibuat untuk membolehkan ahli-ahli Nestlé yang liris dalam Bahasa Malaysia untuk memulakan sepenuhnya Laporan Menjana Nilai Bersama 2010 berkenaan. Para pembaca dinasihatkan supaya merujuk kepada versi Bahasa Inggeris untuk Laporan Menjana Nilai Bersama 2010 dan laporan jaminan bebas berkenaan yang telah diulaskan. PricewaterhouseCoopers (No: AF 1146) tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang perbezaan di dalam Terjemahan ini.

Butir-butir Hubungan Nestlé

Kunjungi laman web kami di **www.nestle.com.my**

Telefon kami di talian percuma **1-800-88-3433**

Hantarkan faks kepada **03-7965 6767**

Tulis kepada kami di **Khidmat Pengguna Nestlé
22-1, Tingkat 22, Menara Surian
No.1, Jalan PJU 7/3
Mutiarra Damansara
47810 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan**

E-mel kami di **Nourishing.Malaysia@my.nestle.com**

Nestlé (Malaysia) Berhad (110925-W)

22-1, Tingkat 22, Menara Surian

No. 1, Jalan PJU 7/3

Mutiara Damansara

47810 Petaling Jaya

Selangor Darul Ehsan

Malaysia

Telefon : (+603) 7965 6000

Faksimili : (+603) 7965 6767

Talian Percuma Khidmat

Pengguna Nestlé: 1-800-88-3433

www.nestle.com.my